



# **RUKUN NEGARA**

**Bahawasanya Negara Kita Malaysia**

mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,  
berikrar akan menumpukan  
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut  
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN  
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA  
KELUHURAN PERLEMBAGAAN  
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG  
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

# PENDIDIKAN MORAL

## Tingkatan **3**



**PENULIS**

**Abdul Pabil bin Adam**  
**Uthayakumaran a/l Karuppiyah**  
**Vishalache a/p Balakrishnan**



**EDITOR**

**Azhani binti Md Mizan**  
**Nor Azita binti Umar**



**PEREKA BENTUK**

**Hisham bin Aris**



**ILUSTRATOR**

**Abdul Razak bin Husin**



**DBP**

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
2018



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0070

KK 370-221-0102011-49-2082-20101  
ISBN 978-983-49-2082-1

Cetakan Pertama 2018  
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2018

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Jalan Dewan Bahasa,  
50460 Kuala Lumpur.  
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)  
No. Faksimile: 03-21479643  
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:  
Dewan Bahasa dan Pustaka

Muka Taip Teks: Rockwell  
Saiz Muka Taip Teks: 11 poin

Dicetak oleh:  
Percetakan Zainon Kassim Sdn. Bhd.  
No. 1, 2, 4 & 6, Tingkat Kilang,  
Kawasan Perindustrian Ringan Jelapang,  
30100 Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan.

## PENGHARGAAN

Penghasilan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Oleh itu, penulis merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama memberikan sumbangan sehingga buku ini sempurna diterbitkan. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada pihak yang berikut:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Buku Teks dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Panel Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Taman Laut Malaysia.
- Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.
- Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia.
- Jabatan Alam Sekitar.
- Perbadanan Putrajaya.
- Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara.
- Polis Diraja Malaysia.
- Jabatan Penjara Malaysia.
- Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP).
- Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.
- Agensi Antidadah Kebangsaan.
- Majlis Bandaraya Johor Bahru.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- Bulan Sabit Merah Malaysia.
- Jabatan Perhutanan Sabah.
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
- Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah.
- Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC).
- Persekutuan Antarabangsa Persatuan-persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa (IFRC).
- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.
- Majlis Adat Istiadat Sarawak.
- Pejabat Komunikasi Korporat, Universiti Malaya.
- Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.
- *Kadazandusun Cultural Association*.
- Muzium Baba dan Nyonya Melaka.
- Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas.
- Persatuan Penduduk Subang Indah.
- *Hidayah Centre Foundation*.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli.
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- Hospital Queen Elizabeth II, Sabah.
- Majlis Sukan Negeri Selangor.
- Pertubuhan Kebudayaan Silambam Maha Guru Ramachandran Malaysia.
- Zoo Negara Malaysia.
- SMK Taman Seraya, Ampang, Selangor.
- Briged Siber SMK Taman Seraya, Ampang, Selangor.
- SMK St. Mary, Kuching, Sarawak.
- SMK Shan Tao, Kota Kinabalu, Sabah.
- SMK Bandar Sri Damansara (2), Selangor.
- SMK Rantau Panjang, Klang, Selangor.
- SMK Kota Kemuning, Kota Kemuning, Selangor.
- SMK (L) Bukit Bintang, Selangor.
- SMK Laki-laki Methodist, Kuala Lumpur.
- SMK Subang Utama, Selangor.

# KANDUNGAN

<b>PENDAHULUAN</b>	<b>v</b>
<b>BIDANG 1</b> / <b>PENGENALAN MORAL</b>	<b>1</b>
<b>UNIT 1:</b> Pilihan Bermoral Pilihan Saya	2
<b>BIDANG 2</b> / <b>DIRI, KELUARGA DAN PERSAHABATAN</b>	<b>17</b>
<b>UNIT 2:</b> Anugerah Alam Ciptaan Tuhan	18
<b>UNIT 3:</b> Kebestarian Diri	34
<b>UNIT 4:</b> Amalan Tradisi Kekeluargaan Khazanah Kita	50
<b>UNIT 5:</b> Konflik dalam Adab Persahabatan	66
<b>BIDANG 3</b> / <b>HUBUNGAN ANTARA DIRI, KOMUNITI DAN MASYARAKAT</b>	<b>81</b>
<b>UNIT 6:</b> Hidup Bersatu Padu Menjana Kesejahteraan	82
<b>UNIT 7:</b> Kualiti Perkhidmatan Awam Aspirasi Pembangunan Negara	98
<b>UNIT 8:</b> Bumi Hijau Bumi Kita	114
<b>UNIT 9:</b> Tanggungjawab Sosial Tanggungjawab Bersama	130
<b>BIDANG 4</b> / <b>MORAL, PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG</b>	<b>145</b>
<b>UNIT 10:</b> Hidup Beradab Cerminan Diri	146
<b>UNIT 11:</b> Hindari Jenayah Kanak-kanak	162
<b>UNIT 12:</b> Kebebasan Bersuara Menjamin Kemakmuran Negara	178
<b>UNIT 13:</b> Amalan Tradisi Masyarakat Majmuk	194
<b>UNIT 14:</b> Kemanusiaan Asas Kemoralan	210
<b>GLOSARI</b>	<b>227</b>
<b>SENARAI RUJUKAN</b>	<b>229</b>
<b>INDEKS</b>	<b>231</b>

# PENDAHULUAN

Buku teks *Pendidikan Moral Tingkatan 3* ini ditulis berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Moral Tingkatan 3 Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Buku ini berteraskan matlamat mata pelajaran Pendidikan Moral untuk membentuk insan berakhlak mulia dan berintegriti yang berpegang pada nilai universal berasaskan prinsip moral dan menyumbang ke arah perpaduan dan kesejahteraan negara serta masyarakat global.

Buku teks ini berfokus pada empat bidang, iaitu Bidang 1: Pengenalan Moral, Bidang 2: Diri, Keluarga dan Persahabatan, Bidang 3: Hubungan antara Diri, Komuniti dan Masyarakat, Bidang 4: Moral, Peraturan dan Undang-undang. Setiap bidang mengandungi unit-unit tertentu yang secara keseluruhannya berjumlah 14 unit.

Bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran, setiap unit mempunyai tujuh bahagian, iaitu rangsangan, konsep, pengukuhan, pengayaan, pemulihan, penilaian dan aktiviti progresif. Pada bahagian akhir, terdapat halaman glosari bagi memudahkan pemahaman murid tentang makna sesuatu perkataan yang sukar, senarai rujukan dan indeks. Semua unit dalam buku ini mempunyai ciri yang berikut:



## RANGSANGAN

Setiap bidang dan unit dimulakan dengan halaman rangsangan. Halaman ini mengandungi maklumat dan gambar bagi memberikan gambaran awal tentang unit tersebut. Halaman rangsangan pada setiap unit ini mengandungi tajuk, hasil pembelajaran serta cadangan nilai. Gambar pada halaman ini juga boleh dijadikan sebagai bahan set induksi untuk memulakan proses pembelajaran dalam unit tersebut.

## KONSEP

Bahagian ini mengandungi semua standard pembelajaran yang telah ditetapkan untuk unit tersebut. Bahagian ini juga akan membantu murid mengetahui dan memahami kandungan unit tersebut dengan lebih mendalam.



## PENGUKUHAN

Bahagian ini mengandungi pelbagai aktiviti dan latihan untuk mengukuhkan pemahaman murid tentang kandungan unit yang dipelajari. Bahagian ini juga akan membantu murid untuk memantapkan pengetahuan dan kemahiran dalam unit tersebut.

**Pengayaan**

A Teliti tip penjimatan elektrik yang dapat dipraktikkan di bawah. Kemudian, jawab soalan yang diberikan.

**MENTOL**  
Menggunakan mentol jimat tenaga seperti Light Emitting Diode (LED).

**PENYAMAN UDARA**  
Memastikan penyaman udara diletakkan pada suhu 24°C.

**KOMPUTER**  
Menutup semua suis komputer apabila tidak menggunakannya.

**Pengukuhan**

A Baca dan fahami kandungan piagam pelanggan sebuah agensi perkhidmatan awam. Kemudian, jawab soalan yang berikut.

**PIAGAM PELANGGAN JABATAN PERHUTANAN SABAH**

1. Mengeluarkan lesen hutan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh permohonan lengkap diterima.

2. Mengeluarkan lesen perkilangan kayu dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh permohonan lengkap diterima.

3. Bertindak segera atas aduan orang awam berhubung kesalahan hutan dengan memberi maklum balas dalam tempoh satu (1) minggu.

4. Memberi perkhidmatan yang

## PENGAYAAN

Bahagian ini mengandungi pelbagai aktiviti dan latihan yang mencabar minda murid. Bahagian ini juga akan membantu murid meluaskan pengetahuan dan pengalaman serta mengukuhkan kemahiran yang dipelajari dalam unit tersebut.

## PEMULIHAN

Bahagian ini mengandungi pelbagai aktiviti dan latihan yang lebih mudah untuk dilaksanakan oleh murid. Bahagian ini juga akan membantu murid menguasai kandungan unit dan kemahiran dengan lebih mudah.

**Penilaian**

A Yang berikut ialah piagam pelanggan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Teliti piagam pelanggan ini dan jawab soalan di bawah.

**Portal Rasmi KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

1. Maklum balas kepada Pihak Berkuasa Tempatan berhubung permohonan pembangunan landskap dikemukakan dalam tempoh 10 hari bekerja.

2. Jentera Bomba pertama keluar dari Bay Jentera ke lokasi operasi kebakaran tidak melebihi 60 saat dari masa panggilan diterima di bilik kawalan balai.

3. Menerima aduan yang diterima daripada orang awam kepada PBT untuk sia-siat awal dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.

4. Melaksanakan sia-siat seperti kejadian (banjir, pencemaran, tanah runtuh, kesihatan dan sebagainya) yang dimaklumkan oleh pihak PBT dan menyediakan laporan dalam tempoh 30 hari bekerja, bergantung kepada kea.

5. Respons terhadap aduan pelanggan diberikan dalam tempoh masa yang berikut:

1. Aduan penerimaan aduan/pemantauan melalui lawatan satu (1) hari bekerja dan

**Pemulihan**

A Lengkapkan peta pemikiran yang membandingkan adab dalam majlis rasmi dan tidak rasmi.

**ADAB DALAM MAJLIS**

Perbezaan: Paksi formal, Bersopan, Perbezaan, Paksi selena dan sopan.

**MAJLIS RASMI** vs **MAJLIS TIDAK RASMI**

## PENILAIAN

Pelbagai bentuk penilaian disediakan pada akhir setiap unit. Soalan penilaian mencakupi semua standard yang ditetapkan dalam DSKP untuk unit tersebut.

## AKTIVITI PROGRESIF

Bahagian ini menyediakan aktiviti dan latihan yang sesuai untuk digunakan di luar kelas. Murid berpeluang untuk melaksanakan aktiviti ini secara tersusun dengan bimbingan guru dalam ruang masa yang sesuai. Melalui aktiviti sebegini, murid dapat mengukuhkan pemahaman tentang kandungan setiap unit dan memperkukuh kemahiran serta mengamalkan nilai yang dipelajari.

**Aktiviti Progresif**

A Adakan satu pameran undang-undang kemanusiaan antarabangsa di sekolah anda.

**UNDANG-UNDANG KEMANUSIAAN ANTARABANGSA**

- Satu badan peraturan yang mengahadkan penderitaan sesama peperangan dengan melindungi maruah manusia.
- Bagaimana UKA melindungi?
- Mengahadkan penggunaan senjata dan kaedah peperangan yang mengakibatkan kecederaan yang tidak wajar, kecederaan yang melampau atau yang dilakukan secara rambang.
- Melindungi mereka yang tidak atau tidak lagi mengambil bahagian dalam pertempuran.

1. Wanita  
2. Kanak-kanak  
3. Warga Emas  
4. Penderitaan  
5. Korbannya yang cedera

**UNDANG-UNDANG KEMANUSIAAN ANTARABANGSA (UKA)**

Nilai-nilai yang berikut akan diterap kepada murid untuk memastikan nilai-nilai universal dipupuk secara berterusan dalam diri murid.

NILAI	MAKSUD
Kepercayaan kepada Tuhan	Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala ajaran berlandaskan pegangan agama atau kepercayaan masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara.
Bertanggungjawab	Kesanggupan diri seseorang untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna.
Berdikari	Kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanpa bergantung pada orang lain.
Harga diri	Berupaya menjaga maruah diri.
Kerajinan	Usaha yang berterusan, bersungguh-sungguh dan berdedikasi dalam melakukan sesuatu.
Berterima kasih	Perasaan dan perlakuan untuk menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan.
Patriotisme	Bangga dan taat setia kepada raja dan negara.
Kebebasan	Bebas melakukan sesuatu tertakluk pada peraturan dan undang-undang.
Keberanian	Kesanggupan untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah.
Kejujuran	Bercakap benar, bersikap amanah dan ikhlas dalam setiap perlakuan.
Rasional	Boleh berfikir berdasarkan alasan atau bukti yang nyata dan dapat mengambil tindakan yang wajar.
Baik hati	Kepekaan kepada keperluan dan kebajikan diri dan orang lain dengan memberikan bantuan serta sokongan moral secara ikhlas.
Hemah tinggi	Beradab sopan dan berbudi pekerti mulia.
Hormat	Menghargai dan memuliakan seseorang serta menghormati peraturan institusi sosial.
Kasih sayang	Kepekaan dan perasaan cinta yang lahir daripada hati yang ikhlas.
Kerjasama	Melakukan sesuatu bersama-sama untuk kebaikan semua.
Kesederhanaan	Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan atau perlakuan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain.
Toleransi	Bertolak ansur, sabar dan mengawal diri demi kesejahteraan hidup diri dan orang lain.



Buku teks ini menyediakan pelbagai maklumat bagi menjana pemikiran murid. Yang berikut merupakan penerangan ikon sebagai maklumat tambahan dalam penulisan buku teks ini.



#### **KBAT**

Meningkatkan keupayaan, kebolehan dan kemahiran murid berfikir secara kritis dan kreatif, membuat penaaakulan serta mempunyai strategi berfikir yang sistematik.

#### **Refleksi**

Membolehkan murid memberikan maklum balas dan menilai diri berdasarkan aktiviti dan latihan yang diberikan di samping pengalaman sedia ada murid.



#### **Info Guru**

Memberikan maklumat tambahan dan panduan kepada guru untuk melaksanakan sesuatu aktiviti.

#### **Info**

Memberikan maklumat tambahan berkaitan dengan topik yang dibincangkan untuk mengukuhkan pemahaman murid.



Silambam  
(Video)

#### **QR Code**

Mengandungi maklumat tambahan dalam pelbagai bentuk seperti laman sesawang, video dan lain-lain. *QR Code* perlu diimbas menggunakan alat peranti telekomunikasi semasa bagi mengetahui maklumat yang terdapat di dalamnya.

Akhirnya, penulis berharap agar buku ini dapat melahirkan murid yang menghayati dan mengamalkan perlakuan bermoral secara bertanggungjawab dan berintegriti dalam kehidupan.

Abdul Pabil bin Adam  
Uthayakumaran a/l Karuppiah  
Vishalache a/p Balakrishnan

# **BIDANG 1**

## **Pengenalan Moral**

Bidang ini membincangkan kefahaman asas tentang konsep moral. Dalam konsep moral ini, murid akan didedahkan dengan pilihan bermoral berdasarkan tiga domain, iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Ilmu tentang pemilihan bermoral amat penting dalam pembentukan murid sebagai insan bermoral yang menyumbang kepada masyarakat. Pilihan bermoral juga akan membantu murid berintegriti dalam membuat keputusan yang bertanggungjawab berpandukan konsep moral yang dipelajari.

### **Pilihan Bermoral Pilihan Saya**

# UNIT

# 1

## PILIHAN BERMORAL PILIHAN SAYA

Bagaimanakah anda membuat pilihan bermoral?

Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- Ciri pilihan bermoral.
- Keperluan membuat pilihan bermoral.
- Contoh tindakan berlandaskan pilihan bermoral.
- Kepentingan mempertahankan pilihan bermoral.
- Perasaan apabila membuat pilihan bermoral.
- Tindakan berlandaskan pilihan bermoral dalam kehidupan bermasyarakat.



### CADANGAN NILAI

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Kebebasan
- Keberanian
- Bertanggungjawab
- Rasional



Setiap individu boleh membuat pilihan bermoral dari segi tingkah laku, kerjaya, kawan dan gaya hidup. Kesedaran untuk membuat pilihan bermoral perlulah dipupuk dan dikembangkan sejak kecil. Setiap pilihan bermoral yang dibuat hendaklah mempunyai ciri tertentu. Yang berikut adalah antara ciri pilihan bermoral.



### CIRI PILIHAN BERMORAL

Bertingkah laku baik, benar dan patut.

Mengikut ajaran agama dan kepercayaan.

Mematuhi peraturan dan undang-undang.

Mendatangkan kebaikan kepada diri dan orang lain.

 **INFO**

Pilihan bermoral yang dibuat perlulah konsisten dan meliputi tiga domain, iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral.

Terdapat keperluan untuk membuat pilihan bermoral. Antara keperluan tersebut termasuklah seperti yang di bawah.

## KEPERLUAN MEMBUAT PILIHAN BERMORAL



Pilihan bermoral yang dibuat perlulah dipertahankan dan diamalkan secara berterusan. Terdapat kepentingannya dalam mempertahankan pilihan bermoral.


### KEPENTINGAN MEMPERTAHANKAN PILIHAN BERMORAL

Hidup sejahtera.

Dihormati oleh rakan.

Dipandang tinggi oleh masyarakat.

Walau bagaimanapun, apabila wujud dilema moral, pilihan bermoral akan menjadi suatu konflik. Apabila hal ini berlaku, tindakan berlandaskan pilihan bermoral menjadi sukar. Oleh itu, pilihan bermoral perlulah dibuat dengan teliti.



Dilema moral:

Ganda menghadapi masalah obesiti. Dia telah dinasihati oleh doktor untuk mengurangkan pengambilan makanan berlemak dan manis. Dilema berlaku apabila dia disajikan dengan makanan berlemak yang menjadi kesukaannya.

Tindakan

pilihan bermoral: sedikit dan perlu melakukan aktiviti senaman.



Dilema moral:

Kanna berasa serba salah sama ada hendak menghadiri majlis hari lahir anak jirannya atau menyiapkan tugas projek mata pelajaran Pendidikan Moral.

Tindakan

pilihan bermoral:

Kanna boleh menghadiri majlis hari lahir anak jirannya tetapi meminta diri untuk pulang lebih awal bagi menyiapkan tugas projek mata pelajaran Pendidikan Moral.

Kesimpulannya, setiap individu perlu membuat pilihan bermoral dalam kehidupan. Setiap keputusan pilihan bermoral akan menimbulkan perasaan gembira, seronok dan puas hati.

- ▶ Nilai kepercayaan kepada Tuhan membantu individu untuk mendapat pedoman dalam membuat pilihan bermoral yang baik.
- ▶ Nilai bertanggungjawab dan rasional perlu dipraktikkan untuk memastikan setiap pilihan bermoral yang dibuat dapat memberikan kebaikan.
- ▶ Nilai kebebasan dan keberanian perlu diamalkan supaya pilihan bermoral yang dibuat adalah berlandaskan peraturan dan undang-undang.





## Pengukuhan

### UNIT 1

**A** Teliti situasi dilema moral yang diberikan. Kemudian, jawab soalan yang berikut.

### Situasi

Pihak sekolah akan mengadakan majlis persaraan pengetua pada hari Jumaat ini. Wai Poh terlibat dalam persembahan untuk majlis tersebut. Wai Poh menghadapi dilema apabila ibu menasihatinya mengulang kaji pelajaran pada hari tersebut.



1



### Situasi

Larry Limbang dan Razman bersahabat baik. Mereka ditawarkan memasuki aliran sains pada tahun hadapan. Larry Limbang bercadang untuk menolak tawaran tersebut kerana mata pelajaran perakaunan tidak ditawarkan. Razman memujuk Larry Limbang agar bersama dengannya dalam aliran sains. Larry Limbang berasa serba salah untuk memasuki aliran sains kerana cita-citanya adalah untuk menjadi akauntan.

2

### Situasi

3

Chong ialah anak tunggal dalam keluarganya. Dia mendapat tawaran biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara berdasarkan keputusannya yang cemerlang dalam peperiksaan. Namun demikian, ayahnya sedang sakit dan memerlukan penjagaan rapi.



### Situasi

4

Krishnan ialah Ketua Kelas 3 Wawasan. Dia bersahabat baik dengan Alan. Sejak akhir-akhir ini, Alan sering tidak hadir di sekolah. Krishnan mendapat tahu yang Alan sengaja ponteng sekolah. Sebagai ketua kelas, Krishnan bertanggungjawab untuk memaklumkan perkara tersebut kepada guru kelasnya. Walau bagaimanapun, dia khuatir tindakannya itu boleh menjejaskan persahabatannya dengan Alan.




1. Huraikan pilihan bermoral yang akan diambil oleh watak dalam setiap situasi di atas.
2. Andaikan anda berada dalam situasi di atas, apakah perasaan anda jika berjaya membuat pilihan bermoral? Berikan alasan anda.
3. Sebagai seorang murid, apakah pilihan bermoral yang akan anda aplikasikan dalam kehidupan bermasyarakat?

**B** Amelita mendapat tawaran melanjutkan pelajaran ke sebuah sekolah berasrama penuh. Dia tidak berminat dengan tawaran tersebut. Namun demikian, ibu bapanya mendesak Amelita agar menerima tawaran tersebut. Dalam kumpulan, bincangkan pilihan bermoral yang patut diambil oleh Amelita. Bentangkan maklumat tersebut.



**PILIHAN AMELITA  
(SEKOLAH HARIAN)**

- Boleh membantu adik dalam pelajaran.
- Banyak kawan rapat.



**PILIHAN IBU BAPA  
(SEKOLAH BERASRAMA  
PENUH)**

- Kemudahan lebih lengkap.
- Boleh belajar berdikari.



1. Nyatakan kepentingan sekiranya anda memilih salah satu pilihan bermoral tersebut.
2. Bincangkan keperluan anda membuat pilihan bermoral berdasarkan situasi di atas.
3. Andaikan anda ialah Amelita, apakah perasaan anda apabila membuat pilihan yang terbaik dalam situasi tersebut?



## Pengayaan


**A** Anas bercita-cita menjadi jurutera. Walau bagaimanapun, ibu bapanya berharap agar dia menjadi seorang doktor dan menguruskan klinik bapanya. Anas menghadapi dilema untuk memilih jurusan sains tulen atau aliran teknikal. Bincangkan dilema Anas dengan menggunakan teknik rundingan meja bulat. Kemudian, berikan alasan anda dan cadangkan pilihan bermoral yang perlu diambil oleh Anas.




Pilihan ibu bapa (Doktor).

**KEPUTUSAN PEPERIKSAAN  
TINGKATAN 3**

Bahasa Melayu	A
Bahasa Inggeris	A
Matematik	A
Sains	A
Sejarah	A



Pilihan Anas (Jurutera).



Mengapakah Anas perlu mempertahankan pilihannya?  
Berikan penjelasan dengan contoh yang sesuai.



## Refleksi

Apakah perasaan anda apabila ibu bapa memberikan kebebasan untuk anda memilih jurusan pilihan sendiri? Jelaskan.

**B** Kelab Bimbingan dan Kerjaya sekolah anda bercadang untuk menganjurkan pameran pendidikan bersempena dengan Minggu Kerjaya. Bincangkan dan sediakan bahan pameran secara berkumpulan berdasarkan jadual pengagihan tugas seperti di bawah. Kemudian, pamerkannya di Sudut Pendidikan Moral di sekolah.


<b>Kumpulan 1</b>	Mata pelajaran jurusan sains dan peluang kerjaya.
<b>Kumpulan 2</b>	Mata pelajaran jurusan sastera dan peluang kerjaya.
<b>Kumpulan 3</b>	Peluang pendidikan di institusi pengajian tinggi awam.
<b>Kumpulan 4</b>	Peluang pendidikan di institusi pengajian tinggi swasta.

**C** Berbincang dengan rakan tentang pilihan kerjaya yang sesuai untuk diri anda berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada pameran tersebut.

**D** Baca dan fahami carta aliran kerjaya jururawat di bawah. Kemudian, secara berpasangan, kumpulkan maklumat dan hasilkan carta keperluan kerjaya yang anda minat. Bentangkannya di dalam kelas.



SPM	
Bahasa Melayu	(Kepujian)
Bahasa Inggeris	(Lulus)
Matematik	(Kepujian)
Sains	(Kepujian)
Sejarah	(Kepujian)
Geografi	(Kepujian)



**Refleksi**

Huraikan kepentingan mempertahankan pilihan kerjaya anda.

Kementerian  
Kesihatan  
Malaysia  
(Laman sesawang)  
Dicapai pada  
September 2018



## Pemulihan

**A** Teliti dan fahami isu di bawah. Berikan cadangan penyelesaian anda tentang masalah yang dihadapi oleh Nam Keong. Bentangkannya di dalam kelas.



Bekerja.



Melanjutkan pelajaran.

**B** Secara berkumpulan, bincangkan sebab dan akibat pilihan bermoral antara terus bekerja dengan melanjutkan pelajaran yang perlu dibuat oleh Nam Keong dengan menggunakan peta pemikiran.



**C** Secara berpasangan, isi senarai semak di bawah untuk menilai peribadi sahabat anda. Kemudian, kongsiikan hasil penilaian tersebut dengannya.

Bil.	Perkara	Ya	Tidak
1.	Sahabat saya peramah dan mesra.		
2.	Sahabat saya sedia membantu secara ikhlas.		
3.	Sahabat saya sentiasa menepati janji.		
4.	Sahabat saya jujur dalam persahabatan.		
5.	Sahabat saya setia dalam persahabatan.		
6.	Sahabat saya baik hati.		
7.	Sahabat saya berani membuat teguran.		
8.	Sahabat saya prihatin dengan orang lain.		
9.	Sahabat saya mudah didekati.		
10.	Sahabat saya sentiasa peka terhadap sahabat yang lain.		
	Jumlah skor		




Sekiranya jumlah jawapan “Ya” anda ialah:

**7 hingga 10:** Syabas! Anda mempunyai sahabat yang boleh diteladani.

**4 hingga 6:** Tahniah! Anda mempunyai sahabat yang prihatin.

**1 hingga 3:** Awas! Anda mempunyai sahabat untuk berkenalan sahaja.

**D** Berikan ciri sahabat idaman anda dalam rajah di bawah.



**E** Bentangkan pemilihan ciri sahabat idaman anda dengan menggunakan perisian *PowerPoint* atau media lain di dalam kelas.

**A Isi tempat kosong dengan jawapan yang menunjukkan pilihan bermoral dalam kehidupan harian.**

1. Keperluan dan kesedaran untuk membuat pilihan \_\_\_\_\_ hendaklah dipupuk sejak kecil.
2. Tingkah laku baik, \_\_\_\_\_ dan patut merupakan satu ciri pilihan bermoral.
3. Pilihan bermoral yang dibuat perlulah konsisten dan merangkumi aspek \_\_\_\_\_ moral, emosi moral dan perlakuan moral.
4. Apabila anda membuat pilihan bermoral, \_\_\_\_\_ diri akan meningkat.
5. Pilihan bermoral dalam masyarakat akan melahirkan sikap \_\_\_\_\_ .
6. Apabila wujud dilema moral, pilihan bermoral menjadi sukar dan perlu diselesaikan secara \_\_\_\_\_ .
7. Setiap individu mempunyai \_\_\_\_\_ untuk membuat pilihan bermoral yang perlu diterima oleh diri dan masyarakat.
8. Nilai \_\_\_\_\_ kepada Tuhan diamalkan untuk mendapat pedoman dalam membuat pilihan bermoral yang baik.
9. Individu yang mengamalkan nilai \_\_\_\_\_ akan menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah apabila membuat pilihan bermoral.
10. Apabila seseorang individu berjaya membuat pilihan bermoral, dia akan menikmati kehidupan yang aman dan \_\_\_\_\_ .

**B Analisis dilema moral di bawah dan jawab soalan yang diberikan.**

Tina berjiran dengan Sheena. Mereka juga berkawan baik. Mereka akan pergi ke sekolah bersama-sama. Walau bagaimanapun, Sheena mempunyai sikap yang kurang baik. Dia suka memburukkan orang lain. Hal ini menyebabkan Tina berada dalam dilema. Tina perlu menegur sikap Sheena itu. Namun, pada masa yang sama, dia tidak mahu persahabatan mereka terjejas.

1. Apakah dilema moral yang dihadapi oleh Tina?
2. Jelaskan satu cara untuk Tina membuat pilihan bermoral yang baik.
3. Berikan tiga nilai yang perlu diamalkan oleh Tina apabila membuat pilihan bermoral.





## Aktiviti Progresif

# UNIT 1

- A** Secara berpasangan, hasilkan sebuah buku “Koleksi Pilihan Bermoral” berdasarkan panduan yang diberikan.



### PANDUAN MENGHASILKAN BUKU “KOLEKSI PILIHAN BERMORAL”:

1. Kumpulkan maklumat yang berikut. Kemudian, persembahkan maklumat tersebut dengan menggunakan peta pemikiran secara kreatif.
  - Ciri pilihan bermoral.
  - Keperluan membuat pilihan bermoral.
  - Kepentingan membuat pilihan bermoral.
  - Perasaan apabila membuat pilihan bermoral.
2. Masukkan beberapa situasi yang memerlukan pilihan bermoral dilakukan seperti pemilihan sahabat, akademik, kerjaya dan kehidupan.
3. Nyatakan pilihan bermoral yang diambil dengan mengemukakan alasan yang munasabah.

- B** Letakkan buku “Koleksi Pilihan Bermoral” yang dihasilkan di sudut pameran pusat sumber sekolah sebagai panduan atau rujukan murid lain.



# **BIDANG 2**

## **Diri, Keluarga dan Persahabatan**

Bidang ini membincangkan kepentingan menghargai anugerah ciptaan Tuhan. Bidang ini meliputi sikap menghormati amalan tradisi kekeluargaan. Kebestarian diri murid pula boleh dibentuk dan dipupuk melalui standard yang dikemukakan. Bidang ini juga turut membincangkan penyelesaian konflik dalam adab persahabatan.

**Anugerah Alam Ciptaan Tuhan**

**Kebestarian Diri**

**Amalan Tradisi Kekeluargaan  
Khazanah Kita**

**Konflik dalam Adab Persahabatan**

## ANUGERAH ALAM CIPTAAN TUHAN

### Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- Anugerah alam ciptaan Tuhan.
- Kepentingan menghargai setiap anugerah alam ciptaan Tuhan.
- Kesan pengabaian setiap anugerah alam ciptaan Tuhan.
- Cara menghargai anugerah alam ciptaan Tuhan.
- Perasaan apabila menghargai anugerah alam ciptaan Tuhan.
- Langkah-langkah menghargai ciptaan Tuhan demi kesejahteraan diri, keluarga dan masyarakat majmuk.

# Bagaimanakah anda menghargai anugerah alam ciptaan Tuhan di dasar laut?

## CADANGAN NILAI

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Kasih sayang
- Rasional
- Berterima kasih
- Bertanggungjawab



Biodiversiti  
Marin  
(Video)



## KONSEP

Anugerah Tuhan ialah kurniaan, pemberian dan rahmat daripada Tuhan. Antara kurniaan Tuhan termasuklah alam yang kita diami. Terdapat pelbagai anugerah alam ciptaan Tuhan yang dikurniakan kepada kita untuk dimanfaatkan dengan sebaik-baik mungkin. Yang berikut ialah contoh anugerah alam ciptaan Tuhan.

## UNIT 2



Banjaran gunung yang menakjubkan tanda kebesaran Tuhan.



Kehijauan hutan dapat menyeimbangkan suhu bumi.



Air terjun yang jernih menjadi sumber air bagi hidupan.



Monyet belanda yang unik bukti kepelbagaian anugerah Tuhan.



Buah-buahan yang berkhasiat menjadi sumber makanan.



Pantai yang indah menjadi tumpuan pelancong.



Keunikan gua sebagai warisan negara.



Tasik yang tenang menjadi tempat rekreasi.



Anugerah alam ciptaan Tuhan sangat penting dalam kehidupan kita di muka bumi ini. Oleh itu, kita perlu sentiasa bersyukur dan menghargainya. Banyak kepentingannya apabila kita menghargai anugerah alam ciptaan Tuhan.

## KEPENTINGAN MENGHARGAI ANUGERAH ALAM CIPTAAN TUHAN


### Sumber pendapatan dan ekonomi negara

- Menarik kemasukan pelancong.
- Menggunakan hasil bumi untuk keperluan negara dan pasaran eksport.



### Sumber tenaga

- Membekalkan sumber tenaga seperti tenaga solar dan tenaga hidroelektrik.
- Memudahkan kehidupan manusia dan memajukan sektor perindustrian.




### Kelangsungan flora dan fauna



- Mengelakkan kepupusan flora dan fauna.
- Generasi akan datang dapat menikmati keindahan alam dan mengenali spesies flora dan fauna.

### Sumber air, makanan dan perubatan



- Kepelbagaian flora dan fauna boleh digunakan sebagai sumber makanan dan perubatan.
- Air yang bersih untuk keperluan harian.

Sekiranya kita mengabaikan anugerah alam ciptaan Tuhan, pelbagai kesan buruk akan berlaku. Antara kesan pengabaian anugerah alam ciptaan Tuhan termasuklah seperti di bawah.

## KESAN PENGABAIAN ANUGERAH ALAM CIPTAAN TUHAN



### Pencemaran alam

- Pencemaran udara, bunyi, air dan tanah boleh menjejaskan pelbagai aktiviti ekonomi dan keseimbangan ekosistem.
- Kos yang tinggi terpaksa dikeluarkan untuk menangani kesan yang berlaku.

### Kerosakan alam sekitar



- Bencana alam seperti banjir kilat, tanah runtuh dan hujan asid boleh menjejaskan aktiviti harian.
- Mengorbankan nyawa dan harta benda.

### Kepupusan flora dan fauna



- Kerosakan habitat flora dan fauna berlaku akibat pembangunan yang tidak terancang.
- Kepupusan flora dan fauna berlaku akibat aktiviti pembalakan haram dan pemburuan haram.

### Kekurangan sumber tenaga

- Sumber tenaga seperti petroleum, gas asli dan arang batu untuk menjana tenaga akan berkurangan.
- Sumber tenaga ini tidak boleh dibaharui dalam jangka masa yang singkat setelah habis digunakan.





Semua pihak harus bertanggungjawab menghargai anugerah alam ciptaan Tuhan. Antara cara yang boleh dilakukan untuk menghargai anugerah alam ciptaan Tuhan termasuklah seperti yang di bawah.

## CARA MENGHARGAI ANUGERAH ALAM CIPTAAN TUHAN

### Diri dan Keluarga

- Tidak melakukan pembaziran ketika menggunakan air.
- Membuang sisa buangan sampah dengan terancang.
- Elakkan diri daripada melakukan kerosakan anugerah alam ciptaan Tuhan.

### Masyarakat

- Menjalankan aktiviti gotong-royong dan menjaga kebersihan persekitaran.
- Tidak menebang pokok secara berleluasa.
- Membuat laporan apabila terlihat aktiviti pembalakan haram.

### Kerajaan/Badan Bukan Kerajaan (NGO)

- Menggiatkan kempen kesedaran cara menghargai anugerah alam ciptaan Tuhan.
- Menguatkuasakan undang-undang alam sekitar.
- Menubuhkan badan atau agensi yang bertanggungjawab menjaga alam sekitar.

Kesimpulannya, anugerah alam ciptaan Tuhan merupakan satu nikmat kurniaan Tuhan yang tidak ternilai kepada manusia. Kita patut bersyukur dan gembira sekiranya anugerah alam ciptaan Tuhan terus terpelihara.

- ▶ Nilai bertanggungjawab dan kasih sayang perlu diamalkan untuk menjaga dan memelihara anugerah alam ciptaan Tuhan.
- ▶ Nilai berterima kasih wajar menjadi amalan untuk menghargai tindakan pelbagai pihak dalam mengekalkan anugerah alam ciptaan Tuhan.
- ▶ Nilai rasional juga perlu diamalkan dengan bertindak berasaskan nilai kepercayaan kepada Tuhan supaya anugerah alam dapat terus dinikmati oleh generasi akan datang.



## Pengukuhan

- A** Baca dan fahami keratan akhbar di bawah. Kemudian, jawab soalan yang berikut.

### Lebih Sejuta Ekor Tenggiling Diperdagangkan Secara Haram di Seluruh Dunia

Hati saya amat tersentuh apabila membaca berita tentang nasib tenggiling. Tatkala banyak negara meraikan Hari Tenggiling Sedunia pada hari Sabtu minggu ketiga bulan Februari, kebanyakan kita masih tidak tahu betapa seriusnya ancaman yang dihadapi mamalia unik ini.

(Dipetik dan diubah suai daripada Utusan Online, 9 Mac 2017)



UNIT 2



### PERHILITAN Johor Rampas 247 Murai Batu

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Johor pagi ini berjaya menumpaskan penyeludupan 247 burung murai batu dalam pemeriksaan di Kilometer 32.8 berhampiran arah selatan hentian Kulai. Hasil rampasan dianggarkan bernilai RM200 000.

(Dipetik dan diubah suai daripada Utusan Online, 14 Mac 2017)

1. Wajarkah kegiatan penyeludupan tersebut dibiarkan terus berlaku? Berikan pendapat anda.
2. Jelaskan perasaan anda sekiranya anugerah alam ciptaan Tuhan ini terus diseludup.
3. Mengapakah terdapat pihak yang sanggup menjalankan kegiatan penyeludupan haiwan?
4. Apakah tindakan yang wajar dilakukan sekiranya aktiviti penyeludupan haiwan berlaku di kawasan anda?

- B** Dengan menggunakan pelbagai sumber, dapatkan maklumat lanjut tentang haiwan lain yang terdedah kepada aktiviti penyeludupan. Bentangkan maklumat tersebut secara kreatif.



Cadangkan idea yang kreatif dan berkesan bagi memastikan anugerah alam ciptaan Tuhan ini terus terpelihara.

**C** Teliti gambar di bawah. Secara berkumpulan, pilih salah satu gambar tersebut dan bincangkan perkara yang berikut.

1. Kepentingan menghargai anugerah alam ciptaan Tuhan.
2. Cara memelihara anugerah alam ciptaan Tuhan.
3. Kesan pengabaian anugerah alam ciptaan Tuhan.

**Bentangkan hasil perbincangan dengan menggunakan pelbagai media.**



Gua Tempurung, Perak.



Taman Eko Rimba, Kuala Lumpur.



Tapak Ramsar, Tanjung Piai.



Taman Laut Pulau Redang.



Ramsar bermaksud senarai tanah lembap yang dipersetujui melalui Konvensyen Tanah Lembap yang diadakan di Ramsar, Iran pada tahun 1971. Di Malaysia, ada enam tapak ramsar.



Program  
Penanaman  
Pokok Bakau  
(Video)



Animasi  
Taman Laut  
(Video)

**D** Secara berkumpulan, bincangkan kad situasi berkaitan dengan anugerah alam ciptaan Tuhan dan lengkapkan jadual di bawah. Kongsi jawapan anda dengan kumpulan lain.

**Kad Situasi 1**

Anda sedang bermain-main dengan ikan kelah di pusat santuari ikan kelah di Tasik Kenyir. Rakan anda bercadang untuk menangkap dan membawa pulang beberapa ekor ikan kelah.



**Kad Situasi 2**

Kelab Pencinta Alam sekolah anda ingin meraikan sambutan Hari Bumi. Anda dan rakan-rakan membantu menjayakan sambutan tersebut.

**Kad Situasi 3**

Penciptaan senjata nuklear dan persaingan antara kuasa dunia sangat membimbangkan. Penggunaan senjata nuklear memberikan implikasi yang sangat mengerikan kepada anugerah alam ciptaan Tuhan.



**Kad Situasi 4**

Pertanian merupakan satu aktiviti penting kepada manusia. Namun, penggunaan racun perosak dan baja kimia memberikan kesan kepada hidupan.

Kad Situasi	Kesan Pengabaian	Tindakan yang Sepatutnya Anda Ambil


**Refleksi**

Jelaskan perasaan anda apabila berjaya mengambil tindakan dalam setiap kad situasi tersebut.



## Pengayaan

- A** Secara berkumpulan, lakar pelan bandar terancang yang memelihara dan mengekalkan anugerah alam ciptaan Tuhan.



Putrajaya merupakan contoh bandar terancang.

### PANDUAN PELAKSANAAN AKTIVITI:

1. Setiap kumpulan dikehendaki melakar pelan bandar terancang dengan teliti.
2. Pelan pembangunan bandar terancang merangkumi ciri yang berikut:

• kawasan kediaman.	• pusat perniagaan.	• penerapan ciri kehijauan.
• taman rekreasi.	• kawasan tadahan air/tasik.	• sistem jaringan jalan raya.
• rumah ibadat.	• pusat komuniti.	• loji pembetungan.

3. Hasilkan peta pemikiran berkaitan dengan sebab dan akibat pembangunan bandar terancang.
4. Laksanakan aktiviti jelajah ilmu bagi mendapatkan cadangan dan komen daripada kumpulan lain.

- B** Bincangkan perkara-perkara yang berikut bagi memastikan kelestarian pembangunan bandar terancang tersebut. Bentangkan hasil perbincangan secara kreatif.

- struktur dan reka bentuk rumah.
- jenis bahan binaan.
- kaedah penggunaan tenaga elektrik.



Bagaimanakah pembangunan bandar terancang dapat mengekalkan anugerah alam ciptaan Tuhan?

- C** Bincangkan kesan pembalakan kepada alam sekitar. Secara berkumpulan, adakan pameran tentang kesan pembalakan kepada alam sekitar.



**PANDUAN MENGADAKAN PAMERAN SECARA BERKUMPULAN:**

1. Cari maklumat dan gambar tentang kesan pembalakan terhadap alam sekitar.
2. Buat rumusan tentang pengajaran yang diperoleh hasil pameran tersebut.

**Refleksi**

Jelaskan perasaan anda apabila melihat gambar tentang kesan pembalakan tersebut.

- D** Hasilkan satu poster Kempen Sayangi Alam Sekitar. Pamerkannya di Sudut Pendidikan Moral di dalam kelas.



## Pemulihan

- A** Secara berkumpulan, jalankan aktiviti pemerhatian tentang anugerah alam ciptaan Tuhan dan hasilkan buku skrap.

### PANDUAN AKTIVITI:

1. Buat pemerhatian dan kenal pasti beberapa contoh tumbuh-tumbuhan yang terdapat di sekolah anda.
2. Ambil gambar atau lukis tumbuh-tumbuhan tersebut secara kreatif.
3. Cari maklumat tentang tumbuh-tumbuhan tersebut.
  - Nama.
  - Keistimewaan.
  - Cara menghargai anugerah alam ciptaan Tuhan tersebut.
4. Kongsikan hasil dapatan kumpulan dengan rakan yang lain di dalam kelas.



Pokok periuk kera.


#### Keistimewaan

- Boleh dijadikan sebagai pokok hiasan.
- Pundi pada pokok membantu pokok tersebut menyimpan air hujan untuk diminum oleh haiwan lain.
- Pundinya juga dapat memerangkap serangga untuk dijadikan sumber makanan kepada haiwan lain.

#### Cara Menghargai

- Tidak memusnahkan habitat semula jadi tumbuhan tersebut.
- Menanamnya di kawasan yang sesuai sebagai pokok hiasan.
- Meningkatkan kesedaran orang ramai untuk memeliharanya.

**B Kewujudan hutan bandar merupakan antara usaha untuk memastikan alam terus terpelihara.**



Tandakan (✓) bagi tindakan yang wajar dan (X) bagi tindakan yang tidak wajar anda lakukan di kawasan hutan bandar dalam usaha mengekalkan anugerah alam ciptaan Tuhan. Kemudian, nyatakan alasan bagi setiap tindakan anda.

Bil.	Pernyataan	X atau ✓	Alasan
1.	Berkhemah di kawasan hutan bandar.		
2.	Tidak merokok di kawasan hutan bandar.		
3.	Menjaga kebersihan kawasan hutan bandar.		
4.	Mengambil anak pokok untuk ditanam di rumah.		
5.	Menggunakan ruang riadah secara berhemah.		
6.	Membawa haiwan peliharaan bersiar-siar di kawasan hutan bandar.		
7.	Menconteng batu dan pokok.		
8.	Memancing ikan di tasik hutan bandar.		

**C Hasilkan kad ucapan bersempena dengan Hari Alam Sekitar secara kreatif. Kad ucapan tersebut perlulah mengandungi mesej tentang kepentingan menjaga alam sekitar. Pamerkannya di dalam kelas.**





- A** Teliti gambar kesan pengabaian anugerah alam ciptaan Tuhan di bawah dan jawab soalan yang berikut.



Pencemaran alam di atas boleh menjejaskan alam sekitar dan kualiti kehidupan manusia.

1. Apakah perasaan anda apabila melihat situasi dalam gambar di atas? Berikan alasan anda.
2. Cadangkan tindakan yang patut anda, keluarga dan komuniti lakukan bagi mengatasi masalah di atas.
3. Bagaimanakah amalan nilai murni dapat membantu anda menghargai alam ciptaan Tuhan?

### **B** Soalan Esei

Penciptaan senjata nuklear dan persaingan antara kuasa dunia perlu dihentikan kerana boleh menjejaskan alam sekitar. Bersetujukah anda dengan pernyataan ini? Berikan alasan anda berdasarkan nilai-nilai murni yang telah anda pelajari.



## Aktiviti Progresif

Berpandukan isu di bawah, laksanakan teater forum.

Kawasan baharu diteroka untuk membangunkan kawasan kediaman dan kawasan perindustrian. Hutan diterangkan bagi membina jaringan jalan raya yang baik. Bincangkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengimbangi pembangunan tersebut agar flora dan fauna tidak diancam kepupusan.



### LANGKAH-LANGKAH MELAKSANAKAN TEATER FORUM:

1. Bahagikan murid kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan diminta untuk menulis satu skrip lakonan berkaitan dengan isu yang diberikan.
3. Satu kumpulan akan dipilih dan berlakon berdasarkan skrip yang ditulis.
4. Semasa lakonan, murid yang menjadi penonton boleh menghentikan lakonan tersebut dengan jeritan *freeze*.
5. Apabila mendengar jeritan *freeze*, pelakon asal berada dalam keadaan kaku (*freeze*).
6. Murid yang berteriak tadi akan tampil untuk mengambil alih peranan salah satu watak di atas pentas dan membetulkan tingkah laku watak tersebut.
7. Lakonan akan tamat apabila isu dapat diselesaikan secara harmoni demi kepentingan alam dan penghuninya.



### Info

Teater forum ialah satu bentuk teater interaktif yang membenarkan penonton mengubah lakonan yang sedang dipentaskan. Semasa persembahan berlangsung, penonton boleh menghentikan lakonan dengan jeritan *freeze*. Penonton boleh naik ke pentas untuk mengambil alih peranan watak yang perlu diubah untuk membawa jalan cerita kepada satu penyelesaian bermoral yang boleh diterima umum. Ada empat langkah dalam teater forum, iaitu mengembangkan skrip, lakonan antimodel, sesi forum dan lakonan intervensi.



Sebagai fasilitator, galakkan semua murid untuk mengambil bahagian dan menyediakan peralatan lakonan yang sesuai dan kreatif.

# UNIT

## 3

### KEBESTARIAN DIRI

#### Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- Ciri kebestarian diri.
- Kepentingan kebestarian diri.
- Keperluan berilmu pengetahuan dengan budi pekerti mulia dalam membentuk kebestarian diri.
- Amalan disiplin diri dalam membentuk kebestarian diri.
- Perasaan apabila mempraktikkan kebestarian diri.
- Cara mempraktikkan kebestarian diri dalam kehidupan harian.



Segulung ijazah melambangkan kebestarian diri. Bersetujukah anda?

### CADANGAN NILAI

- Kerajinan
- Berdikari
- Bertanggungjawab
- Hemah tinggi
- Harga diri



## KONSEP

Keistimewaan manusia ialah akal yang dianugerahkan oleh Tuhan. Akal yang dianugerahkan ini telah meletakkan manusia pada kedudukan yang lebih tinggi berbanding dengan makhluk Tuhan yang lain. Akal inilah yang membentuk kebestarian diri. Kebestarian diri merujuk seseorang yang berpengetahuan luas dan baik budi pekerti. Sebagai murid, anda juga memiliki kebestarian diri. Antara ciri kebestarian diri termasuklah seperti yang berikut.

### Bijak

- Pintar dan selalu menggunakan akal.



Contohnya, kemampuan berfikir kritis dan bersikap inovatif dalam membuat rumusan hasil eksperimen.

### Berdisiplin

- Mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.



Contohnya, kehadiran dalam latihan aktiviti pancaragam dapat mendidik diri ke arah yang lebih positif.

### Bertanggungjawab

- Kemampuan memikul amanah yang diberikan.



Contohnya, melaksanakan tanggungjawab dengan penuh wibawa apabila menerima jawatan atau tugas.

**Matang**

- Banyak pengetahuan dan pengalaman.



Contohnya, menyumbang idea dalam membuat keputusan.

**Aktif**

- Giat bekerja atau berusaha dalam sesuatu tindakan.



Contohnya, bersukan dapat menjadikan diri lebih cergas dan cerdas dalam mengambil tindakan yang proaktif.

**Berdaya tahan**

- Kemampuan dan mempunyai daya tahan dalam menghadapi ujian.



Contohnya, kecekalan dan keyakinan diri ketika menyertai aktiviti lasak.

**CIRI  
KEBESTARIAN  
DIRI**

Ciri kebestarian diri amat penting dalam pembentukan diri seorang murid. Murid akan menunjukkan penampilan diri yang positif jika ciri kebestarian diri dipupuk sejak kecil. Dengan kebestarian diri tersebut, murid akan mula mengenali diri dan berinteraksi dengan orang di sekelilingnya secara positif.

Terdapat banyak kepentingan apabila murid mempunyai kebestarian diri. Antaranya termasuklah seperti yang di bawah.



Murid yang mempunyai pengetahuan luas tetapi tidak mempunyai budi pekerti mulia dianggap tidak mempunyai kebestarian diri yang lengkap atau sempurna. Seseorang yang bestari perlu seimbang dari aspek pengetahuan dan budi pekerti seperti yang di bawah.



Murid yang mempunyai kebestarian diri akan dipandang tinggi dalam masyarakat. Kebestarian diri dapat dikembangkan melalui amalan disiplin yang berterusan. Disiplin diri menjadi kekuatan dalaman untuk mengawal pemikiran, emosi, perlakuan diri serta bertindak balas secara berhemah terhadap perlakuan orang lain. Disiplin diri akan menjadi satu kebiasaan apabila diamalkan pada setiap hari.

### AMALAN MENDISIPLINKAN DIRI

Cekal dalam menghadapi cabaran hidup.

Terus berjuang walaupun menghadapi kegagalan.

Dapat mengawal diri dalam sebarang keadaan.

Terus berusaha sehingga mencapai kejayaan.

### AMALAN TIDAK MENDISIPLINKAN DIRI

Cepat berputus asa dalam kehidupan.

Memberikan pelbagai alasan apabila berhadapan dengan kegagalan.

Cepat marah dan bertindak mengikut perasaan.

Bersikap sambil lewa dalam setiap tindakan.





Setiap murid boleh mempraktikkan kebestarian diri dalam kehidupan seharian seperti yang berikut.



Kesimpulannya, setiap murid perlu berusaha untuk mencapai kebestarian diri demi kesejahteraan diri dan orang lain. Dengan adanya kebestarian diri, kehidupan akan menjadi lebih tenang dan gembira.

- ▶ Nilai kerajinan dapat membantu murid membentuk kebestarian diri.
- ▶ Nilai berdikari dan bertanggungjawab akan meningkatkan kebestarian diri.
- ▶ Nilai harga diri dan hemah tinggi perlu diamalkan dalam memantapkan kebestarian diri.



## Penguatan

A Berdasarkan situasi di bawah, jawab soalan yang berikut.

### Situasi



Dua orang rakan sedang berbual di taman bunga.

Mei Hwa: Kumari, banyak murid di dalam kelas kita tidak mahu berkawan dengan saya.


Kumari: Mungkin cara kamu berkomunikasi menyebabkan mereka berasa kurang selesa.

Dua orang murid sedang berbincang di kantin sekolah.

Charan: Omar, saya sedih. Saya terdengar Ali bercerita buruk tentang diri saya.

Omar: Kamu tidak boleh mudah mempercayai berita yang disampaikan. Kamu perlu memeriksa dahulu kebenarannya.

### Situasi



UNIT 3

1. Mengapakah Mei Hwa dan Charan menghadapi masalah dengan kawan-kawan?
2. Sekiranya anda ialah Mei Hwa atau Charan, bagaimanakah anda meningkatkan kebestarian diri?



Ramalkan keadaan Mei Hwa dan Charan sekiranya mereka tidak mengubah sikap masing-masing.


**B** Teliti maklumat di bawah. Kemudian, jawab soalan yang berikut.

Tuan Syed Kamarudin mengalami masalah pembelajaran sejak kecil. Walau bagaimanapun, kesungguhan beliau dalam bidang sukan amat mengagumkan dan membanggakan sekolahnya.

Tuan Syed Kamarudin mula menceburi sukan merejam lembing sejak tahun 2009. Beliau telah memenangi pingat gangsa semasa kemunculan pertama dalam kejohanan paralimpik. Beliau turut diiktiraf sebagai Atlet Paralimpik Terbaik daerah.

Tuan Syed Kamarudin seorang atlet yang tidak pernah berputus asa. Kegigihannya dan sikap berdaya maju yang dimilikinya telah membuahkan hasil.

Kejayaan dan keperibadian Tuan Syed Kamarudin juga menjadi kebanggaan ibu bapanya.



1. Bincangkan ciri kebestarian diri yang ditunjukkan oleh Tuan Syed Kamarudin.
2. Huraikan kepentingan Tuan Syed Kamarudin membentuk kebestarian diri.
3. Bagaimanakah anda boleh mencontohi sikap kebestarian diri Tuan Syed Kamarudin? Jelaskan.

 **Refleksi**

Fikirkan satu bakat yang ada pada diri anda. Tunjukkan bakat tersebut kepada murid lain di dalam kelas.



## Pengayaan

### A Lakukan aktiviti di bawah.

- (i) Tutup mata anda dan dengar arahan guru atau rakan.
- (ii) Guru atau rakan anda akan membaca pernyataan di bawah.

Bayangkan hidup anda 10 tahun akan datang. Bayangkan perkara yang telah anda capai pada ketika itu dari aspek yang berikut.

1. Pendidikan
2. Hubungan dengan orang lain
3. Kerjaya
4. Kerohanian

- (iii) Buka mata anda perlahan-lahan.
- (iv) Lakar satu garisan hidup bermula dari sekarang hingga usia 25 tahun berpandukan jadual di bawah.
- (v) Kongsikan garisan hidup anda dengan rakan di dalam kelas.

15 tahun		20 tahun		25 tahun	
Status Pendidikan	?	Status Pendidikan	?	Status Pendidikan	?
Hubungan dengan orang lain - keluarga	?	Hubungan dengan orang lain - rakan	?	Hubungan dengan orang lain - masyarakat	?
Kerjaya	?	Kerjaya	?	Kerjaya	?
Kerohanian	?	Kerohanian	?	Kerohanian	?
	?		?		?

### B Berdasarkan aktiviti yang telah dilakukan, hasilkan satu autobiografi tentang sifat positif yang anda miliki. Ceritakan perasaan anda.



#### Refleksi

Bagaimanakah anda dapat meningkatkan kebestarian diri?



#### Info

Autobiografi ialah penulisan seseorang tentang kehidupan diri sendiri.



Contoh Garisan Hidup (Imej)



Guru boleh memainkan muzik sentimental semasa aktiviti dilaksanakan.

**C** Baca dan fahami inti pati debat yang bertajuk “Disiplin Mengongkong Kebebasan Diri”.

**PIHAK PENCADANG**

Saya bersetuju dengan tajuk “Disiplin Mengongkong Kebebasan Diri”. Saya tidak dapat melakukan aktiviti yang saya minati kerana terlalu banyak aktiviti akademik. Saya terpaksa mengikut susunan jadual yang telah ditetapkan. Saya jarang-jarang berjumpa dengan kawan atau bermain bola sepak pada waktu petang. Disiplin yang keterlaluan mengongkong kehidupan saya.



**PIHAK PEMBANGKANG**

Saya tidak bersetuju dengan pandangan rakan pencadang saya. Disiplin sebenarnya membantu saya menjadi seorang yang berwawasan. Dengan menyediakan jadual waktu harian, saya dapat mendisiplinkan diri dan menjadi lebih bersistematik. Keputusan peperiksaan saya meningkat dan saya juga ada masa untuk beriadah dan keluar bersama-sama kawan.




Secara berkumpulan, bahaskan tajuk “Disiplin Mengongkong Kebebasan Diri”. Gunakan pengalaman anda dalam kehidupan harian sebagai contoh.

<b>DISIPLIN MENGONGKONG KEBEBASAN DIRI</b>	
<b>Pencadang</b>	<b>Pembangkang</b>

- D** Secara berkumpulan, selesaikan masalah yang dihadapi dengan menggunakan ciri kebestarian diri yang ada pada diri anda. Gunakan langkah-langkah di bawah untuk menyelesaikan masalah tersebut.

## CARA MENYELESAIKAN MASALAH SECARA KREATIF DAN INOVATIF



**Nota:** Ulang langkah 3 – 5 sekiranya masalah belum selesai.

- E** Bentangkan dan pameran hasil penyelesaian masalah yang menggunakan ciri kebestarian diri di Sudut Pendidikan Moral.



### Refleksi

Mengapakah ciri kebestarian diri penting dalam menyelesaikan masalah?



Guru perlu memberikan sokongan moral dan bimbingan kepada murid untuk membantu mereka menyelesaikan masalah dengan penuh integriti.



## Pemulihan

A Baca dan kaitkan ciri kebestarian diri yang ada pada Andrew Gab di bawah.



### Kisah Andrew Gab

Sejak kecil, saya suka memerhatikan dan rajin mencatat perkara yang berlaku di persekitaran saya. Saya akan menulis cerita dengan kreatif. Salah satu cerita tersebut adalah tentang kakak saya yang gigih membuat latihan larian pada setiap hari. Sekarang, kakak saya belajar di Sekolah Sukan Bukit Jalil. Dia berlatih dengan bersungguh-sungguh untuk menjadi pelari jarak jauh bagi mewakili negara Malaysia. Walaupun tidak dapat berlari, saya tetap bersemangat dan dapat menulis cerita tentang kakak saya. Saya telah berjaya menghasilkan novel yang diminati ramai. Penulisan ini memberi saya semangat untuk kehidupan. Saya bangga akan pencapaian dan pengurusan diri saya.

Secara berkumpulan, senaraikan perkara yang berikut:

Ciri Kebestarian Diri Andrew Gab	Kepentingan Andrew Gab Mengamalkan Kebestarian Diri	Keperluan Andrew Gab Membentuk Kebestarian Diri
		



### Refleksi

Apakah ciri kebestarian diri yang perlu anda miliki jika ingin mengembangkan bakat dalam bidang yang diminati?



Sekolah Sukan  
Bukit Jalil  
(Laman sesawang)  
Dicapai pada  
September 2018

**B** Tampalkan foto diri anda pada sekeping kad. Kemudian, catat ciri kebestarian diri yang ada pada diri anda. Tambahkan ciri kebestarian lain jika ada.



**C** Berdasarkan aktiviti B, tulis ciri kebestarian diri yang ada pada diri anda dan lafaskan ikrar “Aku Janji”.

Tarikh:

Saya ..... berjanji akan mengamalkan kebestarian diri dalam kehidupan seharian seperti yang berikut:

- Saya rajin.
- 
- 

Tandatangan, Disahkan oleh,

..... (Nama) ..... (Guru Pendidikan Moral)





**A** Baca catatan diari Cheng Kiat dan jawab soalan yang berikut.

6:00 pagi: Membuat senaman regangan dan mengurus diri.  
7:00 pagi: Pergi ke sekolah.  
2:00 petang: Makan tengah hari dan siapkan kerja sekolah.  
3:00 petang: Latihan bola sepak di padang sekolah.  
5:00 petang: Melihat video sambil berbincang dengan ahli kumpulan tentang cara meningkatkan prestasi dan kemahiran bermain bola sepak.  
6:00 petang: Pulang ke rumah.  
7:00 malam: Makan malam dan rehat.  
8:00 malam: Mengulang kaji pelajaran.  
9:00 malam: Membantu ibu membuat kerja rumah.  
10:20 malam: Refleksi diri.  
10:30 malam: Tidur.

1. Nyatakan aktiviti yang Cheng Kiat lakukan selain belajar.
2. Apakah nilai yang diamalkan oleh Cheng Kiat untuk membentuk kebestarian diri?
3. Jelaskan ciri kebestarian diri Cheng Kiat yang boleh dicontohi.
4. Huraikan kepentingan ilmu pengetahuan dan budi pekerti mulia dalam membentuk kebestarian diri Cheng Kiat.
5. Terangkan keperluan mengamalkan disiplin diri oleh Cheng Kiat.
6. Bagaimanakah anda meningkatkan kebestarian diri pada setiap hari? Berikan dua contoh yang spesifik.

**B** “Kebestarian Diri Membawa kepada Kecemerlangan Hidup.” Tulis esei dengan mengaitkan nilai yang terdapat dalam ciri kebestarian diri.



## Aktiviti Progresif

Secara berkumpulan, sediakan satu peringatan seperti di bawah untuk menggalakkan rakan anda menyerlah dan mencapai kebestarian diri. Tampilkan peringatan tersebut di kawasan sekolah. Anda boleh menarik perhatian rakan tersebut dan memberikannya kepada rakan yang sedang bersedih atau kurang motivasi untuk belajar.



Nota Tambahan: Sekiranya semua peringatan sudah diambil, gantikannya dengan peringatan yang baharu.



Bantu murid untuk menyediakan peringatan motivasi dalam usaha meningkatkan semangat dalaman mereka melalui kata-kata perangsang. Ulangan kata-kata tersebut dapat membantu murid membina keyakinan diri mereka. Murid boleh menampalkan kata-kata positif tersebut dalam buku latihan Pendidikan Moral atau diari.

## AMALAN TRADISI KEKELUARGAAN KHAZANAH KITA



### Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- Amalan tradisi kekeluargaan dalam sesuatu kaum.
- Kepentingan mengekalkan amalan tradisi kekeluargaan dalam sesuatu kaum.
- Keistimewaan amalan tradisi kekeluargaan dalam sesuatu kaum.
- Kesan sekiranya amalan tradisi kekeluargaan diabaikan dalam sesuatu kaum.
- Perasaan apabila dapat mengamalkan tradisi kekeluargaan.
- Tradisi kekeluargaan dalam kehidupan seharian.

**Setiap keluarga mempunyai tradisi kekeluargaan. Apakah tradisi kekeluargaan keluarga anda?**



### **CADANGAN NILAI**

- Hormat
- Kasih sayang
- Baik hati
- Rasional
- Kerjasama

## KONSEP

Tradisi ialah sesuatu kebiasaan atau amalan yang sudah sebatian dan diwarisi turun-temurun. Setiap keluarga mempunyai tradisi kekeluargaan masing-masing. Tradisi kekeluargaan diamalkan berdasarkan kepercayaan, norma dan adat resam keluarga tersebut. Tradisi kekeluargaan ini merupakan identiti keluarga yang merujuk jati diri dan cara hidup keluarga tersebut. Antara tradisi kekeluargaan termasuklah seperti yang di bawah.



### Contoh Amalan Tradisi Kekeluargaan Kaum Melayu

- Duduk bersila di atas lantai bagi lelaki dan duduk bersimpuh bagi perempuan.
- Bersalam sambil mencium tangan orang yang lebih tua.
- Membongkokkan badan apabila lalu di hadapan orang sebagai tanda hormat.



(Sumber: Adat dan Pantang Larang Orang Melayu, 1995)



### Contoh Amalan Tradisi Kekeluargaan Kaum Cina

- Makan besar bersama-sama anggota keluarga pada malam sebelum Tahun Baharu Cina.
- Menjemput orang yang lebih tua seperti datuk dan nenek untuk makan.
- Memakai pakaian berwarna merah semasa Tahun Baharu Cina.

(Sumber: Adat dan Pantang Larang Orang Cina, 1994)

### Contoh Amalan Tradisi Kekeluargaan Kaum India

- Mengikat dua batang pokok pisang di halaman rumah pengantin lelaki dan pengantin perempuan sebagai lambang penerusan warisan.
- Menggantung labu di halaman rumah sebagai tanda mengalihkan “mata jahat” yang memandang ke arah rumah.
- Mendidihkan susu di dalam periuk tanah semasa masuk ke rumah baharu sebagai tanda kebahagiaan.

(Sumber: Adat dan Pantang Larang Orang India, 1994)



### Contoh Amalan Tradisi Kekeluargaan Kaum Bidayah

- Menyelitkan daun lalang di telinga ketika menempuh hujan panas untuk menghalau “komang” atau roh jahat.
- Mengamalkan makan bersama-sama dengan memastikan semua anggota keluarga berkumpul sebelum makan.
- Menganggap orang yang mempunyai nama sama sebagai adik-beradik.

(Sumber: Majlis Adat Istiadat Sarawak)

Tradisi kekeluargaan yang diwarisi perlu dikekalkan dan diteruskan oleh generasi seterusnya. Setiap anggota keluarga hendaklah melaksanakan peranan masing-masing dalam mengekalkan tradisi keluarga. Terdapat beberapa kepentingan mengekalkan amalan tradisi kekeluargaan sesuatu kaum.

### **KEPENTINGAN MENGEKALKAN AMALAN TRADISI KEKELUARGAAN SESUATU KAUM**

Meneruskan identiti kekeluargaan.

Mewarisi tradisi kekeluargaan dari generasi ke generasi.

Mengeratkan hubungan antara anggota keluarga.

Merapatkan jurang generasi tua dengan generasi muda.

Mewujudkan suasana harmoni dalam keluarga.

Memupuk semangat kekitaan sesama anggota keluarga.

Bagi sesuatu kaum, amalan tradisi kekeluargaan mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Tradisi tersebut perlulah dihargai oleh anggota keluarga dengan memahami dan mengamalkannya bersama-sama. Contohnya, perayaan Hari Gawai di rumah panjang. Sebelum perayaan Hari Gawai, kaum Iban melakukan pelbagai persediaan di rumah panjang.

**KEISTIMEWAAN  
AMALAN TRADISI  
KEKELUARGAAN KETIKA  
MENYAMBUT  
HARI GAWAI**



Tradisi memasak ayam pansoh dapat diwarisi.



Tradisi menghormati  
Tuai Rumah diutamakan.



Tradisi bermain alat kesenian dan  
muzik tradisional dapat dikekalkan.



Tradisi jamuan di ruai  
dapat merapatkan hubungan  
kekeluargaan.



Tradisi menari tarian Ngajat  
dapat diteruskan.

(Sumber: Majlis Adat Istiadat Sarawak)



Pengabaian amalan tradisi kekeluargaan ini akan menyebabkan kesan negatif. Kesan negatif ini akan berlanjutan sehingga menyebabkan tradisi tersebut pupus. Oleh itu, pengabaian ini patut dielakkan sejak peringkat awal lagi.



Kesimpulannya, tradisi kekeluargaan sesuatu kaum perlulah diamalkan dan dipelihara supaya identiti kaum dapat dikekalkan. Hidup akan lebih bahagia dengan penerusan tradisi kekeluargaan.

- ▶ Nilai kerjasama dan nilai rasional perlu diamalkan bagi memastikan tradisi kekeluargaan diteruskan.
- ▶ Nilai kasih sayang sesama anggota keluarga dapat mengeratkan hubungan silaturahim.
- ▶ Nilai baik hati perlu diterapkan dengan mengambil kira perasaan setiap anggota keluarga bagi memastikan tradisi kekeluargaan dapat dikekalkan.



## Pengukuhan

- A** Lihat dan fahami upacara perkahwinan yang diamalkan oleh kaum Cina. Kemudian, jawab soalan yang berikut.

### UPACARA PERKAHWINAN YANG DIAMALKAN SEBAGAI TRADISI KEKELUARGAAN KAUM CINA



Memakai baju baharu pada hari perkahwinan.



Melamar pengantin perempuan.



Menghidangkan teh kepada orang tua.



Memberikan hantaran kepada pengantin perempuan.

(Sumber: Persatuan Hakka Sekinchan)

1. Apakah kepentingan mengekalkan tradisi kekeluargaan dalam setiap gambar di atas?
2. Jelaskan keistimewaan mengekalkan tradisi kekeluargaan dalam sesuatu kaum.

- B** Secara berkumpulan, layari Internet dan kenal pasti satu tradisi dalam upacara perkahwinan kaum anda. Ceritakan keistimewaan upacara dan kepentingan mengekalkan amalan tersebut dalam kaum anda.



## Info

Hantaran ialah hadiah dan wang yang diberikan oleh keluarga pengantin lelaki kepada pengantin perempuan sebagai tanda hormat. Hantaran juga diberikan untuk membentuk hubungan yang baik antara kedua-dua keluarga.

**C** Secara berkumpulan, bincangkan kepentingan mengekalkan tradisi kekeluargaan yang diamalkan dalam situasi di bawah oleh kaum yang berkenaan.

### Situasi

Setiap tahun, Sharina akan balik ke kampung untuk menziarahi neneknya. Apabila berjumpa, Sharina akan bersalam sambil mencium tangan neneknya.

(Sumber: Adat dan Pantang Larang Orang Melayu, 1995)



1

### Situasi

Lim Hok Chuan dan keluarganya menikmati makan besar bersempena dengan Tahun Baharu Cina. Pada masa ini, keluarga Lim Hok Chuan akan berkumpul di sekeliling meja lalu melambung yee sang dengan penyepit sebagai tanda bermulanya tahun yang makmur.

(Sumber: Adat dan Pantang Larang Orang Cina, 1994)



2

### Situasi

Kakak Sharven mengadakan upacara tindik telinga anaknya. Sebagai bapa saudara, Sharven perlu memegang anak saudaranya semasa upacara berlangsung.

(Sumber: Adat dan Pantang Larang Orang India, 1994)



3

4

UNIT

## Situasi

Setiap kali Simarjit Singh hendak pulang ke rumah setelah menziarahi datuk dan neneknya, dia akan mendapatkan restu daripada mereka.

(Sumber: Gurdwara Sahib, Petaling Jaya)

4



## Situasi

Dalam perkahwinan keluarga Baba dan Nyonya, acara berbalas pantun penting pada setiap peringkat upacara perkahwinan. Sekiranya satu pihak tidak dapat membalas pantun yang dijual, mereka akan diusik dan gurau senda akan berterusan.

(Sumber: Muzium Baba dan Nyonya Melaka)

5



4

UNIT

- D** Main peranan aktiviti yang ditunjukkan dalam situasi di atas. Apakah perasaan anda apabila dapat mengekalkan tradisi kekeluargaan seperti yang digambarkan?



Ramalkan kesan sekiranya amalan tradisi kekeluargaan diabaikan dalam sesuatu kaum.



Minta murid mencari maklumat daripada pelbagai sumber tentang tradisi kekeluargaan pelbagai kaum.



## Pengayaan

- A** Berdasarkan maklumat di bawah, laksanakan forum tentang kepentingan adat dan pantang larang dalam kalangan Orang Asli. Kemudian, jawab soalan di bawah.

Keluarga	Contoh Rumpun Bangsa Keluarga	Pantang Larang	Akibat
Senoi	Mah Meri	Anggota keluarga dilarang menyeksa atau membunuh binatang dengan sengaja.	Keluarga akan ditimpa malapetaka atau nasib yang tidak baik.
Melayu Asli	Jakun	Anggota keluarga dilarang membuang sisa makanan di merata-rata tempat.	Anggota keluarga yang membuang sisa makanan di merata-rata tempat akan mendapat busung.
Negrito	Jahai	Anggota keluarga dilarang menyeksa monyet, rama-rama dan pematung.	Anggota keluarga yang menyeksa haiwan ini akan mendapat malapetaka.

(Sumber: Budaya, Pantang Larang dan Amalan Kesihatan Orang Asli, 1998)

Apakah rumusan yang boleh anda buat berkaitan dengan nilai murni yang diamalkan dalam adat dan pantang larang Orang Asli?

4

UNIT

- B** Kenal pasti dua adat dan pantang larang pelbagai kaum yang terdapat di Malaysia. Laporkan keistimewaan kedua-dua adat tersebut di dalam kelas dengan menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK).



### Info


Busung bermaksud gembung perut kerana penyakit.



### Refleksi




Apakah perasaan anda apabila tradisi kekeluargaan sesuatu kaum semakin dilupakan?

**C** Banding beza kedua-dua gambar di bawah. Kemudian, persembahkan sketsa amalan tradisi kekeluargaan yang telah anda analisis.



**D** Penggunaan alat elektronik telah menjejaskan amalan tradisi kekeluargaan dalam kalangan generasi muda. Bersetujukah anda dengan pernyataan tersebut? Bahaskan.


**E** Ada pendapat yang mengatakan bahawa tradisi kekeluargaan merupakan satu keperluan manakala ada pula yang berpendapat bahawa tradisi kekeluargaan merupakan satu bebanan. Bincangkan dalam kumpulan untuk menolak pendapat yang mengatakan tradisi kekeluargaan sebagai satu bebanan.

Tradisi	Keperluan	Kesan
		



## Pemulihan

**A** Secara berkumpulan, bincangkan setiap amalan tradisi kekeluargaan dalam gambar di bawah.



Menanggalkan kasut sebelum masuk ke dalam rumah.



Menyediakan *tang yuan* semasa perayaan Dong zhi (Musim Sejuk).



Makan beralaskan daun pisang bersama-sama anggota keluarga.



Menari tarian Bhangra semasa majlis perkahwinan anggota keluarga.

## UNIT 4

**B** Pilih satu aktiviti yang terdapat dalam gambar di atas dan main peranan aktiviti tersebut.

1. Ceritakan perasaan anda apabila terlibat dalam aktiviti tradisi kekeluargaan tersebut.
2. Apakah kebaikan melakukan aktiviti tradisi kekeluargaan di atas?

**C** Baca contoh ucapan bagi upacara tradisi kekeluargaan di bawah.



### **SELAMAT MENYAMBU KELAHIRAN CAHAYA MATA**

**Semoga keluarga dan  
hidupmu kekal bahagia,  
sejahtera dan tenang  
bersama-sama anak  
yang baru lahir.**



Selamat menyambut  
Peyar Idum Villa  
(Upacara menamakan anak)  
bersama-sama anggota  
keluarga

Semoga anak yang  
baru lahir membawa  
kegembiraan berpanjangan.



Selamat meraikan  
*Full Moon*  
(Cukup Sebulan)  
Semoga anak yang  
lahir sentiasa  
membawa  
kebahagiaan.

1. Berdasarkan kad ucapan di atas, cari maklumat tambahan tentang keistimewaan amalan tradisi kekeluargaan tersebut. Bentangkan maklumat tersebut di dalam kelas.
2. Hasilkan sekeping kad ucapan untuk upacara tradisi kekeluargaan yang lain dengan menggunakan pelbagai media dan berikannya kepada anggota keluarga.



Apakah perasaan anda apabila menerima ucapan daripada rakan bersempena dengan sesuatu keriaan?






**A** Analisis gambar di bawah dan jawab soalan yang diberikan.



1. Wajarkah cucu tersebut memakai pakaian berwarna hitam apabila menziarahi datuk dan nenek di kampung pada pagi Tahun Baharu Cina? Berikan alasan anda.
2. Mengapakah anda perlu mematuhi amalan tradisi kekeluargaan?
3. Jelaskan keistimewaan mengekalkan amalan tradisi kekeluargaan dalam sesuatu kaum dengan memberikan contoh yang sesuai.
4. Apakah nilai yang diamalkan ketika mengamalkan tradisi kekeluargaan dalam sesuatu kaum?

**B** Lengkapkan peta minda yang berikut.





## Aktiviti Progresif

- (i) Sertai satu aktiviti tradisi kekeluargaan yang dianjurkan oleh keluarga, saudara-mara atau sahabat handai anda.
- (ii) Sediakan satu laporan bergambar secara ringkas. Laporkan pengalaman anda kepada murid lain di dalam kelas.

### Contoh Format Laporan

Nama: .....

Aktiviti tradisi kekeluargaan: .....

Penerangan ringkas: .....

Peranan saya dalam aktiviti tersebut: .....

Pengajaran yang saya dapat: .....

Kekangan yang saya hadapi (sekiranya ada): .....

Perasaan saya semasa melibatkan diri dalam aktiviti tersebut: .....



Meraikan hari lahir.



Meraikan hari penganugerahan ijazah.



Melakukan aktiviti fizikal.



Melakukan aktiviti riadah.

4

UNIT

## KONFLIK DALAM ADAB PERSAHABATAN



### Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- Jenis konflik dalam persahabatan.
- Cara menyelesaikan konflik persahabatan.
- Kepentingan menyelesaikan konflik dalam persahabatan.
- Kesan penyelesaian konflik dalam persahabatan.
- Perasaan apabila menyelesaikan konflik dalam persahabatan.
- Amalan penyelesaian konflik dalam persahabatan.

## CADANGAN NILAI

- Baik hati
- Kejujuran
- Hemah tinggi
- Hormat
- Toleransi

**Indahnya persahabatan  
tanpa konflik. Anda bagaimana?**





## KONSEP

Sahabat ialah orang yang rapat dalam kehidupan kita selain anggota keluarga. Sahabat yang baik akan sentiasa berada di sisi kita pada saat suka dan duka. Namun demikian, adakalanya konflik wujud dalam persahabatan.

Konflik persahabatan bermaksud perselisihan atau pertentangan yang berlaku antara seorang sahabat dengan sahabat yang lain. Perselisihan atau pertentangan ini termasuklah dari segi idea, pendapat, kepentingan dan matlamat. Terdapat beberapa jenis konflik dalam persahabatan.

### Konflik Bahasa

Penggunaan bahasa yang tidak beradab dalam persahabatan.

#### Contoh:

Menggunakan perkataan yang kurang sopan kepada sahabat.

### Konflik Gender

Halangan akibat perbezaan jantina.

#### Contoh:

Menyentuh sahabat yang berlainan jantina dengan sesuka hati.



### Konflik Personaliti

Perwatakan dan personaliti yang tidak sama dalam persahabatan.

**Contoh:**  
Gaya penampilan diri yang berbeza.

### Konflik Etnik, Agama dan Budaya

Perbezaan agama, bangsa dan budaya yang berlainan dalam persahabatan.

**Contoh:**  
Amalan dan budaya yang berbeza antara satu sama lain.

### Konflik Status


Kedudukan sosial dan ekonomi yang berbeza.

**Contoh:**  
Taraf hidup yang berbeza antara sahabat.

### Konflik Integriti

Amalan yang bertentangan dengan prinsip kejujuran, ketelusan dan kepercayaan dalam persahabatan.

**Contoh:**  
Membocorkan rahsia sahabat.



Setiap konflik persahabatan yang berlaku pasti ada cara penyelesaiannya. Cara penyelesaiannya perlu diketahui agar hubungan dalam persahabatan akan kekal harmoni. Antara cara penyelesaian sesuatu konflik dalam persahabatan termasuklah seperti yang di bawah.

## CARA PENYELESAIAN KONFLIK

### Menerima Budaya dan Latar Belakang Sahabat

- ▶ Mengenal budaya dan adat resam yang diamalkan.
- ▶ Menghormati kepercayaan dan amalan agamanya.
- ▶ Menyertai majlis sosial sahabat mengikut keperluan.

### Menerima Kelebihan dan Kekurangan Sahabat

- ▶ Memberikan layanan yang sopan.
- ▶ Memberikan perhatian ketika berkomunikasi.
- ▶ Menghormati sahabat.

5

UNIT



### **Bertoleransi Sesama Sahabat**

- ▶ Bertolak ansur dan sabar semasa menghadapi konflik.
- ▶ Bersedia untuk mendengar pandangan sahabat.
- ▶ Mengutamakan penyelesaian masalah berbanding dengan emosi.

### **Meningkatkan Kemahiran Berkomunikasi**

- ▶ Bertutur dengan penuh keikhlasan hati.
- ▶ Mengawal emosi semasa bercakap.
- ▶ Menggunakan gaya bahasa, nada suara dan kata-kata yang sesuai.

### **Mewujudkan Perasaan Bertimbang Rasa dan Empati**


- ▶ Prihatin terhadap perasaan sahabat.
- ▶ Menyedari tanggungjawab dan peranan masing-masing.
- ▶ Saling memahami dan membantu antara satu sama lain.

### **Membuat Perundingan**

- ▶ Mengenal pasti punca berlakunya konflik.
- ▶ Bersemuka dengan hati yang terbuka.
- ▶ Mewujudkan suasana terbuka dan saling memerlukan antara satu sama lain.



Setiap konflik yang berlaku antara sahabat perlu diselesaikan dengan segera. Jika dibiarkan tanpa penyelesaian, kesan buruk akan berlaku dalam hubungan persahabatan. Oleh itu, setiap sahabat perlu menyedari peranan masing-masing dalam menyelesaikan konflik yang berlaku. Antara kepentingan menyelesaikan sesuatu konflik dalam persahabatan termasuklah seperti yang berikut.



Setiap konflik persahabatan yang berjaya diselesaikan akan memberikan kesan dalam kehidupan kita. Antara kesan penyelesaian konflik dalam persahabatan termasuklah seperti yang di bawah.



Kesimpulannya, penyelesaian sesuatu konflik dalam hubungan persahabatan sangat penting dalam kehidupan harian. Kita akan berasa gembira dan terharu apabila hubungan persahabatan kian utuh dan akrab.

- ▶ Nilai hormat dan toleransi perlu diamalkan untuk menghargai dan memuliakan seorang sahabat.
- ▶ Nilai hemah tinggi dan baik hati juga perlu diamalkan untuk memastikan persahabatan yang sejahtera.
- ▶ Nilai kejujuran dengan sentiasa bercakap benar dan ikhlas penting diamalkan dalam setiap perlakuan.



## Pengukuhan

**A** Baca dan fahami babak cerita persahabatan antara Marwin dengan Shahzan di bawah. Kemudian, jawab soalan yang diberikan.

### Babak 1

Marwin dan Shahzan merupakan dua orang sahabat akrab. Mereka belajar di kelas 3 Wawasan. Selepas waktu persekolahan, mereka sering mengulang kaji pelajaran di pusat sumber sekolah.



### Babak 2

Pada suatu hari, guru kelas 3 Wawasan, Cikgu Suriati telah memperkenalkan seorang murid baharu. Murid tersebut bernama Muhaimin. Muhaimin berasal daripada keluarga berada.

### Babak 3

Sejak kehadiran Muhaimin di sekolahnya, Shahzan jarang-jarang mengulang kaji pelajaran dengan Marwin. Sudah beberapa kali permintaan Marwin untuk mengulang kaji selepas tamat waktu persekolahan ditolak oleh Shahzan. Shahzan memberikan alasan perlu pulang awal untuk membantu ibunya berniaga.



## Babak 4

Pada suatu hari, ketika Marwin keluar dari kelas setelah tamat waktu persekolahan, dia terlihat Shahzan dan Muhaimin sedang berbincang di pondok ilmu sekolah. Marwin berasa terkejut kerana Shahzan memberikan alasan hendak pulang awal semasa dia mengajaknya untuk belajar bersama-sama.



## Babak 5

Marwin berasa amat sedih. Dia seperti sudah tidak diperlukan lagi oleh sahabatnya itu. Dia amat tertekan dengan situasi tersebut.

1. Nyatakan jenis konflik dalam persahabatan yang terdapat dalam situasi di atas.
2. Mengapakah konflik antara Marwin dengan Shahzan perlu diselesaikan? Jelaskan.
3. Andaikan anda ialah Marwin, bagaimanakah konflik tersebut dapat diselesaikan?
4. Jelaskan perasaan anda sekiranya dapat menyelesaikan konflik yang berlaku dalam persahabatan.



Sekiranya konflik tersebut tidak berjaya diselesaikan, bincangkan tindakan selanjutnya yang patut dilakukan oleh Marwin.

- B** Hasilkan satu memoir tentang penyelesaian konflik persahabatan yang pernah anda alami.



**A** Secara berkumpulan, tunjukkan cara untuk menyelesaikan konflik persahabatan dengan menggunakan kaedah main peranan dalam situasi di bawah.

## Situasi

Sahabat anda jarang-jarang meluangkan masa untuk bertemu. Apabila waktu ditetapkan untuk bertemu dengannya, dia sering membatalkannya secara tiba-tiba.



## Situasi

Andy dan Mary telah bersahabat sejak kecil. Hubungan mereka sangat akrab. Mereka berdua juga saling membantu, terutamanya dalam pelajaran. Pada suatu hari, Mary meluahkan perasaannya kepada Andy. Andy berasa serba salah kerana tidak mahu mempunyai perasaan lain selain hubungan sebagai seorang sahabat.

## Situasi

Anda pergi ke rumah sahabat anda untuk berbincang tentang pelajaran. Apabila sampai di rumahnya, barulah anda tahu bahawa sahabat anda itu daripada keluarga berada. Anda berasa rendah diri dan mula menjauhkan diri daripadanya.



1. Apakah perasaan anda jika sering berkonflik dengan sahabat? Berikan alasan anda.
2. Jelaskan kepentingan menyelesaikan konflik yang diberikan berserta dengan contoh.
3. Ramalkan kesan sekiranya berlaku konflik dalam situasi tersebut.

**B** Hasilkan satu peta pemikiran tentang cara menyelesaikan konflik dalam adab persahabatan. Kongsikan peta pemikiran tersebut dengan rakan-rakan anda di dalam kelas. Kemudian, hasilkan satu rencana berkaitan dengan perkara tersebut.

**C** Teliti dan deklamasikan sajak di bawah dengan cara yang kreatif.

## Sahabat

Sahabat  
engkau sudah kuanggap seperti keluarga  
walau berbeza agama, bangsa dan budaya  
engkau sabar melayan kerenahku  
tanpa mengeluh mahupun merungut.

Sahabat  
dirimu sentiasa kupercayai  
tidak mungkir apabila berjanji  
sentiasa setia bersama-sama  
jelas bukti ketulusan hatimu.

Sahabat  
hidupmu tidak berkira denganku  
walau kita berbeza darjat dan agama  
tidak mengenal miskin dan kaya  
dirimu menerimaku seadanya.

Sahabat  
sifat terpujimu sungguh bermakna  
antara kita terhindar konflik  
buat diriku gembira dan bahagia  
engkau dan aku saling memahami  
itulah tanda sahabat sejati.

*Nukilan: Fatyehah Abdul Manaf*



1. Apakah mesej sajak ini?
2. Hasilkan puisi bertemakan penyelesaian konflik dalam persahabatan secara kreatif. Kemudian, deklamasikan puisi tersebut dan paparkan puisi terbaik di Sudut Pendidikan Moral.



## Pemulihan

**A** Berdasarkan grafik di bawah, kenal pasti cara dan kesan penyelesaian sesuatu konflik dalam persahabatan.

Bersemuka dengan hati terbuka.

Sedia mendengar dan menerima perbezaan.

Mengenal pasti punca konflik.

Mewujudkan suasana harmoni.

Bersabar menghadapi konflik.

Mengurangkan tekanan perasaan.

Membentuk personaliti positif.

Membina keyakinan diri.

Cara Penyelesaian Konflik	Kesan Penyelesaian Konflik
Elak campur tangan orang ketiga.	Mengukuhkan hubungan persahabatan.
	
	
	
	

**B** Hasilkan satu cenderamata tentang persahabatan anda dan pamerkannya di dalam kelas.



## Refleksi

Selain pemberian cenderamata, cadangkan cara lain untuk anda menghargai sahabat.

**A** Baca dialog di bawah. Kemudian, jawab soalan yang berikut.



Pada waktu yang dijanjikan, Mira tidak dapat menyertai rakan-rakannya untuk keluar bersama-sama. Keluarganya melarang Mira keluar dari rumah jika tidak ditemani oleh anggota keluarga atau orang yang lebih dewasa. Mira cuba menghubungi rakan-rakannya untuk menjelaskan perkara tersebut. Malangnya, semua rakannya gagal dihubungi. Ketika di sekolah, rakan-rakannya itu menjauhkan diri daripada Mira.

1. Andaikan anda ialah sahabat Mira. Cadangkan cara anda membantu Mira menyelesaikan konflik ini.
2. Terangkan kebaikan jika Mira berjaya menyelesaikan konflik ini.
3. Andaikan anda ialah Mira, jelaskan perasaan anda sekiranya konflik tersebut berjaya diatasi.
4. Jelaskan nilai yang sepatutnya diamalkan oleh Mira dan rakannya.

**B** Tulis esei yang bertajuk “Penyelesaian Konflik dalam Persahabatan Mampu Mengukuhkan Hubungan Persahabatan.” Berikan pendapat anda.





## Aktiviti Progresif

**A** Laksanakan satu rakaman temu bual berkaitan dengan konflik dalam persahabatan.



### PANDUAN PELAKSANAAN

- 1 Senaraikan isi penting bagi menjalankan temu bual.
  - Pengetahuan jenis konflik.
  - Pengalaman murid.
  - Cara mengatasi konflik.
  - Kesan konflik.
  - Perasaan ketika berkonflik dan selepas konflik diselesaikan.

- 2 Sebelum rakaman dan temu bual.
  - Tentukan masa dan tempat yang sesuai.
  - Tentukan peralatan yang ingin digunakan.
  - Minta kebenaran jika membawa peralatan tertentu.
  - Buat senarai murid dan guru yang perlu ditemu bual.
  - Sediakan soalan yang sesuai.

- 3 Semasa rakaman.
  - Pastikan tidak mengganggu mana-mana pihak.
  - Pastikan peralatan berfungsi dengan baik.
  - Merahsiakan pihak yang terlibat.

- 4 Selepas rakaman.
  - Buat suntingan pada rakaman yang telah dibuat.

**B** Bentangkan hasil temu bual dan rakaman tersebut.

**C** Hasilkan artikel tentang konflik dalam persahabatan dan siarkannya dalam majalah sekolah.



Contoh Temu bual (Video)

Guru membimbing murid untuk membuat rakaman. Aktiviti ini boleh dijalankan dalam bentuk pertandingan.

# **BIDANG 3**

## **Hubungan antara Diri, Komuniti dan Masyarakat**

Bidang ini membincangkan pentingnya mewujudkan hubungan yang baik antara diri murid dengan komuniti dan masyarakat. Bidang ini bertujuan untuk memberikan kefahaman tentang hidup bersatu padu dalam kepelbagaian, menghargai perkhidmatan awam, menyayangi alam sekitar dengan mengaplikasikan 5R bagi menjaga rumah hijau serta mempunyai tanggungjawab sosial ke arah kebaikan sejagat.

**Hidup Bersatu Padu Menjana  
Kesejahteraan**

**Kualiti Perkhidmatan Awam Aspirasi  
Pembangunan Negara**

**Bumi Hijau Bumi Kita**

**Tanggungjawab Sosial  
Tanggungjawab Bersama**

# UNIT

## 6

### **HIDUP BERSATU PADU MENJANA KESEJAHTERAAN**

#### **Dalam unit ini, saya belajar tentang:**

- Contoh amalan hidup bersatu padu dalam kepelbagaian agama, bangsa, budaya dan bahasa.
- Cara hidup bersatu padu dalam kepelbagaian agama, bangsa, budaya dan bahasa.
- Kepentingan amalan hidup bersatu padu dalam kepelbagaian agama, bangsa, budaya dan bahasa.
- Cabaran hidup bersatu padu dalam kepelbagaian agama, bangsa, budaya dan bahasa.
- Perasaan apabila hidup bersatu padu dalam kepelbagaian agama, bangsa, budaya dan bahasa.
- Amalan budaya hidup bersatu padu dalam kepelbagaian agama, bangsa, budaya dan bahasa.



**Apakah peranan anda dalam memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk?**

### **CADANGAN NILAI**

- Patriotisme
- Toleransi
- Hemah tinggi
- Rasional
- Berterima kasih



Malaysia sebuah negara yang aman dan damai. Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India, Kadazandusun, Iban, Semai dan lain-lain. Masyarakat Malaysia hidup bersatu padu dalam kepelbagaian agama, bangsa, budaya dan bahasa. Amalan toleransi merupakan kunci perpaduan rakyat negara Malaysia. Justeru, kita perlu bersyukur dengan keamanan dan keharmonian yang sedia ada walaupun wujud perbezaan antara satu sama lain.

Amalan hidup bersatu padu menjadikan Malaysia sebuah negara yang unik. Yang berikut ialah contoh amalan hidup bersatu padu yang meliputi agama, budaya, bangsa dan bahasa yang diamalkan oleh rakyat Malaysia.

### AGAMA ATAU KEPERCAYAAN

#### Sambutan Perayaan Agama atau Kepercayaan

Contoh: Sambutan rumah terbuka oleh pelbagai kaum dapat merapatkan hubungan masyarakat Malaysia.



### BANGSA

#### Sambutan Program Kebangsaan

Contoh: Penyertaan pelbagai kaum dalam sambutan Hari Kebangsaan dapat memupuk semangat perpaduan rakyat Malaysia.



### BUDAYA

#### Sambutan Program Kebudayaan

Contoh: Program Citrawarna yang disertai oleh pelbagai kaum dapat mengeratkan perpaduan antara masyarakat.



### BAHASA

#### Sambutan Program Kebahasaan

Contoh: Pelbagai aktiviti dalam program Bulan Bahasa Kebangsaan dapat menarik penglibatan pelbagai kaum.



Amalan hidup bersatu padu ini telah menjadikan Malaysia sebuah negara yang aman dan harmoni. Oleh itu, perpaduan dan persefahaman yang telah dicapai ini perlulah dikekalkan dengan mengamalkan cara hidup seperti yang berikut.

Menerima,  
menghormati  
dan mengurus  
kepelbagaian agama,  
bangsa, budaya  
dan bahasa.

Melibatkan diri  
dalam aktiviti  
kemasyarakatan  
pelbagai kaum.


**CARA HIDUP  
BERSATU  
PADU DALAM  
KEPELBAGAIAN  
AGAMA, BANGSA,  
BUDAYA DAN  
BAHASA**

Menghayati  
prinsip Rukun  
Negara.

Menjaga  
sensitiviti  
pelbagai kaum.

Mengenali adat  
dan budaya  
kaum lain.

Cara hidup bersatu padu amat penting untuk diamalkan oleh masyarakat Malaysia demi perpaduan negara. Selain itu, terdapat juga kepentingan yang lain tentang amalan hidup bersatu padu dalam kepelbagaian agama, bangsa, budaya dan bahasa.



Rakyat Malaysia menghargai perpaduan yang wujud di negara ini. Namun begitu, masih terdapat pelbagai cabaran yang boleh mengancam amalan hidup bersatu padu dalam kalangan masyarakat Malaysia. Antara cabaran tersebut termasuklah seperti dalam rajah di bawah.



Kesimpulannya, amalan hidup bersatu padu amat penting bagi masyarakat Malaysia. Rakyat Malaysia perlu bersyukur kerana dapat hidup bahagia dan sejahtera dalam negara yang aman.

- ▶ Nilai toleransi dan rasional dapat menyelesaikan konflik yang wujud.
- ▶ Nilai berterima kasih perlu diamalkan kerana perpaduan yang dicapai pada masa ini adalah hasil usaha bersama.
- ▶ Nilai patriotisme dapat mengukuhkan jati diri sebagai rakyat Malaysia.
- ▶ Nilai hemah tinggi dalam kehidupan harian membantu memupuk perpaduan.





## Pengukuhan

6

UNIT

- A** Baca dan fahami surat penghargaan yang ditulis oleh Ruben Raj tentang kehidupan komuniti projek perumahan rakyat dengan teliti. Kemudian, jawab soalan yang berikut.

Encik Ruben Raj,  
506/5, Blok D,  
Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sri Mawar,  
46100 Petaling Jaya.

Encik Munizar Mohamad,  
Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Sri Mawar,  
46100 Petaling Jaya.

31 OKTOBER \_\_\_\_

Tuan,

Penghargaan kepada Persatuan Penduduk PPR Sri Mawar

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Persatuan Penduduk PPR Sri Mawar kerana sentiasa menggalakkan penduduknya yang pelbagai kaum menyertai aktiviti kemasyarakatan.

2. Penduduk PPR Sri Mawar sentiasa memberikan kerjasama dengan menghadiri setiap program yang diadakan tanpa mengambil kira latar belakang kaum. Hal ini telah merapatkan kemesraan antara kaum di kawasan ini.
3. Sehubungan dengan itu, suasana harmoni dan mesra ini perlu diteruskan dan diwarisi oleh generasi muda agar Persatuan Penduduk PPR Sri Mawar boleh menjadi suri teladan kepada persatuan penduduk PPR yang lain. Semoga semua usaha dan kejayaan pihak Persatuan Penduduk PPR Sri Mawar akan terus dihargai oleh penduduknya.

Sekian, terima kasih.

*Ruben*  
(RUBEN RAJ)

1. Jelaskan nilai yang diamalkan oleh penduduk PPR Sri Mawar.
2. Bincangkan cara hidup bersatu padu yang diamalkan oleh penduduk PPR Sri Mawar.
3. Huraikan kepentingan amalan perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di PPR Sri Mawar.
4. Berdasarkan situasi di bawah, cadangkan cara menyelesaikan cabaran perpaduan kaum.

- Memainkan muzik yang kuat sehingga lewat malam.
- Membiarkan haiwan peliharaan berkeliaran.



Andaikan anda ialah ahli persatuan perumahan rakyat. Apakah langkah yang boleh diambil untuk mengeratkan perpaduan kaum di kawasan tersebut? Jelaskan.

**B** Secara berkumpulan, huraikan cabaran dan cadangkan cara penyelesaian bagi setiap situasi di bawah.



Penutupan jalan disebabkan majlis perkahwinan.



Kereta diletakkan di hadapan rumah jiran tanpa kebenaran.



Kereta diletakkan secara sembarangan.

**Refleksi**

Apakah perasaan anda apabila dapat hidup bersatu padu dengan pelbagai kaum? Jelaskan.

**C** Majlis Rumah Terbuka perayaan pelbagai kaum merupakan acara tahunan negara yang diraikan oleh masyarakat Malaysia dengan meriah. Baca dan fahami dialog antara pelancong dengan pemandu pelancong. Kemudian, jawab soalan yang berikut.

1 Selamat datang ke Malaysia.

3 Majlis ini akan disambut dengan meriah oleh masyarakat tanpa mengira kaum.

2 Terima kasih. Boleh saya tahu, apakah keistimewaan majlis rumah terbuka ini?

4 Apakah kepentingan majlis seperti ini?

5 Membuktikan masyarakat Malaysia dapat hidup bersatu padu.

6 Terima kasih.

**MAJLIS RUMAH TERBUKA**  
Sempena Hari Raya Aidilfitri

1. Bagaimanakah majlis rumah terbuka boleh menjadi medium perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia?
2. Huraikan halangan perpaduan dalam usaha melahirkan masyarakat yang bersatu padu.
3. Apakah peranan anda untuk hidup bersatu padu dalam komuniti di sekolah? Huraikannya dengan contoh.



Jika anda ialah pemandu pelancong, apakah keistimewaan perpaduan masyarakat Malaysia yang akan anda ceritakan?



**A** Baca dengan teliti situasi yang diberikan. Kemudian, kenal pasti masalah dan berikan cadangan penyelesaian. Bantangkannya di dalam kelas.

### Situasi

Yoke Fun menggunakan bahasa ibundanya ketika berbual-bual dengan rakan sebangsanya di sekolah. Hal ini menimbulkan perasaan kurang selesa dalam kalangan rakan yang berlainan kaum.



### Situasi



Muthu memberikan perkhidmatan teksi secara percuma kepada golongan miskin yang ingin ke hospital di kawasan perumahannya tanpa mengira kaum. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir penduduk mengambil kesempatan atas sikap baik hati Muthu itu.

### Situasi

Sipin tidak begitu mesra dengan jiran-jirannya. Persatuan penduduk perumahan pula kerap menganjurkan aktiviti kemasyarakatan. Sipin tidak pernah menyertainya dan suka mengasingkan diri.



### Situasi



Ayah Nelson telah mengadakan majlis rumah terbuka bersempena dengan perayaan Krismas. Nelson hanya mengundang rakan-rakan daripada pasukan bola sepak sekolah sahaja. Tindakannya ini menyebabkan rakan sekelas yang lain berasa kecil hati.

**B** Secara berkumpulan, adakan simulasi tentang cara menyambut tetamu bagi perayaan agama atau kepercayaan di Malaysia mengikut stesen yang ditetapkan. Tunjukkan kepelbagaian makanan yang dapat menjalinkan perpaduan antara kaum.

STESEN 1

**HARI RAYA  
AIDILFITRI**

- Menyambut tetamu mengikut budaya Melayu.
- Menghidangkan nasi himpit.

STESEN 2

**TAHUN  
BAHARU CINA**

- Menyambut tetamu mengikut budaya Cina.
- Menghidangkan buah limau.

STESEN 3

**DEEPAVALI**

- Menyambut tetamu mengikut budaya India.
- Menghidangkan muruku.

STESEN 4

**VAISAKHI**

- Menyambut tetamu mengikut budaya Punjabi.
- Menghidangkan manisan seperti *ladoo*.



**Refleksi**

Ceritakan perasaan anda apabila menyertai sambutan perayaan kaum lain.

**C** Hasilkan kad ucapan perayaan agama atau kaum secara elektronik dan kreatif. Kemudian, hantar kad tersebut melalui laman sosial kepada rakan yang menyambutnya.



**D** Teliti gambar seni mempertahankan diri daripada pelbagai kaum di bawah. Kemudian, jalankan aktiviti yang berikut.



Wusyu.



Silat.



Silambam.

1. Kenal pasti rakan yang mempunyai kemahiran seni mempertahankan diri seperti di atas.
2. Minta rakan tersebut mendemonstrasikan seni mempertahankan diri itu.
3. Rakan daripada kaum lain mempelajari beberapa langkah seni mempertahankan diri tersebut. Apakah kebaikan seni mempertahankan diri kaum lain?



Bagaimanakah anda dapat menggalakkan rakan daripada kaum lain mempelajari kesenian warisan anda? Jelaskan dengan contoh.



Silambam  
(Video)



### Refleksi

Apakah perasaan anda apabila mempelajari kesenian budaya kaum lain? Terangkan.

**A** Secara berkumpulan, jalankan aktiviti permainan “Kotak Misteri Kerusi Berirama” di bawah.

**CARA PERMAINAN:**

1. Kerusi disusun membentuk satu bulatan. Murid akan berdiri berdekatan dengan bulatan kerusi tersebut.
2. Apabila muzik dimainkan, murid-murid akan berjalan mengelilingi bulatan kerusi tersebut.
3. Apabila muzik dihentikan, murid akan duduk di atas kerusi tersebut.
4. Murid yang tidak dapat duduk akan didenda.
5. Murid yang didenda perlu mengambil sekeping kad denda di dalam kotak misteri dan menjawab soalan atau melakukan simulasi seperti yang dinyatakan dalam kad tersebut.
6. Sebuah kerusi akan dikurangkan bagi setiap pusingan.
7. Murid yang memenangi permainan ini akan digelar sebagai **JUARA PERPADUAN**.



**Kad Denda 1**

Pilih pernyataan contoh amalan hidup bersatu padu dalam kalangan murid pelbagai kaum.

- A = Anda bergaul mesra dengan murid pelbagai kaum.
- B = Anda bermain badminton dengan rakan sekaum anda sahaja.

**Kad Denda 2**

Pilih pernyataan cara hidup bersatu padu dalam kalangan murid pelbagai kaum.

- A = Anda melibatkan diri dalam aktiviti gotong-royong yang melibatkan murid pelbagai kaum.
- B = Anda melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan kaum anda sahaja.

**Kad Denda 3**

Pilih pernyataan kepentingan amalan hidup bersatu padu dalam kalangan murid pelbagai kaum.

- A = Murid hidup harmoni tanpa konflik.
- B = Murid hidup dengan konflik.

**Kad Denda 4**

Pilih pernyataan yang menghuraikan cabaran hidup bersatu padu dalam kalangan murid pelbagai kaum.

- A = Anda kurang memahami pantang larang kaum lain sungguhpun sudah lama berkenalan.
- B = Anda suka bergaul mesra dengan murid pelbagai kaum.

**Kad Denda 5**

Nyatakan perasaan murid dalam situasi yang berikut:  
Anda membantu murid yang kurang upaya secara sukarela tanpa mengira kaum.

**Kad Denda 6**

Lakukan satu simulasi cara menyambut tetamu bagi kaum yang berlainan dengan anda.

**Kad Denda 7**

Nyatakan dua nilai yang perlu anda amalkan untuk hidup bersatu padu dalam kalangan murid pelbagai kaum.

- B** Hasilkan seutas gelang tangan berlabelkan cogan kata “Hidup Bersatu Padu”. Kemudian, berikan gelang tangan tersebut kepada rakan anda daripada kaum lain sebagai cenderamata bagi menghargai semangat perpaduan.



**Bersatu Teguh  
Bercerai Roboh**

**Muafakat Membawa Berkat**

**Mari Bekerjasama**

1. Cari cogan kata yang bertemakan perpaduan seperti contoh di atas.
2. Pamerkan cogan kata tersebut di dalam kelas secara kreatif.





**A** Lihat gambar permainan rakyat di bawah dan jawab soalan yang diberikan.



1. Senaraikan nilai yang dipupuk menerusi permainan rakyat.
2. Apakah perasaan anda apabila terlibat dalam aktiviti sukan rakyat bersama-sama rakan pelbagai kaum? Berikan alasan.
3. Berikan contoh selain sukan yang boleh mengeratkan perpaduan kaum.
4. Terangkan dua kebaikan hidup bersatu padu walaupun berbeza agama, bangsa, budaya dan bahasa.

**B** Keratan akhbar di bawah menunjukkan kepentingan sambutan perayaan pelbagai kaum bagi meningkatkan keharmonian masyarakat Malaysia.

### Sambutan perayaan bukti sikap toleransi

>> Rakyat perlu pertahankan keharmonian

Perayaan Hari Natal penganut Kristian di negara ini bukan saja melambangkan kebebasan beragama, malah merupakan keunikan Malaysia yang menarik perhatian masyarakat antarabangsa.

Rakyat berbilang kaum di negara ini diseru supaya mempertahankan keamanan dan kestabilan yang dikecap kini bagi memastikan keharmonian negara terus terpelihara.

#### Kebebasan beragama

Walaupun penganut agama Kristian di negara ini tidak sampai 10 peratus, mereka tetap diraikan dengan meriah hasil semangat toleransi dan kebebasan beragama yang menjadi pegangan rakyat selama ini.

“Sambutan Hari Natal yang dirayakan di Malaysia memaparkan keunikan tersendiri kerana membawa mesej yang amat jelas tentang betapa pentingnya semangat

toleransi dikekalkan demi penyatuan dan keharmonian rakyat di negara ini.

Tanpa sikap hormat-menghormati antara masyarakat berlainan agama, tidak mungkin kita dapat mengesap kebebasan dan keharmonian dalam hubungan antara agama seperti yang dinikmati hari ini.”

#### Pelihara perpaduan

Keunikan negara kita juga sentiasa mencuri perhatian masyarakat antarabangsa. Oleh itu, setiap rakyat bertanggungjawab untuk memelihara kedamaian dan perpaduan yang menjadi tonggak kepada pembentukan negara maju.

Walaupun baru-baru ini negara berdepan dengan bencana alam, iaitu banjir yang melanda beberapa negeri, namun masalah tersebut tidak menghalang kemeriahan sambutan Hari Natal.

Katanya, amalan kunjung-mengunjungi dalam kalangan rakyat pelbagai bangsa dan agama perlu diteruskan supaya hubungan masyarakat berbilang kaum di negara ini terus terpelihara.


(Dipetik dan diubah suai daripada: Berita Harian, Sabtu, 17 September 2016)

**Bagaimanakah nilai murni yang telah anda pelajari dapat mengeratkan perpaduan antara kaum? Jelaskan dengan contoh yang sesuai.**



## Aktiviti Progresif

Bincangkan aktiviti yang akan diadakan semasa projek lawatan muhibah ke rumah anak-anak yatim berdasarkan jadual di bawah. Setiap kumpulan terdiri daripada murid pelbagai kaum. Kemudian, hasilkan laporan bergambar dan paparkannya di Sudut Pendidikan Moral.

Kumpulan	Cadangan Aktiviti	Catatan
Kumpulan 1	Senaman •  • 	
Kumpulan 2	Permainan •  • 	
Kumpulan 3	Gotong-royong •  • 	
Kumpulan 4	Tanam pokok herba •  • 	

6

UNIT



# UNIT

## 7

### KUALITI PERKHIDMATAN AWAM ASPIRASI PEMBANGUNAN NEGARA

#### Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- Idea baharu peningkatan kualiti perkhidmatan awam untuk kebaikan bersama.
- Piagam pelanggan perkhidmatan awam demi kebaikan bersama.
- Cara menyuarakan pendapat tentang mutu perkhidmatan awam yang diterima.
- Kesan pengabaian sumbangan perkhidmatan awam kepada pembangunan negara.
- Perasaan apabila menerima perkhidmatan awam yang berkualiti.
- Penggunaan perkhidmatan awam secara berhemah demi kebaikan bersama.



# KLINIK PERGIGIAN

## CADANGAN NILAI

- Bertanggungjawab
- Berterima kasih
- Patriotisme
- Kejujuran
- Baik hati

**Bagaimanakah anda dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan awam?**

Perkhidmatan awam merupakan nadi pembangunan negara. Fungsi perkhidmatan awam adalah untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti tinggi kepada pelanggan. Hal ini penting bagi memastikan pelanggan berpuas hati dengan mutu perkhidmatan yang diberikan. Oleh itu, pelanggan harus menghargai kecekapan perkhidmatan awam yang telah disediakan.

Untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan awam dari semasa ke semasa, beberapa idea baharu telah dilaksanakan. Setiap idea baharu ini bersifat inovatif, fleksibel, praktikal dan melibatkan kos yang berpatutan. Antara contoh idea baharu termasuklah seperti yang di bawah.



Selain idea baharu, piagam pelanggan yang disediakan turut membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan awam.

## PIAGAM PELANGGAN

- Jaminan sesebuah jabatan tentang perkhidmatan yang disediakan.
- Menerangkan jenis perkhidmatan yang ditawarkan.
- Menerangkan hak yang patut diterima oleh pelanggan secara bertulis.
- Menjamin perkhidmatan yang cekap, tepat, selamat, menepati masa, boleh dipercayai, mudah diperolehi dan mesra pelanggan.
- Menjamin sikap anggota yang berdisiplin, beretika, bertanggungjawab dan prihatin.

Biasanya, piagam pelanggan akan dipamerkan di tempat yang strategik di jabatan untuk pengetahuan umum. Bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan awam, piagam pelanggan akan dikemas kini dari semasa ke semasa mengikut keperluan jabatan. Yang berikut ialah contoh piagam pelanggan yang terdapat di Malaysia.

### CONTOH PIAGAM PELANGGAN



#### POLIS DIRAJA MALAYSIA

1. Mengambil tindakan susulan kepada semua aduan yang diterima secara rasmi dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dari tarikh penerimaan.
2. Melayan dalam tempoh 15 minit selepas mendapat nombor giliran.
3. Bertindak atau berada di tempat kejadian dalam tempoh 15 minit setelah menerima maklumat kejadian.
4. Perkembangan siasatan kes dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh laporan polis diterima.



Polis Diraja  
Malaysia  
(Laman sesawang)  
Dicapai pada  
September 2018



#### HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II, SABAH

1. Setiap pelanggan boleh mendapat perkhidmatan yang sewajarnya daripada hospital tanpa mengira umur, jantina, keturunan, agama atau taraf sosial-ekonomi.
2. Setiap pelanggan yang ditakrifkan sebagai dalam keadaan kecemasan akan diberi perkhidmatan dengan segera.
3. Setiap pelanggan akan dilayan dengan baik, mesra, bertimbang rasa, hormat, bersopan santun, jujur dan ikhlas.
4. Setiap pelanggan akan diberi perkhidmatan sebaik mungkin secara profesional.



Hospital Queen  
Elizabeth II,  
Sabah  
(Laman sesawang)  
Dicapai pada  
September 2018

Banyak pembaharuan dan penambahbaikan dilakukan dalam perkhidmatan awam. Namun begitu, komen dan cadangan masih diperlukan agar prestasi perkhidmatan awam dapat ditingkatkan. Sehubungan dengan itu, masyarakat boleh menyuarakan pendapat tentang mutu perkhidmatan awam yang diterima menerusi aduan, cadangan atau pujian.

## CARA MENYUARAKAN PENDAPAT TENTANG MUTU PERKHIDMATAN AWAM

- ADUAN
- PUJIAN
- CADANGAN

### SISTEM DALAM TALIAN

- Khidmat Pesanan Ringkas (SMS).
- E-mel.
- Media sosial.

### BERSEMUKA

- Agensi berkenaan.
- Kaunter bergerak.
- Hari Bertemu Pelanggan.

### BIRO PENGADUAN AWAM

- Peti cadangan.
- Surat.
- Telefon.



Orang awam sedang menggunakan perkhidmatan yang disediakan.

Dalam arus globalisasi yang mencabar kini, adalah menjadi satu pembaziran sekiranya sumbangan perkhidmatan awam ini diabaikan. Malah, pengabaian sumbangan perkhidmatan awam turut memberikan kesan kepada pembangunan negara. Yang berikut ialah kesan pengabaian sumbangan perkhidmatan awam kepada pembangunan negara.



Kesimpulannya, kualiti perkhidmatan awam yang cekap dapat membangunkan negara. Oleh itu, masyarakat dapat hidup dengan gembira.

- ▶ Nilai kejujuran dan baik hati yang diamalkan dapat meningkatkan imej perkhidmatan awam.
- ▶ Nilai bertanggungjawab yang diutamakan dapat meningkatkan kecekapan sektor perkhidmatan awam.
- ▶ Nilai berterima kasih perlu diamalkan oleh pelanggan dalam menghargai sumbangan perkhidmatan awam.
- ▶ Nilai patriotisme yang diamalkan dapat membantu mencapai aspirasi pembangunan negara.





## Pengukuhan

- A** Baca dan fahami kandungan piagam pelanggan sebuah agensi perkhidmatan awam di bawah. Kemudian, jawab soalan yang berikut.

### PIAGAM PELANGGAN JABATAN PERHUTANAN SABAH

1. Mengeluarkan lesen hutan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh permohonan lengkap diterima.
2. Mengeluarkan lesen perkilangan kayu dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh permohonan lengkap diterima.
3. Bertindak segera atas aduan orang awam berhubung kesalahan hutan dengan memberi maklum balas dalam tempoh satu (1) minggu.
4. Memberi perkhidmatan yang terbaik dan layanan yang mesra sepanjang masa.



Jabatan  
Perhutanan  
Sabah  
(Laman sesawang)  
Dicapai pada  
September 2018

1. Jelaskan kebaikan piagam pelanggan dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan Jabatan Perhutanan Sabah kepada masyarakat.
2. Berikan idea baharu bagi menambah baik kualiti Jabatan Perhutanan Sabah.

- B** Secara berkumpulan, bincangkan dan hasilkan rangka piagam pelanggan untuk kantin sekolah anda. Kemudian, bantangkannya di dalam kelas dan bincangkan kebaikan piagam pelanggan yang telah dihasilkan.



Bagaimanakah cara anda menyuarakan pendapat sekiranya tidak berpuas hati dengan kualiti perkhidmatan penjawat awam?

**C** Gambar bersiri di bawah adalah berkaitan dengan isu panggilan palsu yang menjejaskan mutu perkhidmatan awam. Teliti gambar bersiri ini dan jawab soalan yang diberikan.



1. Wajarkah tindakan anda menyalahgunakan talian kecemasan Jabatan Bomba dan Penyelamat? Berikan alasan anda.
2. Jelaskan sebab dan akibat penyalahgunaan talian kecemasan Jabatan Bomba dan Penyelamat dengan menggunakan peta pemikiran.
3. Ceritakan perasaan anda apabila menggunakan talian kecemasan Jabatan Bomba dan Penyelamat secara berhemah.



Berikan idea baharu bagi mengurangkan kes panggilan palsu dalam perkhidmatan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

- D** Secara berkumpulan, baca dan fahami kerangka transformasi perkhidmatan awam di bawah. Kemudian, jawab soalan yang berikut.

## KERANGKA TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM

**Penjawat awam yang berdaya saing, berilmu, berwibawa, kompeten, inovatif dan produktif.**

**Organisasi yang dinamik, terbuka, tangkas dan berkeupayaan tinggi.**

**Penyampaian perkhidmatan awam yang cepat, tepat, berkualiti, proaktif dan responsif.**

**Cintakan negara, daya tahan yang tinggi, beretika dan berintegriti.**

**Keputusan bersama dan rasa sepunya berdasarkan kepelbagaian perspektif.**

(Sumber: Jabatan Perkhidmatan Awam)

1. Bincangkan kepentingan transformasi perkhidmatan awam yang terdapat dalam rajah di atas.
2. Kemukakan idea baharu bagi menambah baik transformasi perkhidmatan awam kepada pelanggan.
3. Ramalkan kesan jika transformasi perkhidmatan awam tidak dilaksanakan dengan baik.

### Refleksi

Ceritakan perasaan anda apabila mendapat perkhidmatan awam yang berkualiti disebabkan oleh transformasi dalam perkhidmatan awam. Jelaskan.



A Isi borang di bawah untuk menilai perkhidmatan perpustakaan awam yang berdekatan dengan tempat tinggal anda.

**BORANG KAJI SELIDIK  
PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN AWAM**

Berikan penilaian anda tentang mutu perkhidmatan perpustakaan awam yang disediakan.

1. Kaunter Perkhidmatan
  - (a) Mesra pelanggan. ( ) YA ( ) TIDAK
  - (b) Proses peminjaman dan pemulangan buku. ( ) YA ( ) TIDAK
  - (c) Cepat dan responsif. ( ) YA ( ) TIDAK
  - (d) Urusan di kaunter diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan. ( ) YA ( ) TIDAK
  
2. Persekitaran
  - (a) Tempat bacaan yang selesa. ( ) YA ( ) TIDAK
  - (b) Kemudahan kerusi dan meja. ( ) YA ( ) TIDAK
  - (c) Ruang kafeteria yang sesuai. ( ) YA ( ) TIDAK
  - (d) Tandas yang bersih. ( ) YA ( ) TIDAK
  
3. Masa
  - (a) Masa operasi sesuai. ( ) YA ( ) TIDAK
  - (b) Tempoh pinjaman buku sesuai. ( ) YA ( ) TIDAK
  - (c) Beroperasi pada hari cuti umum. ( ) YA ( ) TIDAK
  - (d) Menepati waktu operasi. ( ) YA ( ) TIDAK

1. Secara berkumpulan, bentangkan hasil dapatan kajian di atas. Kemudian, cadangkan idea baharu untuk penambahbaikan mutu perkhidmatan perpustakaan awam. Hantar cadangan tersebut melalui surat atau e-mel.
2. Jalankan pemerhatian terhadap mutu perkhidmatan pusat sumber sekolah anda. Cadangkan idea baharu penambahbaikan kualiti pusat sumber sekolah anda kepada guru penasihat.

- B** Teliti poster program “Jom APM” anjuran Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) di bawah.



## Program “Jom APM” oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia



### Kadet Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (Kadet APM)

- ❖ Aktiviti kesukarelaan.
- ❖ Kemahiran pertolongan cemas.
- ❖ Melawan kebakaran dan menyelamatkan.
- ❖ Memupuk semangat kepimpinan.



### Perkhidmatan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM)

- ❖ Talian Kecemasan 999 (24 jam).
- ❖ Bantuan Kecemasan Bencana.
- ❖ Bantuan Pertolongan Cemas.
- ❖ Bantuan Khidmat Kemanusiaan.
- ❖ Ops Bantu semasa musim perayaan.

1. Bagaimanakah cara anda menyuarakan pendapat tentang mutu perkhidmatan pertahanan awam yang diterima?
2. Ramalkan kesan pengabaian sumbangan perkhidmatan yang diberikan oleh pihak APM.
3. Cari maklumat tentang perkhidmatan yang diberikan oleh pihak APM kepada orang awam dan warga sekolah. Hasilkan poster secara kreatif dan tampilkan di Sudut Pendidikan Moral.



### Refleksi

Ceritakan perasaan anda apabila mendapat perkhidmatan daripada pihak APM.



Angkatan  
Pertahanan  
Awam Malaysia  
(Laman sesawang  
Dicapai pada  
September 2018)

**C. Bincangkan idea baharu dalam usaha menambah baik perkhidmatan awam di bawah. Berdasarkan hasil perbincangan tersebut, adakan aktiviti jelajah ilmu.**

### STESEN 1

#### Agensi Pendidikan

- 
- 
- 



### STESEN 2

#### Agensi Pengangkutan

- 
- 
- 



### STESEN 3

#### Agensi Kesihatan

- 
- 
- 



**D. Bincangkan cara menyalurkan aduan tentang mutu perkhidmatan awam yang diterima secara fikir-pasang-kongsi (think-pair-share). Kemudian, bentangkan hasil perbincangan dengan menggunakan perisian PowerPoint.**



Jelaskan beserta dengan contoh sumbangan yang boleh diberikan oleh murid dalam peningkatan kualiti perkhidmatan awam.



## Pemulihan

- A** Adakan simulasi senario di bawah yang berkaitan dengan cara menyuarakan pendapat tentang mutu perkhidmatan awam.

### Senario 1

Anda mengikut ibu bapa anda ke Jabatan Imigresen untuk membuat pasport. Pada ketika itu, ramai pelanggan sedang menunggu giliran dan ibu anda pula tidak sihat. Seorang pegawai imigresen telah membantu ibu anda. Anda mengucapkan terima kasih dan memuji bantuan pegawai imigresen tersebut secara berhemah.

### Senario 2

Anda tinggal di tingkat 10, Kondominium Ria. Pada suatu pagi, anda terperangkap di dalam lif ketika hendak pergi ke sekolah. Pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat telah bertindak dengan pantasnya untuk menyelesaikan masalah tersebut. Anda menghubungi pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk mengucapkan terima kasih dan menghargai tindakan pantas mereka.

### Senario 3


Pada suatu hari, anda lewat ke sekolah kerana kesesakan jalan raya yang berlaku berhampiran dengan kawasan sekolah anda. Kesesakan tersebut berpunca daripada kerosakan lampu isyarat. Anda menghubungi pihak Jabatan Kerja Raya untuk melaporkan kerosakan lampu isyarat tersebut.



## Refleksi

Jelaskan perasaan anda apabila pihak berkenaan telah mengambil tindakan sewajarnya.

**B** Lengkapkan teka silang kata tentang kualiti perkhidmatan awam di bawah.



**Ke bawah**

1. Janji penjawat awam kepada pelanggan.
2. Penjawat awam memberikan perkhidmatan secara \_\_\_\_\_.
5. Panggilan jenis ini akan melemahkan kecekapan perkhidmatan awam.
7. Pengabaian sumbangan perkhidmatan awam akan menyebabkan ekonomi negara \_\_\_\_\_.

**Melintang**

3. Sikap yang menentukan kualiti penjawat awam.
4. Apakah perasaan anda apabila menerima perkhidmatan awam yang berkualiti?
6. Pelanggan menyuarakan pendapat tentang mutu perkhidmatan awam dalam \_\_\_\_\_.
8. Saluran pelanggan mendapat perkhidmatan awam.
9. Nilai yang diamalkan oleh penjawat awam.

**C** Hasilkan kad ucapan untuk menghargai perkhidmatan jururawat. Kemudian, tampalkan kad tersebut di Sudut Pendidikan Moral.



**A Yang berikut ialah piagam pelanggan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Teliti piagam pelanggan ini dan jawab soalan di bawah.**



Portal Rasmi

**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

[WWW.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)

1. Maklum balas kepada Pihak Berkuasa Tempatan berhubung permohonan pembangunan landskap dikemukakan dalam tempoh 10 hari bekerja.
2. Jentera Bomba pertama keluar dari Bay Jentera ke lokasi operasi kebombaan tidak melebihi 60 saat dari masa panggilan diterima di bilik kawalan balai.
3. Memanjangkan aduan yang diterima daripada orang awam kepada PBT untuk siasatan awal dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.
4. Melaksanakan siasatan seperti kejadian (banjir, pencemaran, tanah runtuh, kesihatan dan sebagainya) yang dimaklumkan oleh pihak PBT dan menyediakan laporan dalam tempoh 30 hari bekerja, bergantung kepada kes.
5. Respons terhadap aduan pelanggan diberikan dalam tempoh masa yang berikut:
  - I. Aduan penerimaan aduan/pertanyaan selewat-lewatnya satu (1) hari bekerja dari tarikh diterima;
  - II. Maklum balas awal dalam tempoh lima (5) hari bekerja; dan
  - III. Penyelesaian aduan dalam tempoh 15 hari bekerja kecuali bagi aduan yang memerlukan tindakan/siasatan lanjut.

1. Nyatakan perkhidmatan yang diberikan oleh agensi awam di atas.
2. Terangkan nilai yang perlu diamalkan oleh masyarakat semasa menggunakan perkhidmatan agensi awam tersebut.
3. Bersetujukah anda dengan tempoh yang terdapat dalam perkara 3 piagam pelanggan di atas. Mengapa?
4. Bagaimanakah anda menggunakan perkhidmatan awam yang disediakan secara berhemah?

**B Gambar di bawah menunjukkan perbuatan vandalisme terhadap kemudahan awam. Huraikan kesan pengabaian sumbangan perkhidmatan awam kepada masyarakat.**



Kementerian  
Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan  
(Laman sesawang)  
Dicapai pada  
Oktober 2018



## Aktiviti Progresif

Secara berkumpulan, bincangkan dan hasilkan brosur tentang prosedur pelbagai agensi perkhidmatan awam. Penghasilan brosur tersebut adalah untuk menggalakkan warga sekolah menggunakan perkhidmatan awam secara berhemah.



# 7 UNIT

### LANGKAH-LANGKAH PENYEDIAAN BROSUR:

1. Bahagikan murid kepada beberapa kumpulan.
2. Pilih agensi awam.
  - Kesihatan.
  - Pendidikan.
  - Pengangkutan awam.
  - Keselamatan.
3. Kumpulkan maklumat tentang agensi awam tersebut daripada laman sesawang rasmi.
  - Piagam pelanggan.
  - Jenis perkhidmatan yang ditawarkan.
  - Waktu operasi.
  - Cara berhubung dengan agensi berkenaan.
4. Reka brosur secara kreatif dengan menggunakan pelbagai media.
5. Edar brosur kepada warga sekolah semasa perhimpunan.

# UNIT

## 8

### BUMI HIJAU BUMI KITA

#### Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- Amalan 5R bagi pengekelan bumi hijau.
- Kepentingan amalan 5R bagi pengekelan amalan bumi hijau.
- Idea inovatif bagi meningkatkan amalan 5R bagi pengekelan bumi hijau.
- Kesan amalan 5R bagi pengekelan bumi hijau.
- Perasaan apabila mengamalkan amalan 5R bagi pengekelan bumi hijau.
- Amalan 5R bagi pengekelan bumi hijau dalam kehidupan seharian.

Bagaimanakah anda boleh membantu mengekalkan bumi hijau?

**REDUCE**  
**REUSE**  
**RECYCLE**  
**RETHINK**  
**REPAIR**

**CADANGAN NILAI**

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Berdikari
- Patriotisme
- Rasional
- Kerjasama



## KONSEP

Bumi hijau merupakan satu usaha yang memastikan bumi kita selamat daripada kemusnahan. Bagi memastikan pengendalian bumi hijau, *reduce* (kurangkan), *reuse* (guna semula), *recycle* (kitar semula), *rethink* (fikir semula) dan *repair* (baiki) patut menjadi amalan dalam kehidupan harian masyarakat.

Mengikut Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara, amalan konsep 3R, iaitu *reduce* (kurangkan), *reuse* (guna semula) dan *recycle* (kitar semula) adalah untuk mengurangkan penjejakan sisa. Amalannya adalah seperti di bawah.

### REDUCE

(Kurangkan)

- Mengurangkan penggunaan barangan yang tidak boleh dilupuskan.

#### Contohnya:

Mengurangkan penggunaan barangan yang sukar dilupuskan seperti plastik dan polistirena bagi mengurangkan pencemaran alam.



### REUSE

(Guna semula)

- Menggunakan semula sesuatu barangan, bahan atau produk.

#### Contohnya:

Penggunaan beg mesra alam dapat mengelakkan penggunaan beg plastik yang mengandungi bahan kimia dan sukar dilupuskan.



### RECYCLE

(Kitar semula)

- Mengitar semula barangan yang telah digunakan untuk dijadikan barangan lain yang boleh digunakan semula.

#### Contohnya:

Kertas yang dikitar semula boleh mengurangkan penebangan pokok serta mengekalkan kehijauan bumi.



*Rethink* (fikir semula) dan *repair* (baiki) pula digunakan pada peringkat global bagi pengendalian bumi hijau.

## RETHINK

(Fikir semula)

- Berfikir dahulu sebelum menggunakan atau membuang sesuatu barangan.

### Contohnya:

Telefon bimbit mengandungi komponen elektronik seperti plumbum, kadmium dan merkuri yang tidak boleh diurai secara semula jadi. Hal ini akan memberikan kesan buruk kepada alam sekitar dan pengendalian bumi hijau.



## REPAIR

(Baiki)

- Membaiki kerosakan barangan untuk mengelakkan pembelian barangan baharu.

### Contohnya:

Membaiki kipas, mesin basuh dan televisyen yang rosak akan dapat mengurangkan pembuangan sisa pepejal baharu di tapak pelupusan.



## Info

Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara (DPSPN) menetapkan matlamat untuk melaksanakan pengurusan sisa pepejal berdasarkan *waste management hierarchy* yang memberikan keutamaan kepada pengurangan sisa melalui *reduce, reuse, recycle* (3R), rawatan perantaraan dan pelupusan akhir.



Jabatan  
Pengurusan Sisa  
Pepejal Negara  
(Laman sesawang)  
Dicapai pada  
Oktober 2018

Semua pihak perlu memainkan peranan yang lebih proaktif dalam memastikan amalan ini menjadi rutin dalam urusan kehidupan. Hal ini penting bagi memastikan bumi kita terus kekal hijau. Banyak kepentingannya apabila setiap pihak menekankan amalan *reduce* (kurangkan), *reuse* (guna semula), *recycle* (kitar semula), *rethink* (fikir semula) dan *repair* (baiki) dalam kehidupan.

## KEPENTINGAN AMALAN BUMI HIJAU

### MENJIMATKAN KOS, SUMBER DAN TENAGA

- Kerja-kerja pelupusan memerlukan kos yang sangat besar.
- Selain penggunaan sumber manusia, penggunaan tenaga elektrik untuk pelupusan dapat dijimatkan dan dikurangkan.
- Mengitar semula kertas secara maksimum dapat mengurangkan penebangan pokok.



### MENGURANGKAN PENCEMARAN

- Mengurangkan penghasilan air larut resap dan pelepasan gas metana.
- Mengelakkan pencemaran udara yang boleh membahayakan kesihatan.
- Melepaskan gas karbon dioksida yang berbahaya kepada alam sekitar.

### MENINGKATKAN JANGKA HAYAT TAPAK PELUPUSAN

- Jangka hayat yang panjang untuk tapak pelupusan mengurangkan penggunaan ruang baharu.
- Tapak baharu yang terpaksa dibuka boleh mencerooboh ruang hidup manusia.
- Setiap satu tapak pelupusan berkeluasan antara 20 hingga 150 ekar (lokasi dan sampah).



Oleh itu, idea inovatif sangat penting untuk meningkatkan amalan bumi hijau. Idea yang inovatif dan bersesuaian dapat membuka lembaran baharu kepada masyarakat supaya mengamalkannya dengan lebih meluas dan bersungguh-sungguh. Selain mengekalkan bumi hijau, amalan tersebut boleh menjadi sumber ekonomi baharu. Antara idea inovatif dalam amalan bumi hijau termasuklah seperti yang berikut.

## IDEA INOVATIF BAGI PENGEKALAN BUMI HIJAU

### MENGHASILKAN BARANG BAHARU YANG LEBIH BERNILAI



- Bahan buangan dan barangan terpakai yang direka cipta semula boleh dijadikan sebagai cenderamata.
- Memproses sisa buangan sebagai satu sumber ekonomi.
- Menghasilkan baja kompos daripada sisa makanan.

### MENGADAKAN PERTANDINGAN

- Program *Green School* atau *Zero Waste Campus* di sekolah atau di institusi pengajian tinggi.
- Pertandingan penarafan bandar terbersih (*Clean City Award*).
- Pertandingan inovasi berasaskan barangan buangan.



### PENGUNAAN PELBAGAI SUMBER MEDIA



- Hebahan kesan positif tentang keperluan mengekalkan bumi hijau yang merupakan satu aset negara yang berharga.
- Program realiti televisyen tentang amalan bumi hijau.
- Menyiarkan klip video, drama pendek dan iklan berkaitan dengan amalan pengekaln bumi hijau.



Generasi muda akan mewarisi alam ini pada masa akan datang. Jika terus dipelihara, alam yang kaya dengan kehijauan dan udara yang segar dapat terus dinikmati tanpa sebarang gangguan. Amalan bumi hijau juga memberikan kesan positif jika semua pihak berganding bahu melaksanakannya.



Kesimpulannya, semua pihak perlu berganding bahu bagi mengekalkan bumi hijau. Kita pasti berasa gembira dan bersyukur jika alam yang didiami ini akan kekal hijau.

- ▶ Nilai kerjasama antara semua pihak dapat menjamin usaha mengekalkan bumi hijau yang berterusan.
- ▶ Nilai rasional perlulah menjadi amalan setiap kali menggunakan sesuatu barangan, terutama kesannya terhadap alam sekitar.
- ▶ Nilai patriotisme dalam menyahut usaha kerajaan bagi memastikan kehidupan sekeliling kekal terurus.
- ▶ Nilai kepercayaan kepada Tuhan dapat mengukuhkan usaha menghargai alam sekitar.



## Pengukuhan

**A** Teliti maklumat di bawah yang berkaitan dengan beg plastik. Kemudian, jawab soalan yang diberikan.



(Sumber: Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam [SWCorp])

1. Senaraikan amalan yang boleh dilakukan bagi mengelakkan penggunaan beg plastik.
2. Huraikan kepentingan menghentikan penggunaan beg plastik.
3. Cadangkan idea inovatif bagi mengurangkan penggunaan beg plastik dalam usaha mengekalkan bumi hijau.
4. Jelaskan perasaan anda sekiranya amalan tidak menggunakan beg plastik berjaya dipraktikkan.



Sejauh manakah anda menyahut kempen tidak menggunakan beg plastik?



Kempen 3R  
- Beg Plastik  
(Imej)

**B** Baca catatan Nita berdasarkan tinjauannya ketika berada di beberapa lokasi. Kemudian, bincangkan cara anda menyelesaikan masalah tersebut mengikut amalan *reduce* (kurangkan), *reuse* (guna semula), *recycle* (kitar semula), *rethink* (fikir semula) dan *repair* (baiki).

### KANTIN SEKOLAH

Tong sampah yang sama digunakan untuk membuang sisa pepejal seperti sisa makanan, botol minuman mineral, bekas minuman dan straw plastik. Plastik pembungkus makanan untuk mengisi makanan yang dibeli oleh murid digunakan secara meluas.

### BELAKANG KANTIN

Terdapat kesan buangan sisa minyak di dalam longkang. Longkang berada dalam keadaan tidak terurus, laluan air tersumbat dan bau yang busuk telah mencemarkan udara di kawasan kantin.

### TANDAS MURID

Terdapat paip air yang masih menitikkan air walaupun telah ditutup sepenuhnya. Tangki pam air di dalam tandas mengalirkan air tanpa henti.

### GELANGGANG PINGPONG

Terdapat banyak kerusi dan meja yang masih boleh digunakan tetapi dilonggokkan di suatu tempat. Longgokan tersebut telah mengambil sebahagian ruang gelanggang pingpong.

TEMPAT	CARA MENYELESAIKAN MASALAH	KEBAIKAN TINDAKAN
Kantin sekolah		
Belakang kantin		
Tandas murid		
Gelanggang pingpong		



Apakah perasaan anda apabila berjaya menyelesaikan masalah berdasarkan catatan Nita?

- C** Setiap bahan kitar semula yang dibawa ke pusat pengumpulan boleh ditukar dengan insentif yang menarik. Nilainya pula bergantung pada harga pasaran. Lihat gambar di bawah dan jawab soalan yang berikut.



1. Senaraikan contoh bahan yang boleh dilaksanakan mengikut amalan *reduce* (kurangkan), *reuse* (guna semula), *recycle* (kitar semula), *rethink* (fikir semula) dan *repair* (baiki).
2. Terangkan langkah yang patut anda lakukan setelah mengetahui barangan tersebut bernilai. Bentangkan tindakan anda dalam bentuk peta pemikiran.

- D** Buat satu brosur tentang senarai bahan dan panduan pengurusan barangan mengikut amalan bumi hijau. Banyakkan brosur untuk dijadikan bahan kempen dalam menggalakkan orang ramai mengamalkannya.



## Pengayaan

- A** Teliti tip penjimatan elektrik yang dapat dipraktikkan di bawah. Kemudian, jawab soalan yang diberikan.



### MENTOL

Menggunakan mentol jimat tenaga seperti *Light Emitting Diode (LED)*.

### PENYAMAN UDARA

Memastikan penyaman udara ditetapkan pada suhu 24°C.



### KOMPUTER

Menutup semua suis komputer apabila tidak menggunakannya.

### SUIS

Mematikan suis elektrik di bilik yang tidak digunakan.



### SETERIKA

Menggosok baju dalam kuantiti yang banyak pada satu masa.


1. Adakah anda pernah mempraktikkan tip di atas? Mengapa?
2. Bincangkan idea baharu untuk menjimatkan penggunaan elektrik di rumah secara rundingan meja bulat.
3. Buat satu senarai semak amalan penjimatan elektrik untuk dilaksanakan di rumah dan di sekolah bagi pengekalan bumi hijau.



Sejauh manakah amalan penjimatan elektrik membantu menjimatkan sumber tenaga?

- B** Bina beberapa penanda peringatan penjimatan penggunaan elektrik di rumah dan di dalam kelas. Tampilkan hasil kerja anda di tempat yang sesuai.

**C** Teliti rajah di bawah yang merujuk sebahagian acara sambutan bagi pengekalan bumi hijau yang diraikan pada setiap tahun.



Secara berkumpulan, lengkapkan maklumat di bawah.

Acara Sambutan	Aktiviti	Kesan
Hari Hutan Sedunia	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menanam pokok.</li> <li>Mengurangkan penggunaan kertas.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menambahkan pokok untuk keperluan masa hadapan.</li> <li>Mengurangkan penebangan pokok.</li> </ul>
	•	•
	•	•

**Refleksi**

Bagaimanakah anda boleh melibatkan diri dalam menjayakan program pengekalan bumi hijau?

**D** Pilih salah satu program dalam acara sambutan pengekalan bumi hijau dan laksanakannya di sekolah anda.



# Pemulihan

A Teliti gambar dan labelkan barangan di bawah mengikut amalan bumi hijau.



B Kumpulkan gambar yang berkaitan dengan amalan bumi hijau. Berdasarkan kreativiti anda, hasilkan album mengikut kategori *reduce* (kurangkan), *reuse* (guna semula), *recycle* (kitar semula), *rethink* (fikir semula) dan *repair* (baiki).

- C** Berdasarkan contoh gambar di bawah, cadangkan dan hasilkan bahan baharu mengikut kreativiti anda. Pamerkan hasil tersebut di dalam kelas.



- D** Nyatakan barang terbuang yang boleh anda gunakan sebagai alatan muzik dengan melengkapkan rajah di bawah.



- E** Secara berkumpulan, buat persembahan muzik dengan menggunakan barangan tersebut di dewan sekolah.





- A** Baca memo pemberitahuan tentang larangan membuang sampah ketika berada di laut. Kemudian, jawab soalan yang berikut.



Orang ramai diingatkan tidak membuang sampah ke dalam laut, terutamanya beg plastik. Hal ini bagi mengelakkan penyu mati akibat termakan sampah. Sampah, terutamanya beg plastik memberikan ancaman besar kepada penyu. Sekiranya keadaan ini berterusan dan sampah terus dibuang ke lautan, kepupusan penyu akan berlaku. Akhirnya, manusia yang akan rugi.

1. Jelaskan perasaan anda apabila mendapati kematian penyu berpunca daripada beg plastik yang dibuang.
2. Wajarkah anda membiarkan keadaan ini berlaku? Berikan alasan anda.
3. Bagaimanakah amalan bumi hijau dapat membantu mengatasi isu di atas?
4. Terangkan nilai murni yang perlu diamalkan oleh pelbagai pihak dalam meningkatkan usaha pengkalan bumi hijau dalam kehidupan harian.

- B** Amalan *reduce* (kurangkan), *reuse* (guna semula), *recycle* (kitar semula), *rethink* (fikir semula) dan *repair* (baiki) masih kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat. Berikan cadangan untuk menyedarkan masyarakat tentang pentingnya mengekalkan bumi hijau.



## Aktiviti Progresif

- A** Sekolah anda bercadang untuk melaksanakan program kitar semula. Bincangkan panduan pelaksanaan program tersebut berdasarkan jadual di bawah.

JENIS BAHAN	HARGA (RM/KG)	CARA MENGURUS
Majalah, akhbar, kertas putih	0.20	Susun dan ikat
Buku sekolah, katalog	0.15	Susun dan ikat
Kotak dan kadbod	0.16	Buka, lipat, susun dan ikat
Botol plastik	0.35	Bersih
Minyak masak terpakai	0.80	Kumpul di dalam bekas
Tin aluminium	2.00	Bersih, kering dan kemik
Tin makanan	0.30	Bersih, kering dan kemik
Besi	0.20	Bersih, kering dan kemik
Monitor dan CPU komputer	4.00	Kering, tidak pecah dan berkeadaan baik
Bateri kereta	15.00	Bersih

Panduan jenis bahan, harga dan cara mengurus barangan.



- B** Laksanakan program kitar semula tersebut di sekolah. Kemudian, sediakan laporan untuk membuat penilaian dan penambahbaikan program tersebut pada masa akan datang.

## TANGGUNGJAWAB SOSIAL TANGGUNGJAWAB BERSAMA



### Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- Tanggungjawab sosial dalam konteks hidup bermasyarakat.
- Kepentingan menunaikan tanggungjawab sosial dalam konteks kehidupan bermasyarakat.
- Peranan individu sebagai anggota masyarakat dalam melaksanakan tanggungjawab sosial.
- Idea baharu untuk menggalakkan generasi muda melaksanakan tanggungjawab sosial.
- Perasaan apabila menyertai kegiatan sosial dalam kehidupan bermasyarakat.
- Contoh tanggungjawab sosial menerusi penglibatan dalam masyarakat majmuk.



**Apakah tanggungjawab sosial anda sebagai anggota masyarakat?**

### **CADANGAN NILAI**

- Kerjasama
- Bertanggungjawab
- Kerajinan
- Toleransi
- Baik hati

## KONSEP

Tanggungjawab sosial bermaksud tugas serta kewajipan yang dipikul oleh individu dalam masyarakat. Tanggungjawab sosial ini meliputi aspek keharmonian, kesihatan, kebajikan, keselamatan dan kelestarian alam sekitar.

### KEHARMONIAN MASYARAKAT

Melibatkan diri dalam aktiviti komuniti seperti gotong-royong.



CONTOH TANGGUNGJAWAB SOSIAL DALAM KONTEKS HIDUP BERMASYARAKAT

### KESIHATAN

Menyertai program kesihatan seperti kempen derma darah dan derma organ.

  
**Saya Sudah Berikrar**  
Derma organ demi kehidupan

## KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Memelihara dan memulihara flora dan fauna seperti mengadakan kempen menanam pokok.



## KEBAJIKAN

Membantu golongan yang mengalami musibah seperti mengadakan kutipan derma kilat.



Kerjasama antara anggota masyarakat amat penting dalam melaksanakan tanggungjawab sosial. Tanggungjawab sosial ini tidak boleh dilaksanakan secara individu tetapi memerlukan gandingan semua pihak.

Oleh hal yang demikian, amatlah penting bagi semua anggota masyarakat untuk melaksanakan tanggungjawab sosial mengikut kemampuan masing-masing. Antara kepentingannya termasuklah seperti yang di bawah.



Sukarelawan Bulan Sabit Merah Malaysia bersedia menghulurkan bantuan kepada mangsa bencana.



Anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia bersedia mengagihkan sumbangan kepada mangsa bencana.

Tanggungjawab sosial juga membolehkan setiap anggota masyarakat memberikan sumbangan mengikut kemampuan dan kepakaran masing-masing. Oleh itu, setiap individu dapat memainkan peranan dalam melaksanakan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat.





Generasi muda juga perlu digalakkan dan diberikan kesedaran tentang kepentingan melaksanakan tanggungjawab sosial. Oleh itu, beberapa idea baharu yang mampu menggalakkan generasi muda melaksanakan tanggungjawab sosial dengan aktif telah diperkenalkan.



Kesimpulannya, penglibatan generasi muda dalam melaksanakan tanggungjawab sosial membantu melahirkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Oleh itu, rakyat Malaysia perlu bersyukur dan berbangga dengan keprihatinan yang diamalkan dalam masyarakat.

- ▶ Nilai kerajinan dan bertanggungjawab patut diamalkan dalam melaksanakan tanggungjawab sosial.
- ▶ Nilai toleransi dan baik hati dapat menyelesaikan perbezaan pendapat dalam kalangan anggota masyarakat.
- ▶ Nilai kerjasama harus dipraktikkan oleh setiap individu bagi menjayakan tanggungjawab sosial.



## Pengukuhan

- A** Keratan akhbar di bawah adalah berkaitan dengan kejayaan Kampung Sri Melur. Teliti keratan akhbar ini dan jawab soalan di bawah.

### Kampung Sri Melur Diiktiraf sebagai Kampung Harmoni

31 Oktober – Kerajaan negeri telah memberi Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung (JKKK) Sri Melur pengiktirafan Kampung Harmoni.

Kejayaan Kampung Sri Melur ini adalah hasil daripada aktiviti seperti Kempen Mencegah Denggi dan Kampung Tanpa Sampah. Bagi mencapai sasaran yang ditetapkan, JKKK Sri Melur telah menyediakan jadual pembersihan jalan dan longkang, pemotongan rumput serta kutipan sampah.

Semua penduduk Kampung Sri Melur telah memberikan sumbangan untuk memastikan kediaman mereka sentiasa bersih. Tidak ketinggalan, golongan remaja turut memberikan komitmen dalam melaksanakan tanggungjawab sosial bagi menjayakan semua aktiviti.

(Dipetik dan diubah suai daripada: Sinar Harian, 14 Disember 2017)

1. Nyatakan tanggungjawab sosial yang telah dilaksanakan oleh penduduk Kampung Sri Melur.
2. Terangkan kepentingan tanggungjawab sosial yang telah dilaksanakan oleh penduduk kampung tersebut.
3. Apakah sebab golongan remaja perlu melibatkan diri dalam aktiviti yang dianjurkan?

- B** Hasilkan folio tentang aktiviti sosial yang telah anda laksanakan di kawasan kediaman anda.



9

UNIT

**C** Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, bincangkan peranan dan kepentingan individu sebagai anggota masyarakat dalam melaksanakan tanggungjawab sosial.

## Situasi 1

Encik Ram, seorang sukarelawan yang suka membantu penghuni rumah orang-orang tua. Beliau mendapat tawaran kerja baharu dengan gaji lumayan daripada sebuah syarikat di luar negara. Walau bagaimanapun, Encik Ram menolak peluang tersebut kerana berasa lebih gembira dapat membantu warga emas.

## Situasi 2







Encik Mok Chee Keong baik dengan jiran-jirannya. Pada suatu malam, beberapa orang remaja cuba memasuki rumahnya. Encik Mok Chee Keong pula tiada di rumah ketika itu. Jiran Mok Chee Keong segera menghubungi pihak pengawal keselamatan. Akhirnya, semua remaja tersebut berjaya ditangkap. Encik Mok Chee Keong berasa terharu dan berterima kasih kepada jiran-jirannya.

## Situasi 3

Encik Suhaimi Muhamad aktif dalam aktiviti kemasyarakatan. Melalui inisiatifnya, beliau telah memimpin sekumpulan remaja untuk menanam pokok di kawasan taman perumahannya. Tujuannya adalah untuk mengekalkan kehijauan alam.

9

UNIT

SITUASI	TANGGUNGJAWAB SOSIAL	KEPENTINGAN
Situasi 1		
Situasi 2		
Situasi 3		



Bincangkan idea baharu untuk menggalakkan generasi muda membantu golongan yang mengalami musibah.



## Pengayaan

- A** Teliti dan fahami gambar di bawah. Secara berkumpulan, adakan sumbang saran tentang peranan individu dalam membantu mangsa yang terlibat. Kemudian, bentangkan hasil sumbang saran tersebut kepada rakan-rakan di dalam kelas.

1



Banjir.

2



Kes ragut.

GAMBAR	PERANAN INDIVIDU
1	
2	

- B** Bagaimanakah anda boleh bekerjasama dengan pihak swasta bagi membantu mangsa yang mengalami bencana? Gunakan teknik rundingan meja bulat dan bentangkan hasil perbincangan tersebut.



## Refleksi

Jelaskan perasaan anda apabila dapat membantu meringankan beban mangsa bencana.

9

UNIT



## Pemulihan

- A Secara berkumpulan, jalankan aktiviti permainan “Tanggungjawab Sosial Tanggungjawab Bersama” di bawah.

**25 BONUS** 24 23 22 21 **20 BONUS** 19

**26**  
**27**  
**28**

**TAMAT**

**TANGGUNGJAWAB SOSIAL**  
**TANGGUNGJAWAB BERSAMA**

**KAD CEPUMAS**

**MULA** 1 2 3 **4 BONUS** 5 6

### CARA PERMAINAN:

1. Permainan ini boleh dimainkan oleh dua hingga enam orang pemain. Pemain mula bergerak apabila mendapat angka 6 pada dadu.
2. Apabila tiba di petak BONUS, pilih kad cepumas dan jawab soalan.
3. Maju dua petak apabila dapat menjawab soalan cepumas dengan betul.
4. Undur dua petak jika gagal menjawab soalan cepumas dengan betul.
5. Undur jika angka pada dadu melebihi petak TAMAT.
6. Anda dikira sebagai pemenang jika berjaya berhenti di petak TAMAT.

### Pilihan Jawapan 1

Jeswant Singh menderma darah secara sukarela.

Amrit Kaur suka membantu mangsa yang mengalami musibah.





### KAD CEPUMAS 1

Pilih contoh tanggungjawab sosial dari aspek kesihatan.

### KAD CEPUMAS 2

Pilih pernyataan yang menunjukkan peranan murid dalam melaksanakan tanggungjawab sosial.

### KAD CEPUMAS 3

Pilih peranan anda sebagai anggota masyarakat dalam melaksanakan tanggungjawab sosial berdasarkan situasi di bawah.

### KAD CEPUMAS 4

Idea baharu yang manakah yang dapat menggalakkan generasi muda melaksanakan tanggungjawab sosial kepada masyarakat?

### KAD CEPUMAS 5

Ceritakan perasaan anda apabila dapat memberikan sumbangan kepada mangsa banjir.

### KAD CEPUMAS 6

Pilih situasi yang menggambarkan amalan murid melaksanakan tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

### KAD CEPUMAS 7

Nyatakan dua nilai yang diamalkan oleh murid yang melibatkan diri dalam khidmat sosial.

#### Pilihan Jawapan 2

Murid perlu menyertai aktiviti melindungi kelestarian alam secara sukarela.

Murid perlu menyertai aktiviti melindungi kelestarian alam secara paksa rela.

#### Pilihan Jawapan 3

Melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan pada peringkat sekolah.

Melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum pada peringkat sekolah.

#### Pilihan Jawapan 4

Pelantikan sebagai duta khidmat sosial dengan bayaran bagi melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan.

Penganugerahan ikon khidmat sosial kepada generasi muda yang aktif dalam aktiviti kemasyarakatan.

#### Pilihan Jawapan 5

Gembira.

Sedih.

#### Pilihan Jawapan 6

Murid menganjurkan kutipan derma bagi membantu mangsa peperangan.

Murid mencuci kereta bagi mengumpulkan dana untuk mengadakan lawatan.

#### Pilihan Jawapan 7

Toleransi Kejujuran

Keberanian Hemah tinggi

**B** Baca dan fahami memoir yang ditulis oleh seorang pesakit buah pinggang di bawah. Kemudian, jawab soalan yang diberikan.

#### MEMOIR SI PESAKIT

Aku ingin berbicara tentang diriku. Doktor telah mengesahkan kedua-dua buah pinggangku rosak. Aku perlu melakukan rawatan dialisis tiga kali seminggu. Kos rawatan dialisis untuk sebulan adalah sebanyak RM2000.

Punca kerosakan buah pinggangku disebabkan oleh sikapku sendiri. Aku sering mengabaikan kesihatan diri. Aku terkenang akan nasihat ibu sebelum ini supaya mengamalkan gaya hidup sihat. Bak kata pepatah "Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna". Sekarang, semuanya sudah terlewat.

Kini, aku sedang menunggu dan mengharapkan bantuan penderma buah pinggang. Menurut doktor, itulah satu-satunya peluang untuk menyelamatkan nyawaku. Adakah aku dapat diselamatkan oleh penderma yang berhati mulia? Aku tidak pasti.

9

UNIT

1. Andaikan anda terbaca memoir ini dalam laman sosial. Ceritakan perasaan anda.
2. Bincangkan cara anda membantu pesakit tersebut.
3. Secara berkumpulan, bincang dan hasilkan satu risalah tentang kempen derma organ bagi membantu pesakit tersebut. Kemudian, edarkan risalah tersebut kepada warga sekolah.



Mengapakah masih terdapat masyarakat yang belum bersedia untuk menderma organ?




Derma Organ  
(Laman sesawang)  
Dicapai pada  
Oktober 2018

**A Situasi di bawah menunjukkan tanggungjawab sosial yang dilaksanakan oleh ahli korporat kepada masyarakat yang kurang bernasib baik.**

Encik Samad Rahman, ahli korporat yang berjaya. Sebahagian hasil keuntungan syarikatnya digunakan untuk membantu penduduk di kawasan pedalaman. Beliau banyak membantu golongan yang kurang bernasib baik. Bantuannya adalah seperti membina pusat Internet dan perpustakaan.


1. Nyatakan tanggungjawab sosial yang dilakukan oleh Encik Samad Rahman kepada penduduk di kawasan tersebut.
2. Jelaskan nilai yang diamalkan oleh penduduk yang menerima sumbangan tersebut.
3. Terangkan kepentingan penglibatan pelbagai pihak dalam membantu golongan yang kurang bernasib baik.
4. Bagaimanakah anda dan rakan-rakan dapat bersama-sama melaksanakan tanggungjawab sosial dalam masyarakat?

**B Gambar di bawah menunjukkan sekumpulan remaja melaksanakan tanggungjawab sosial dengan menziarahi bapa jiran mereka yang sakit di rumah.**



Bagaimanakah amalan ini boleh diterapkan dalam kalangan generasi muda? Jelaskan.





## Aktiviti Progresif

- A** Secara berkumpulan, anjurkan aktiviti khidmat sosial di dewan orang ramai yang berdekatan dengan tempat tinggal anda.



Dewan orang ramai.



Membuat landskap di luar dewan orang ramai.



Bergotong-royong membersihkan kawasan dewan orang ramai.



Mengecat dewan orang ramai.

- B** Sediakan satu laporan bergambar tentang penglibatan, sumbangan dan kepentingan anda dalam aktiviti tersebut.

# **BIDANG 4**

## **Moral, Peraturan dan Undang-undang**

Bidang ini membincangkan peraturan dan undang-undang yang menjamin keamanan dan kesejahteraan. Adab di majlis rasmi dan tidak rasmi, hindari jenayah kanak-kanak, kebebasan bersuara, memelihara tradisi dalam masyarakat majmuk dan menyumbang untuk mengekalkan undang-undang kemanusiaan antarabangsa adalah standard yang patut dikuasai oleh murid Pendidikan Moral. Peraturan, undang-undang dan norma masyarakat ini perlu dituruti oleh murid untuk menjadi seorang insan yang bermoral.

**Hidup Beradab Cerminan Diri**

**Hindari Jenayah Kanak-kanak**

**Kebebasan Bersuara Menjamin Kemakmuran Negara**

**Amalan Tradisi Masyarakat Majmuk**

**Kemanusiaan Asas Kemoralan**

# UNIT

## 10

### **HIDUP BERADAB CERMINAN DIRI**

#### **Dalam unit ini, saya belajar tentang:**

- Adab dalam majlis rasmi dan tidak rasmi.
- Membanding beza adab dalam pelbagai majlis rasmi dan tidak rasmi.
- Kepentingan adab dalam majlis rasmi dan tidak rasmi.
- Kesan sekiranya tidak beradab dalam majlis rasmi dan tidak rasmi.
- Perasaan apabila adab dalam majlis rasmi dan tidak rasmi dipatuhi.
- Amalan beradab dalam majlis rasmi dan tidak rasmi.

## CADANGAN NILAI


- Kesederhanaan
- Hemah tinggi
- Kerajinan
- Hormat
- Harga diri




**Adakah saya mengamalkan tingkah laku beradab?**

Setiap majlis mempunyai adab yang tersendiri. Adab merujuk tingkah laku yang baik dan tutur kata yang sopan. Adab juga mencerminkan peribadi, identiti dan personaliti seseorang. Adab seperti berpakaian, makan dan bercakap perlu dijaga tidak kira dalam majlis rasmi atau tidak rasmi. Antara perbezaan majlis rasmi dengan tidak rasmi adalah seperti yang di bawah.

## PERBEZAAN MAJLIS RASMI DENGAN TIDAK RASMI



- Dianjurkan oleh pihak kerajaan atau pihak swasta.
- Tatacara dan protokol yang ditetapkan perlu dipatuhi.



- Suasananya lebih santai.
- Tatacara yang disusun oleh pihak penganjur tidak terlalu ketat.



Berpakaian seragam semasa Majlis Anugerah Cemerlang.



Berpakaian sopan semasa majlis hari lahir.

Oleh itu, setiap individu perlu peka dalam setiap majlis yang dihadiri. Peraturan yang ditetapkan dalam sesuatu majlis juga perlu dipatuhi. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan antara adab dalam majlis rasmi dengan tidak rasmi yang perlu diketahui.

## BANDING BEZA ADAB MAJLIS RASMI DAN TIDAK RASMI

Majlis rasmi	Persamaan	Majlis Tidak Rasmi
Pakaian sopan.	<b>Adab berpakaian</b>	Pakaian sopan.
Mengambil makanan dengan sopan.	<b>Adab makan</b>	Mengambil makanan dengan sopan.

Majlis rasmi	Perbezaan	Majlis Tidak Rasmi
Mematuhi etika pakaian yang telah ditetapkan.	<b>Adab berpakaian</b>	Mengikut kesesuaian majlis.
Memegang sudu dengan tangan kanan dan memegang garpu dengan tangan kiri.	<b>Adab makan</b>	Boleh menggunakan tangan atau cara lain yang sesuai.
Bercakap apabila perlu sahaja.	<b>Adab bercakap</b>	Bebas bercakap dengan sesiapa sahaja.

Hal ini menunjukkan bahawa adab perlu diikuti dan dihormati sama ada dalam majlis rasmi atau tidak rasmi. Identiti individu akan terserlah melalui perlakuan beradab yang ditonjolkan dalam sesuatu majlis.




Berpakaian formal semasa majlis rasmi.



Berpakaian kemas semasa majlis tidak rasmi.

Sekiranya adab dipatuhi, atur cara majlis rasmi atau tidak rasmi akan berjalan lancar. Oleh itu, semua pihak perlu mengetahui kepentingan adab dan peranan mereka dalam sesuatu majlis.



Sebaliknya, adab yang tidak dijaga akan menimbulkan kesan yang kurang senang kepada semua pihak. Antara kesan sekiranya tidak beradab dalam majlis rasmi dan tidak rasmi termasuklah seperti yang berikut.

<p><b>KESAN SEKIRANYA TIDAK BERADAB DALAM MAJLIS RASMI DAN TIDAK RASMI</b></p>	Atur cara majlis tidak berjalan lancar.
	Tumpuan tetamu akan terganggu.
	Suasana majlis kurang menyenangkan.
	Tetamu berasa kurang selesa.
	Penganjur berasa malu.

Oleh hal yang demikian, amalan beradab ketika berada dalam apa-apa juga majlis perlu dipupuk sejak kecil. Amalan beradab ini dapat memelihara keharmonian majlis dan perhubungan sesama individu.



Kesimpulannya, adab yang diamalkan dalam majlis rasmi atau tidak rasmi akan mencerminkan perwatakan seseorang individu. Semua tetamu akan berasa gembira apabila majlis berjalan dengan sempurna.

- ▶ Nilai hormat perlu diamalkan ketika menghadiri majlis rasmi dan tidak rasmi.
- ▶ Nilai kerajinan dan kesederhanaan yang diamalkan akan memberikan keselesaan kepada semua pihak dalam setiap majlis.
- ▶ Nilai hemah tinggi juga perlu diamalkan supaya pelaksanaan majlis berjalan lancar seperti yang dirancang.





## Pengukuhan

- A** Secara berkumpulan, teliti gambar di bawah. Kemudian, jawab soalan di bawah.



Ayah Manjit Kaur baru sahaja meninggal dunia. Sarah dan Wai Ling menziarahi keluarga Manjit Kaur untuk memberikan penghormatan terakhir. Semasa mengucapkan takziah, Wai Ling berasa tidak selesa dengan sikap Sarah yang tidak menghormati majlis.



Yoshini memakai baju tidak formal pada Hari Anugerah Cemerlang. Apabila sampai di sekolah, Yoshini berasa terkejut kerana semua kawannya memakai pakaian seragam sekolah.

1. Wajarkah perlakuan yang ditunjukkan oleh watak-watak di atas?
2. Apakah yang sepatutnya dilakukan oleh kedua-dua watak semasa menghadiri majlis tersebut?
3. Mengapakah anda perlu beradab ketika menghadiri majlis?



## Refleksi

Apakah tindakan anda sekiranya berada dalam situasi di atas?

- B** Main peranan situasi di bawah dengan memfokuskan adab dalam majlis rasmi dan tidak rasmi. Kemudian, jawab soalan yang diberikan.

# MAJLIS ANUGERAH KOKURIKULUM

SEKOLAH MENENGAH  
BUKIT HARMONI

31 OKTOBER \_\_\_\_\_

Kaveri dipertanggungjawabkan untuk memberikan taklimat kepada semua murid tingkatan 3 tentang adab dalam Majlis Anugerah Kokurikulum di sekolahnya.

- (i) Bantu Kaveri menyediakan nota taklimat yang meliputi perkara di bawah:
- Adab berpakaian.
  - Adab bercakap.
  - Adab menerima hadiah.

John akan mengadakan Majlis Rumah Terbuka Hari Krismas pada 25 Disember. Kawan-kawannya akan menghadiri majlis tersebut buat pertama kali.

- (i) Terangkan adab dalam Majlis Rumah Terbuka Hari Krismas kepada kawan-kawan John.



Mengapakah tingkah laku beradab dikatakan cerminan diri?



## Refleksi

Ceritakan perasaan anda apabila dapat mengamalkan adab dalam majlis rasmi dan tidak rasmi.



## Pengayaan

**A** Baca dan fahami cerita di bawah.

**1**

**Bibi:** Haku, mari cepat. Kita sudah boleh makan sekarang.

**Haku:** Wah, madu percuma! Jom, kita makan sepuas-puasnya.



## Kisah Lebah yang Gelojoh

Masyarakat lebah dijemput untuk menghadiri majlis kesyukuran di rumah Ratu Lebah.

**3**

**Ratu:** Haku, Bibi, mari sini sekejap.

**Bibi dan Haku:** Baik, Ratu.

**Ratu:** Apakah pesanan saya semalam?

**Bibi:** Makan secara sederhana dan beradab, Ratu.



**2**

**Bibi:** Haku, jangan gelojoh. Ada banyak lagi kawan kita yang belum makan madu.

**Haku:** Saya tidak peduli. Perut saya lapar.

**Bibi:** Saya faham. Ingat, adab makan perlu dipatuhi juga.



4

Ratu: Apakah yang telah kamu lakukan, Haku?

Haku: Maafkan saya, Ratu. Saya makan dengan gelojoh.

Bibi: Saya sudah ingatkan.

Ratu: Kalau terlebih makan madu, lebah yang lain tidak dapat makan madu.



1. Apakah adab makan yang patut diamalkan oleh Haku?
2. Ramalkan tindakan yang sepatutnya diamalkan oleh Haku.
3. Secara berkumpulan, lakonkan cerita di atas dengan kesudahan cerita yang kreatif dan inovatif.

5

Ratu: Saya memang menyediakan madu yang banyak untuk semua tetamu. Kalau ada lebih, barulah boleh tambah lagi.

6

Haku: ...



- Secara berkumpulan, sediakan satu blog tentang adab ketika makan dalam majlis rasmi dan tidak rasmi.
- Kaji adab makan yang berbeza dalam masyarakat pelbagai kaum di Malaysia.
- Pautkan blog tersebut dengan laman sesawang yang boleh membantu rakan anda mengetahui adab dalam majlis rasmi dan tidak rasmi.



Panduan  
Pengurusan  
Majlis dan Acara  
(Imej)

UNIT 10

**B** Sekolah anda akan mengadakan Program Minggu Moral. Sebagai setiausaha, anda dikehendaki mengendalikan mesyuarat jawatankuasa yang akan membincangkan adab yang perlu diamalkan dalam program tersebut. Adakan simulasi mesyuarat tersebut.

Hantar:	Daripada:	anthony@coolmail.com
	Kepada:	azilawathy@vmail.com
	Cc:	
	Perkara:	Mesyuarat Jawatankuasa Program Minggu Moral

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sehubungan dengan itu, semua AJK dijemput untuk menghadiri mesyuarat tersebut yang akan diadakan pada 18 September \_\_\_\_ di Kelas 3 Aspirasi.


3. Antara agenda yang akan dibincangkan adalah tentang adab dan protokol yang perlu diamalkan untuk perkara di bawah sepanjang program tersebut berlangsung.

- |                     |                                |
|---------------------|--------------------------------|
| • Tempat majlis     | • Susunan tempat duduk         |
| • Senarai jemputan  | • Juruacara                    |
| • Atur cara majlis  | • Atur cara pentadbiran majlis |
| • Kod pakaian       | • Penyambut tetamu             |
| • Kad jemputan      | • Raptai                       |
| • Menu untuk jamuan | • Laporan bertulis             |

Kehadiran anda dalam mesyuarat ini diwajibkan.

Sekian, terima kasih.

Anthony Fernandez  
Setiausaha Program Minggu Moral




1. Berdasarkan simulasi tersebut, apakah adab yang perlu diutamakan dalam Program Minggu Moral?
2. Jelaskan kepentingan menjaga adab dalam majlis tersebut.



## Pemulihan

- A** Lengkapkan peta pemikiran yang membandingkan adab dalam majlis rasmi dan tidak rasmi.



Jelaskan perasaan anda apabila melihat rakan anda tidak mematuhi adab bercakap dalam majlis.

- B** Keluarga anda mengadakan majlis rumah terbuka bersempena dengan sambutan majlis perayaan. Lakonkan cara anda menyambut tetamu secara beradab.



## Refleksi

Adakah adab berpakaian menjadi masalah kepada anda apabila menghadiri majlis rasmi atau tidak rasmi? Jelaskan.

- C** Secara berkumpulan, adakan demonstrasi tentang adab makan dalam majlis rasmi dan tidak rasmi.



- D** Dapatkan maklumat tentang adab makan dalam majlis rasmi dan tidak rasmi melalui Internet atau sumber lain. Hasilkan buku skrap berdasarkan maklumat tersebut.



### Refleksi

Ceritakan pengalaman anda menghadiri majlis rasmi atau tidak rasmi.

**E Baca dan fahami *haiku* berkaitan dengan adab dalam majlis rasmi dan tidak rasmi.**

*Haiku* ialah sejenis puisi pendek dari Jepun yang kaedah penulisannya ialah tiga baris, dalam 17 suku kata, dengan pola 5-7-5 (*go-shichi-go*) sahaja.







Contoh *haiku*.



Haiku  
(Pautan)  
Dicapai pada  
September 2018

Berdasarkan *haiku* di atas, lengkapkan jadual di bawah tentang perlakuan beradab dan kesannya dalam majlis rasmi dan tidak rasmi.

	Perlakuan beradab dalam majlis	Kesan perlakuan beradab dalam majlis
1.	Patuhi adab dalam majlis.	Semua tetamu berasa gembira.
2.		
3.		









**A Baca dan jawab soalan berdasarkan gambar di bawah.**



1. Namakan pakaian yang digunakan dalam gambar tersebut.
2. Jelaskan majlis yang sesuai dihadiri dengan menggunakan pakaian tersebut.
3. Mengapakah mereka berpakaian sedemikian untuk majlis tersebut?
4. Nyatakan tiga kepentingan memakai pakaian mengikut adab dalam majlis.
5. Jelaskan nilai yang diamalkan apabila anda mematuhi adab majlis rasmi dan tidak rasmi.
6. Gambarkan perasaan anda apabila mengamalkan perlakuan beradab dalam sesuatu majlis.

**B Lengkapkan rajah di bawah.**

**PERLAKUAN DALAM MAJLIS RASMI DAN TIDAK RASMI**

Perlakuan Beradab		Kesan	Perasaan
1. 	1. 		
2. 	2. 		
3. 	3. 		
Perlakuan Tidak Beradab		Kesan	Perasaan
1. 	1. 		
2. 	2. 		
3. 	3. 		



## Aktiviti Progresif

- A** Secara berkumpulan, reka pakaian yang sesuai untuk majlis rasmi dan tidak rasmi. Berikan penerangan tentang setiap pakaian yang direka mengikut kesesuaian majlis yang dihadiri.



## HINDARI JENAYAH KANAK-KANAK

### Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- Contoh jenayah kanak-kanak.
- Faktor yang menyumbang kepada jenayah kanak-kanak.
- Kesan jenayah kanak-kanak ke atas diri, mangsa, keluarga dan masyarakat.
- Cara menghindari jenayah kanak-kanak.
- Perasaan apabila tidak terlibat dalam jenayah kanak-kanak.
- Sikap antijenayah kanak-kanak.

## CADANGAN NILAI


- Harga diri
- Rasional
- Kepercayaan kepada Tuhan
- Kebebasan
- Kesederhanaan

BAT POLICE  
RICKFIELD S

**Bagaimanakah anda boleh membantu pihak polis menghindari jenayah kanak-kanak?**



Jenayah secara umumnya bermaksud perbuatan yang menyalahi undang-undang negara. Terdapat beberapa jenis jenayah, antaranya jenayah ringan, jenayah siber dan jenayah berat. Perlakuan jenayah yang dilakukan oleh golongan remaja pula dikategorikan sebagai jenayah kanak-kanak. Antara jenayah kanak-kanak yang perlu dihindari termasuklah seperti yang berikut.




## INFO

Berdasarkan Akta Kanak-kanak, kanak-kanak merujuk seseorang di bawah umur 18 tahun. Tanggungjawab atas kesalahan jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak perlulah berdasarkan perkara yang berikut:

- Kanak-kanak di bawah umur 10 tahun dibebaskan daripada apa-apa jua tanggungjawab jenayah.
- Kanak-kanak yang berusia antara 10 tahun hingga 12 tahun bergantung pada keupayaan membuktikan kanak-kanak tersebut berupaya melakukan jenayah.
- Kanak-kanak yang berumur lebih daripada 12 tahun bertanggungjawab sepenuhnya atas jenayah yang dilakukan.

Terdapat pelbagai faktor berlakunya jenayah dalam kalangan remaja di negara kita. Antara faktor tersebut adalah seperti yang berikut.




**Info**


- Menurut Undang-undang Malaysia, Akta 611 Akta Kanak-kanak 2001 pindaan 2006, Mahkamah Juvana 1974 telah dimansuhkan dan digantikan dengan Akta Kanak-kanak.
- Mahkamah Khas Bagi Kanak-kanak merupakan mahkamah yang menggantikan Mahkamah Juvana bagi membicarakan segala salah laku jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak.

Kegagalan menangani jenayah kanak-kanak akan memberikan kesan kepada kehidupan sekeliling termasuklah diri, mangsa, keluarga dan masyarakat.

# KESAN JENAYAH KANAK-KANAK



Oleh itu, semua pihak perlulah memainkan peranan masing-masing untuk menghindari jenayah kanak-kanak. Banyak usaha boleh dilaksanakan untuk menghindari jenayah kanak-kanak.



Kesimpulannya, setiap individu tidak boleh terlibat dalam sebarang jenayah. Hidup seseorang itu akan bahagia jika bebas daripada jenayah.

- ▶ Nilai kepercayaan kepada Tuhan dapat memelihara diri daripada melakukan sebarang kesalahan.
- ▶ Nilai rasional dan harga diri membantu individu membuat keputusan dengan bijak.
- ▶ Nilai kebebasan perlu diamalkan dengan mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.
- ▶ Nilai kesederhanaan akan membantu individu itu melakukan sesuatu perkara tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain.





## Penguatan

# UNIT 11

**A** Baca situasi jenayah di bawah. Kemudian, jawab soalan yang berikut.

### Curi motosikal: Lima remaja diberkas

Lima orang remaja diberkas kerana terlibat dalam kegiatan mencuri motosikal. Dalam kejadian pada awal pagi tersebut, dua orang remaja ditahan dalam satu sekatan jalan raya kerana menunggang motosikal yang dicuri. Hasil siasatan lanjut, pihak polis berjaya menangkap tiga orang remaja lagi. Pihak polis berjaya menemukan beberapa buah motosikal lain yang dilaporkan hilang sebelum ini.

### Buli: Lapan remaja berdepan tindakan gantung sekolah

Lapan orang remaja telah membelasah seorang remaja lain di taman rekreasi. Kejadian tersebut berpunca daripada keengganan mangsa untuk mengikut arahan mereka. Sekiranya didapati bersalah, lapan orang remaja tersebut akan berdepan dengan tindakan gantung sekolah sejeurus selesai proses siasatan polis.

### Peras ugut: Dua remaja ditahan polis

Dua orang remaja lelaki di sebuah sekolah yang berumur 15 dan 16 tahun ditahan oleh pihak polis. Mereka dipercayai melakukan peras ugut terhadap seorang remaja tingkatan tiga di sebuah sekolah. Setiap hari mangsa dipaksa memberikan wang sebagai wang perlindungan ketika pulang ke rumah. Kejadian terbongkar apabila ibu bapa mangsa mendapati anak mereka sering meminta wang untuk membeli pelbagai barang.

1. Apakah perasaan anda apabila membaca situasi di atas?
2. Pada pendapat anda, wajarkah remaja yang terlibat dengan perbuatan jenayah kanak-kanak dikenakan tindakan undang-undang? Jelaskan.
3. Anda mendapati rakan anda terlibat dengan jenayah kanak-kanak. Apakah nasihat yang patut anda berikan?



Ramalkan kesan kepada negara sekiranya golongan remaja terlibat dengan jenayah.

**B Secara berkumpulan, teliti dan selesaikan situasi di bawah.**



**Situasi**

Tony dan Mathew suka membuli Thomas di sekolah. Thomas berasa tertekan dan sedih. Lalu, dia mula menyendiri.

1. Wajarkah Tony dan Mathew bertindak sedemikian terhadap Thomas? Berikan alasan anda.
2. Pada pendapat anda, apakah faktor yang menyebabkan perbuatan buli berlaku di sekolah?
3. Ramalkan perkara yang akan berlaku sekiranya tiada tindakan yang dikenakan terhadap kedua-dua orang remaja tersebut.

**Situasi**

Joseph mendapat tahu Robert membawa duit yang banyak ke sekolah dan menyimpannya di dalam beg. Ketika aktiviti pendidikan jasmani di padang, Joseph mengajak Calvin untuk mencuri duit Robert. Calvin menolak ajakan Joseph itu. Sebaliknya, Calvin menasihati Joseph agar tidak mencuri kerana perbuatan itu merupakan satu jenayah.




1. Apakah pandangan anda terhadap sikap Calvin? Jelaskan.
2. Mengapakah Calvin berupaya menolak ajakan Joseph?
3. Andaikan anda rakan Calvin. Bagaimanakah anda memberikan sokongan kepada Calvin supaya kekal dengan pendiriannya itu?

**C Jalankan simulasi berdasarkan situasi antijenayah di atas.**



**A** Teliti carta pai di bawah tentang cadangan penyelesaian isu buli. Kemudian, jawab soalan yang berikut.



1. Cadangan manakah yang berkesan bagi menyelesaikan isu buli di atas?
2. Kemukakan satu saluran aduan yang lebih praktikal dan selamat bagi murid yang menjadi mangsa buli yang berlaku sama ada di sekolah atau di luar sekolah. Bentangkan dan kongsi idea anda.

**B** Secara berkumpulan, dapatkan maklumat tentang jenayah kanak-kanak. Buat refleksi dan hasilkan buku skrap tentang:

- (i) Statistik atau data jenayah kanak-kanak.
- (ii) Pengajaran yang diperolehi.
- (iii) Cara anda mempraktikkan tindakan antijenayah kanak-kanak tersebut.


**C** Kelab Pencegahan Jenayah sekolah anda ingin mendapatkan maklumat lanjut tentang *Volunteer Smartphone Patrol* atau lebih dikenali sebagai VSP. Secara berkumpulan, adakan satu lawatan dan temu bual khas dengan pegawai polis di balai polis berhampiran.

**PANDUAN TUGASAN:**

- Maklumat penting temu bual.
  - Konsep VSP.
  - Cara-cara menggunakan VSP.
  - Pelaksanaan VSP.
  - Faedah menggunakan VSP.



2. Agihkan tugas kepada beberapa kumpulan.



**Refleksi**

Jelaskan perasaan anda apabila berjaya menjadi sebahagian daripada individu yang berperanan untuk membantu mengatasi masalah jenayah kanak-kanak.



VSP  
(Laman sesawang)  
Dicapai pada  
Julai 2018

**D** Jenayah kanak-kanak memberikan implikasi yang sangat besar jika tidak ditangani dengan berkesan. Jalankan satu bual bicara berkaitan dengan jenayah kanak-kanak di sekolah.




**PANDUAN BUAL BICARA**

**Cadangan Ahli Panel**

- Murid.
- Guru Disiplin.
- Guru Kaunseling.
- Wakil PIBG.
- Pegawai Perhubungan Sekolah.

**Isu Perbincangan**

- Contoh jenayah.
- Punca berlakunya jenayah.
- Cara mengatasi jenayah.
- Kesan jenayah.
- Penglibatan dan tindakan proaktif yang perlu dilakukan.



**Pelaksanaan**

1. Bincangkan isu berkaitan dalam kumpulan.
2. Pilih wakil setiap kumpulan.
3. Setiap wakil kumpulan akan main peranan mengikut ahli panel yang diwakili.

**E** Buat rakaman khas bual bicara tersebut dan sebarkannya melalui laman sosial yang sesuai.



# Pemulihan

**A** Berdasarkan jadual, cari enam perkataan yang berkaitan dengan jenayah kanak-kanak.

J	B	G	A	N	G	S	T	E	R	I	S	M	E
C	U	R	I	R	G	P	A	K	R	S	I	M	U
A	L	B	I	O	J	O	T	E	K	A	N	A	N
S	I	K	B	M	U	L	A	N	T	A	A	S	A
B	P	T	U	P	D	I	B	D	K	C	N	Y	P
U	E	I	B	A	I	S	U	I	K	E	D	A	E
N	N	R	A	K	A	N	D	H	D	M	H	R	R
U	J	I	P	K	A	I	I	I	I	U	P	K	A
H	A	D	A	D	D	L	B	N	D	H	E	A	S
I	R	U	T	H	K	D	A	A	I	A	N	T	U
M	A	L	U	G	N	A	G	A	K	N	J	M	G
A	T	N	G	T	O	R	K	E	A	L	A	R	U
K	U	B	I	D	E	N	D	A	N	G	R	N	T
B	I	S	E	B	A	T	A	N	K	J	A	H	O

### CONTOH JENAYAH KANAK-KANAK

CURI  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....

### KESAN JENAYAH

MALU  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....

Lengkapkan jadual di bawah.

CARA MENGATASI	
DIRI:	
IBU BAPA:	Memberikan pendidikan agama yang secukupnya kepada anak-anak.
PIBG:	
POLIS:	
BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO):	

**B** Teliti maklumat dalam poster di bawah tentang bentuk hukuman bagi kesalahan jenayah kanak-kanak yang dilakukan.



(Sumber: Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia [NUTP])

- Adakah anda bersetuju dengan bentuk hukuman bagi kesalahan yang dinyatakan di atas? Jelaskan.
- Apakah perasaan anda apabila mengetahui pelbagai bentuk hukuman bagi kesalahan jenayah kanak-kanak?

**C** Hasilkan poster bertemakan antijenayah kanak-kanak dengan kreatif.



Poster Salah Laku Murid (Laman sesawang) Dicapai pada September 2018

**D** Penyalahgunaan dadah merupakan antara punca berlakunya jenayah. Fahami lirik lagu *Dadah Durjana* di bawah.



(Sumber: Agensi Antidadah Kebangsaan [AADK])

1. Apakah mesej yang anda peroleh daripada lirik lagu tersebut?
2. Adakan pertandingan nyanyian lagu tersebut secara berkumpulan.

 **Refleksi**

Apakah perasaan anda apabila berjaya menghindari diri daripada terjebak dalam penyalahgunaan dadah?



Lagu "Dadah Durjana" (Video)





**A Baca petikan rencana tentang jenayah kanak-kanak di bawah.**

**Kes jenayah kanak-kanak membimbangkan**

Pembabitian golongan remaja termasuk murid sekolah dalam jenayah amat membimbangkan, terutamanya membabitkan jenayah narkotik, pergaduhan, dan kecurian.

Sebanyak sembilan kes seumpama itu dicatat pada dua bulan pertama tahun ini. Perkara yang lebih membimbangkan apabila berlakunya peningkatan kes jenayah kanak-kanak yang direkodkan dari setahun ke setahun. Kebanyakan jenayah kanak-kanak yang berlaku membabitkan murid sekolah dan mereka yang tidak bersekolah.

1. Nyatakan contoh jenayah yang melibatkan murid sekolah berdasarkan petikan rencana tersebut.
2. Jelaskan perasaan anda selepas membaca petikan rencana tersebut.
3. Nyatakan pihak yang patut dihubungi sekiranya anda mengetahui ada dalam kalangan murid sekolah terlibat dalam jenayah tersebut.
4. Apakah usaha yang patut dilakukan untuk mengatasi jenayah kanak-kanak di sekolah?
5. Jelaskan kesan jangka panjang jika jenayah kanak-kanak dibiarkan berterusan.
6. Bagaimanakah amalan nilai moral dalam kalangan murid boleh membantu mengatasi jenayah kanak-kanak?

**B Bincangkan sebab dan akibat peningkatan jenayah kanak-kanak di negara kita berdasarkan statistik yang diberikan.**

**KANAK-KANAK YANG TERLIBAT DENGAN JENAYAH**

Tahun	Jumlah orang
2015	4669
2016	4886
2017	5443

(Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat)



## Aktiviti Progresif

- A** Adakan satu program bersama-sama penghuni Sekolah Tunas Bakti yang berhampiran dengan sekolah anda.



Bincangkan perkara di bawah semasa melaksanakan program tersebut.

### PANDUAN PROGRAM

#### Pelaksanaan program

- Tempat program.
- Tarikh dan tempat.
- Rasional dan objektif.
- Kumpulan sasaran.
- AJK Pelaksana.
- Surat kebenaran.
- Anggaran perbelanjaan.
- Tentatif program.
- Pelaporan.

#### Maklumat yang akan diperolehi


- Sejarah Sekolah Tunas Bakti.
- Jenis kesalahan.
- Tempoh masa perintah.
- Bentuk pemulihan yang dilakukan.
- Kemahiran yang diajarkan.
- Peraturan dan prosedur lawatan keluarga.
- Statistik jumlah pesalah.
- Perkara-perkara lain yang sesuai.

- B** Buat laporan tentang pengajaran yang diperolehi hasil daripada program tersebut.



Selain Sekolah Tunas Bakti, murid juga boleh mengadakan program ke Asrama Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat yang berhampiran.

# KEBEBASAN BERSUARA MENJAMIN KEMAKMURAN NEGARA



## Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- Kebebasan bersuara.
- Keperluan kebebasan bersuara dengan batasan.
- Cara menyuarakan pendapat mengikut saluran yang betul.
- Kesan penyalahgunaan hak kebebasan bersuara terhadap keharmonian hidup bermasyarakat.
- Perasaan apabila menyuarakan pendapat melalui saluran yang betul.
- Amalan hak kebebasan bersuara mengikut landasan undang-undang.



## CADANGAN NILAI

- Kebebasan
- Keberanian
- Patriotisme
- Rasional
- Bertanggungjawab

**Bagaimanakah anda mengamalkan kebebasan bersuara?**



Malaysia ialah sebuah negara demokrasi berparlimen. Setiap rakyat mempunyai hak kebebasan untuk menyampaikan pandangannya tentang sesuatu perkara. Hak kebebasan ini dijamin oleh Perlembagaan Malaysia.

## KEBEBASAN BERSUARA

Kebebasan berucap dan mengeluarkan pendapat dengan batasan tertentu.

UNIT  
12

Perlembagaan Malaysia merupakan undang-undang tertinggi negara bagi memastikan rakyat mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan. Perlembagaan Malaysia juga menjamin hak kebebasan bersuara dalam kalangan rakyat Malaysia. Oleh itu, setiap rakyat boleh menyuarakan pandangan dan pendapat mereka dengan batasan tertentu.

### UNDANG-UNDANG MALAYSIA

#### PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

*Mengandungi pindaan terkini – P.U.(A) 164/2009*

#### Bahagian II Kebebasan Asasi

#### Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan

10. (1) Tertakluk kepada Fasal (2), (3) dan (4)–
- (a) tiap-tiap warganegara berhak kepada kebebasan bercakap dan bersuara;
  - (b) semua warganegara berhak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata;
  - (c) semua warganegara berhak untuk membentuk persatuan.



Perlembagaan  
Malaysia  
(Imej)


Batasan dalam kebebasan bersuara berdasarkan undang-undang Malaysia bertujuan untuk menjamin keharmonian negara. Batasan ini juga bagi memastikan setiap individu bertanggungjawab tentang apa-apa perkara yang disuarakan.



Sebagai warganegara Malaysia, pandangan dan pendapat hendaklah disuarakan mengikut saluran yang betul seperti di bawah.



Penggunaan saluran menyuarakan pendapat yang betul dapat menyelesaikan konflik secara berhemah. Sebaliknya, kesan buruk dan kurang menyenangkan akan timbul jika hak kebebasan bersuara disalahgunakan.



Setiap rakyat Malaysia perlu tahu bahawa terdapat beberapa akta diwujudkan bagi melindungi hak kebebasan bersuara. Antaranya termasuklah seperti yang berikut.

## AKTA KEBEBASAN BERSUARA

### Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88)

Satu undang-undang yang berperanan untuk menyemak dan menyatukan undang-undang yang berhubungan dengan perlindungan rahsia rasmi. "Rahsia rasmi" ertinya sebarang dokumen, rekod keputusan dan penyampaian Jemaah Menteri atau Majlis Mesyuarat Kerajaan, dokumen-dokumen mengenai keselamatan negara, pertahanan dan perhubungan antarabangsa dan sebarang maklumat dan bahan berkaitan dengannya termasuklah juga sebarang dokumen rasmi, maklumat dan material yang dikelaskan sebagai 'Rahsia Besar', 'Rahsia', 'Sulit' atau 'Terhad'.

Pada amnya, undang-undang ini melarang orang yang tidak dibenarkan (unauthorised person) untuk memiliki, menyimpan, mengedar atau memaklumkan kepada orang ramai sebarang rahsia kerajaan. Mereka yang berbuat demikian adalah melanggar peruntukan undang-undang ini dan boleh dihukum.

(Sumber: Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88])

### Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588)

Mengawal selia industri komunikasi dan multimedia di Malaysia. Pada masa yang sama, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 turut digubal dan diluluskan untuk memenuhi keperluan pengawalseliaan industri penumpuan komunikasi dan multimedia yang semakin berkembang.

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 mengetengahkan prinsip asas ketelusan dan kejelasan, menggalakkan persaingan dan kawal selia sendiri, fleksibiliti dan cenderung ke arah peraturan prinsip umum. Akta ini bertujuan untuk menyediakan satu set peruntukan pengawalseliaan yang berdasarkan definisi generik pasaran dan aktiviti industri komunikasi dan multimedia.

(Sumber: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

Kesimpulannya, rakyat Malaysia akan hidup aman dan damai jika hak kebebasan bersuara diamalkan dengan sewajarnya. Seterusnya, setiap anggota masyarakat dapat hidup dalam suasana harmoni dan gembira.

- ▶ Nilai patriotisme dan keberanian hendaklah diamalkan semasa memberikan pandangan selagi tidak melanggar undang-undang negara.
- ▶ Nilai rasional perlu digunakan bagi menyelesaikan sesuatu isu melalui saluran yang betul.
- ▶ Nilai bertanggungjawab diutamakan semasa berkomunikasi bagi menjamin keharmonian antara masyarakat.





## Pengukuhan

**A** Baca dan fahami dialog antara S9 dengan K7 di bawah. Kemudian, jawab soalan yang berikut.



S9 : Mengapakah muram sahaja?  
Kamu ada masalah?

K7 : Saya amat kecewa dengan tuan  
saya yang bernama Anis.

S9 : Mengapa? Apakah masalah  
dengan tuan kamu?


K7 : Dia selalu menggunakan saya  
untuk menghantar maklumat  
palsu dan mengenakan  
kawan-kawannya.

S9 : Golongan remaja memang suka  
mengusik. Mengapakah kamu  
pula berasa kecewa?

K7 : Bukan setakat mengusik malah dia  
menyebarkan fitnah terhadap  
orang yang dia benci.

S9 : Sedihnya!

K7 : Saya berharap agar dia sedar  
dengan kesalahannya itu.












1. Adakah anda bersetuju dengan perbuatan Anis? Berikan alasan anda.
2. Jelaskan perasaan anda terhadap perbuatan Anis.
3. Ramalkan kesan jika Anis terus bersikap demikian.
4. Apakah akta yang boleh digunakan atas kesalahan yang dilakukan oleh Anis? Jelaskan.



Adakah kebebasan bersuara dengan batasan akan membawa kemajuan kepada pembangunan negara? Jelaskan dengan contoh yang sesuai.

- B** Secara berkumpulan, teliti dan fahami peringatan di bawah. Lengkapkan jadual di bawah dengan maklumat akta yang berkaitan. Kemudian, bentangkan hasil penemuan secara kreatif.




Akta yang Mengawal Kebebasan Bersuara	Hukuman Jika Sabit Kesalahan
	
	
	
	

- C** Jelaskan kesan penyalahgunaan hak kebebasan bersuara kepada keharmonian hidup bermasyarakat dengan bantuan peta pemikiran. Kemudian, pamerkannya secara kreatif di Sudut Pendidikan Moral.



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Laman Sesawang) Dicapai pada September 2018

**D** Secara berpasangan, teliti dan fahami situasi di bawah. Kemudian, jawab soalan yang berikut.



1. Jelaskan reaksi anda kepada rakan mengikut situasi di atas.
2. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh pihak sekolah terhadap ketiga-tiga situasi di atas.
3. Bagaimanakah anda mengamalkan kebebasan bersuara di sekolah?



## Pengayaan

- A** Bincangkan dan sediakan huraian nota pidato yang bertajuk “Kebebasan Bersuara dengan Batasan Asas Keharmonian Negara”.

NOTA PIDATO	HURAIAN
1. Maksud kebebasan bersuara.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bebas berucap dan mengeluarkan pendapat.</li> <li>• Perlu batasan demi menjaga ketenteraman awam.</li> <li>• </li> <li>• </li> </ul>
2. Contoh kebebasan bersuara dengan batasan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bebas bercakap mengikut saluran yang betul.</li> <li>• Menjadi ahli dalam persatuan yang berdaftar.</li> <li>• </li> <li>• </li> </ul>
3. Kepentingan kebebasan bersuara dengan batasan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memelihara keharmonian masyarakat.</li> <li>• Merapatkan perpaduan antara kaum.</li> <li>• </li> <li>• </li> </ul>
4. Peranan murid dalam melaksanakan kebebasan bersuara di sekolah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aduan atau cadangan boleh disampaikan melalui saluran yang betul.</li> <li>• Sebarang ketidakpuasan hati disampaikan secara berhemah.</li> <li>• </li> <li>• </li> </ul>

Adakan aktiviti berpidato di dalam kelas. Pastikan anda menggunakan prinsip kebebasan bersuara dengan batasan.



Ramalkan kesan penyalahgunaan hak kebebasan bersuara kepada keharmonian hidup bermasyarakat.

**B** Secara berkumpulan, bincangkan maklumat untuk forum yang bertajuk “Kebebasan Bersuara Mengikut Landasan Undang-undang”. Kemudian, anjurkan dan ambil bahagian dalam forum tersebut.

**PANDUAN PELAKSANAAN FORUM:**

1. Setiap kumpulan diberi satu topik untuk dibincangkan.
2. Setiap kumpulan menggunakan teknik sumbang saran untuk membincangkan topik tersebut.

<b>KUMPULAN</b>	<b>TOPIK PERBINCANGAN</b>
A	Takrifan kebebasan bersuara.
B	Keperluan kebebasan bersuara.
C	Undang-undang berkaitan dengan kebebasan bersuara.
D	Kesan penyalahgunaan hak kebebasan bersuara kepada keamanan negara.

3. Setiap kumpulan memilih seorang wakil sebagai ahli panel.
4. Seorang pengerusi dan penjaga masa dilantik untuk mengawal forum.
5. Pengerusi forum mengemukakan soalan kepada ahli panel mengikut topik yang dibincangkan dalam kumpulan sebanyak dua pusingan.
6. Setiap ahli panel diberi masa selama tiga minit untuk menjawab soalan yang dikemukakan.
7. Tulis rumusan tentang tajuk forum dalam bentuk peta pemikiran.

**Refleksi**

Apakah perasan anda apabila rakan anda menggunakan bahasa kasar dengan anda? Jelaskan.





## Pemulihan

**A** Baca dan fahami senarai semak di bawah. Tandakan (✓) jika anda bersetuju dan (x) jika anda tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Bil.	Perlakuan	(x) (✓)
1.	Menulis surat layang untuk memalukan rakan.	
2.	Menyebarkan fitnah tentang orang lain melalui laman sosial.	
3.	Menyebarkan berita palsu bagi mengelirukan orang ramai.	
4.	Berasa gembira dengan perbuatan provokasi yang menyebabkan berlakunya pergaduhan antara rakan.	
5.	Sebarang aduan tentang kemudahan sekolah hendaklah ditularkan melalui media sosial.	
6.	Perasaan tidak puas hati tentang peraturan sekolah yang ketat perlu dibincangkan dengan pihak luar.	

Sekiranya anda tidak bersetuju dengan semua pernyataan di atas, anda merupakan seorang yang mengamalkan kebebasan bersuara tanpa batasan.

1. Berdasarkan senarai semak di atas, berikan sebab bagi setiap pernyataan tersebut.
2. Berikan cadangan anda untuk menyuarakan pendapat tentang kebebasan bersuara dengan batasan bagi setiap pernyataan di atas.



## Refleksi

Apakah perasaan anda apabila dapat mengikut peraturan di sekolah seperti yang ditetapkan?



Banyakkan senarai semak mengikut bilangan murid di dalam kelas.

**B Jalankan aktiviti permainan “Mencari Harta Karun” di bawah.**

**CARA PERMAINAN:**

1. Pemain dibahagikan mengikut kumpulan.
2. Kad disembunyikan di lima lokasi yang berlainan.
3. Pada setiap kad, terdapat petunjuk tentang kedudukan kad seterusnya.
4. Setiap kad juga mengandungi satu soalan.
5. Pemain perlu mencari semua kad dan menulis jawapan pada kad jawapan.
6. Kumpulan yang berjaya menjawab semua soalan akan menyerahkan kad jawapan kepada guru.
7. Kumpulan yang berjaya menjawab soalan dengan betul dan pantas akan menjadi pemenang.

**Kad 1**

**Lokasi:**  
Tempat letak kereta.

Kebebasan bersuara bermaksud bebas untuk (berucap/ tidak berucap).

**Kad 2**  
Cari di kantin sekolah.



**Kad 2**

**Lokasi:**  
Kantin sekolah.

Kebebasan bersuara perlu (dengan batasan/tanpa batasan).

**Kad 3**  
Cari di halaman bilik disiplin.



**Kad 3**

**Lokasi:**  
Halaman bilik disiplin.

Murid yang ingin membuat aduan boleh menulis surat dan memasukkannya ke dalam peti (cadangan/undi).

**Kad 4**  
Cari di padang sekolah.



## Kad 4

**Lokasi:**  
Padang sekolah.

Menyebarkan berita palsu  
(betul/salah) di sisi undang-undang.

**Kad 5**  
Cari di halaman bilik kaunseling.



## Kad 5

**Lokasi:**  
Halaman bilik kaunseling.  
Biro Pengaduan  
(awam/awan) ialah saluran  
yang boleh digunakan untuk  
menyuarakan pendapat.

Serahkan kad  
jawapan kepada guru.



## Kad Soalan Tambahan

Nyatakan satu akta  
yang mengawal kebebasan  
bersuara dengan batasan.

(Akta Rahsia Rasmi/  
Akta Pencegahan  
Rahsia)

### KAD JAWAPAN

J1

J2

J3

J4

J5



### Refleksi

Apakah perasaan anda apabila  
menyuarakan pandangan berdasarkan  
undang-undang? Huraikan.



Soalan pada kad boleh direka oleh guru jika perlu. Permainan ini boleh diubah suai mengikut keperluan.




**A Jawab soalan berdasarkan petikan di bawah.**

Pihak polis telah menahan dua orang remaja berusia 15 tahun untuk membantu siasatan berhubung dengan kes penularan maklumat palsu melalui laman sosial. Menurut pihak polis, kedua-dua orang remaja tersebut telah mengaku salah. Oleh itu, pihak polis menasihati semua pihak supaya berwaspada dengan maklumat yang dihantar. Menyebarkan maklumat palsu adalah salah di sisi undang-undang dan boleh dikenakan hukuman denda atau penjara.

1. Wajarkah tindakan yang dilakukan oleh remaja tersebut? Terangkan.
2. Ramalkan kesan yang akan dialami oleh remaja tersebut jika disabitkan kesalahan.
3. Jelaskan tindakan yang patut diambil oleh remaja apabila menerima sesuatu maklumat melalui laman sosial.
4. Huraikan nilai yang perlu anda amalkan apabila menyuarakan pendapat.

**B Maklumat di bawah menunjukkan penggunaan Internet dan media sosial oleh masyarakat Malaysia.**





**Tulis esei yang bertajuk “Wajarkah Menyuarakan Rasa Ketidakpuasan Hati dalam Laman Sosial?” Huraikan.**





## Aktiviti Progresif

Secara berkumpulan, bincangkan dan gunakan maklumat dalam rajah di bawah untuk menghasilkan gegantung secara kreatif. Kemudian, pameran gegantung tersebut di pekarangan sekolah.



### Kebebasan Bersuara di Malaysia

- ▶ Kebebasan bersuara berdasarkan Perlembagaan Malaysia, iaitu Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.
- ▶ Rakyat Malaysia mempunyai hak untuk menyuarakan pendapat dan pandangan mengikut batasan yang betul.
- ▶ 
- ▶ 



### Akta yang Mengawal Kebebasan Bersuara

- ▶ Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588).
- ▶ Akta Rahsia Rasmi 1972.
- ▶ 
- ▶ 

### Tujuan Undang-undang Berkaitan dengan Kebebasan Bersuara Diwujudkan

- ▶ Menjaga perasaan pelbagai kaum.
- ▶ Menjaga keamanan dan keharmonian negara.
- ▶ 
- ▶ 


### Cara Rakyat Menyuarakan Pendapat terhadap Sesuatu Perkara

- ▶ Menulis surat.
- ▶ Berbincang secara bersemuka.
- ▶ 
- ▶ 

## AMALAN TRADISI MASYARAKAT MAJMUK

### Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- Tradisi yang diamalkan dalam masyarakat majmuk.
- Kepentingan mengekalkan tradisi dalam masyarakat majmuk.
- Contoh tanggungjawab individu bagi mengekalkan tradisi dalam masyarakat majmuk.
- Kesan pengabaian tradisi dalam masyarakat majmuk.
- Perasaan apabila dapat mengekalkan tradisi dalam masyarakat majmuk.
- Tradisi dalam masyarakat majmuk demi menjamin perpaduan negara.



Apakah tanggungjawab anda dalam mengekalkan tradisi gotong-royong dalam masyarakat majmuk?

### CADANGAN NILAI

- Kerjasama
- Kesederhanaan
- Harga diri
- Hormat
- Toleransi





## KONSEP

Malaysia sangat unik kerana masyarakatnya terdiri daripada pelbagai agama, budaya, bangsa dan bahasa. Hasil daripada kepelbagaian inilah, lahirnya tradisi masyarakat majmuk. Tradisi ini menjadi identiti masyarakat majmuk di Malaysia. Tradisi ini juga menjadi khazanah negara. Setiap individu mempunyai tanggungjawab mengekalkan tradisi dalam masyarakat majmuk. Yang berikut ialah contoh tradisi yang diamalkan dalam masyarakat majmuk.



- Saling membantu dan mengutamakan kepentingan untuk menyiapkan projek yang dijalankan bersama-sama.
- Melakukannya dengan hati yang ikhlas dan sukarela.

### CONTOH TRADISI YANG DIAMALKAN DALAM MASYARAKAT MAJMUK



- Saling menziarahi sesama rakan taulan dan saudara-mara.
- Mengeratkan hubungan silaturahim.



- Pulang ke kampung semasa cuti perayaan atau cuti sekolah.
- Menghargai sanak saudara di kampung.



- Mengundang orang ramai ke rumah tanpa mengira kaum semasa sambutan sesuatu perayaan.
- Memupuk persefahaman dalam kalangan masyarakat majmuk.



- Bertukar-tukar makanan.
- Mengeratkan hubungan persahabatan dan kejiranan.



- Memberikan angpau kepada kanak-kanak semasa sambutan perayaan Tahun Baharu Cina.
- Menggembirakan hati kanak-kanak dengan pemberian duit raya secara ikhlas.

Pada awalnya, contoh tradisi tersebut bermula sebagai norma sebelum diterima sebagai satu tradisi. Masyarakat Malaysia bertanggungjawab untuk mengekalkan tradisi ini. Apabila tradisi ini dipelihara, secara tidak langsung masyarakat dapat hidup dalam suasana aman dan harmoni. Terdapat beberapa kepentingan lain dalam usaha mengekalkan tradisi dalam masyarakat majmuk.



Murid pelbagai kaum bermain gendang Cina.

Oleh itu, kita perlu sentiasa prihatin dan bangga mengamalkan tradisi dalam masyarakat majmuk. Pengabaian tradisi ini akan menjejaskan perpaduan rakyat dan memberikan kesan kepada keharmonian negara. Yang berikut ialah kesan pengabaian tradisi dalam masyarakat majmuk.



Kesimpulannya, tradisi masyarakat majmuk menjadi kebanggaan semua rakyat Malaysia. Rakyat bersyukur dan gembira apabila dapat mengekalkan tradisi ini.

- ▶ Nilai toleransi yang diamalkan dapat mengukuhkan hubungan antara kaum di Malaysia.
- ▶ Nilai hormat, kerjasama dan kesederhanaan membolehkan masyarakat Malaysia melaksanakan sesuatu aktiviti dengan aman.
- ▶ Nilai harga diri membantu rakyat Malaysia mudah menerima kepelbagaian tradisi.





### A Analisis gambar dan petikan tentang tradisi bekerjasama di Sarawak.

#### BUDAYA GOTONG-ROYONG

Budaya tolong-menolong dalam kalangan masyarakat di Malaysia telah wujud sejak turun-temurun. Etnik Bidayuh di Sarawak mengamalkan satu bentuk muafakat yang unik dikenali sebagai *pengirih* dan *kiroja ratus* (gotong-royong).

*Pengirih* merupakan satu budaya saling membantu dalam kalangan ahli komuniti. Sumbangan tenaga seseorang yang *odi ngirih* (turut serta dalam aktiviti *pengirih*) dalam sesebuah keluarga akan *dirapas* (dibalas) dengan sumbangan tenaga juga. Suatu kerja terasa lebih ringan dan dapat disiapkan dalam tempoh yang lebih singkat jika dilaksanakan secara *pengirih*. Hasil kerja *pengirih* dapat dinikmati oleh sesebuah keluarga. Golongan tua pula bernyanyi dan bergurau senda.

Etnik lain di Sarawak juga mengamalkan budaya muafakat tetapi dikenali dengan




istilah yang berlainan. Dalam kalangan masyarakat Iban, budaya ini dikenali sebagai *bedurok*, manakala etnik Kayan pula menggunakan istilah *palatau ngelumau* untuk aktiviti menuai padi huma secara bergilir-gilir.

(Sumber: Pengirih Budaya Muafakat Etnik Bidayuh, 2015)

1. Apakah tradisi dalam masyarakat majmuk yang diamalkan di Sarawak?
2. Apakah kepentingan tradisi *pengirih* kepada tuan rumah yang menganjurkannya?
3. Apakah persamaan antara tradisi *pengirih* dengan tradisi gotong-royong?
4. Sekiranya anda diminta untuk melibatkan diri dalam tradisi *pengirih*, apakah yang boleh anda lakukan?
5. Apakah kesan sekiranya tradisi *pengirih* diabaikan oleh masyarakat Sarawak?

### B Secara berkumpulan, layari Internet dan muat turun maklumat tentang aktiviti yang dijayakan dengan kerjasama pelbagai kaum. Bentangkan maklumat tersebut melalui aktiviti jelajah ilmu di dalam kelas.

**C Baca dan fahami puisi masyarakat setempat di bawah.**



1. Berdasarkan puisi di atas, jelaskan kepentingan mengekalkan tradisi dalam masyarakat majmuk.
2. Ramalkan keadaan yang akan berlaku sekiranya budaya kuning semakin menular dalam kalangan murid.
3. Apakah tanggungjawab anda dalam mengekalkan tradisi masyarakat majmuk? Bincangkan.

 **Refleksi**

Ceritakan perasaan anda apabila dapat mengekalkan tradisi dalam masyarakat majmuk.





## Pengayaan

- A** Secara berkumpulan, sediakan teks pidato yang bertajuk “Penerimaan Kepelbagaian Tradisi Kaum Menjamin Perpaduan Negara”.



### PANDUAN TEKS PIDATO

- Tradisi masyarakat majmuk menggalakkan persefahaman dan kerjasama antara kaum.
- Sikap bertolak ansur dan hormat-menghormati akan bertambah baik apabila tradisi masyarakat majmuk diamalkan oleh semua anggota masyarakat.
- 
- 



Program silang budaya membantu mengeratkan integrasi kaum di Malaysia. Adakah anda bersetuju dengan pernyataan tersebut? Jelaskan.



### Info

Silang budaya ialah program yang berkaitan dengan perbandingan atau pertembungan antara dua atau lebih budaya yang berlainan.



Galakkan murid untuk menyampaikan pidato di hadapan kelas.

**B** Pulang ke kampung merupakan satu contoh tradisi yang diamalkan oleh masyarakat majmuk di Malaysia. Sejauh manakah anggaran perbelanjaan mempengaruhi amalan tradisi ini?

Antara perkara yang perlu diambil kira termasuklah seperti yang di bawah:

1. Petrol.
2. Makanan dan minuman.
3. Buah tangan untuk sanak saudara di kampung.
4. Tol.
5. Perbelanjaan lain.

Bentangkan anggaran perbelanjaan tersebut di dalam kelas. Kongsikan anggaran perbelanjaan tersebut dengan anggota keluarga. Jika kos pulang ke kampung adalah tinggi, apakah alternatif lain untuk mengekalkan tradisi ini?

**C** Analisis dan bincangkan aktiviti yang menjadi tradisi semasa berada di kampung. Ceritakan pengalaman anda ketika melakukan amalan tradisi tersebut.




**AKTIVITI  
TRADISI KETIKA  
DI KAMPUNG**



Apakah perasaan anda apabila melihat jiran pelbagai kaum membantu meraikan majlis rumah terbuka sesuatu perayaan?

**D** Secara berkumpulan, buat persediaan untuk perayaan yang melibatkan pelbagai kaum seperti di bawah. Kemudian, jawab soalan yang berikut.



Menganyam ketupat untuk perayaan Hari Raya Aidilfitri.



Menghasilkan tanglung untuk perayaan Kuih Bulan.



Mencorakkan rangoli untuk perayaan Ponggal.

1. Apakah kepentingan mengekalkan tradisi dalam masyarakat majmuk berdasarkan aktiviti di atas?
2. Bincangkan kesan pengabaian tradisi tersebut dalam masyarakat majmuk.

**E** Aktiviti persediaan menyambut perayaan merupakan satu tradisi bagi masyarakat majmuk di Malaysia. Layari Internet untuk mendapatkan maklumat tentang aktiviti tersebut yang melibatkan pelbagai kaum.



Berikan cadangan untuk menggalakkan tradisi ziarah-menziarahi dalam masyarakat majmuk.



## Pemulihan

- A** Nyanyikan lagu di bawah mengikut melodi lagu “Negaraku”.

**Perpaduan**

Perpaduan  
Hidup aman dan bersama  
Pelbagai bangsa  
Bertekun dan jaya

Hormat semua  
Kita mengamalkan  
Satu padu  
Malaysia maju

Hormat semua  
Kita mengamalkan  
Satu padu  
Malaysia maju

*Lagu: Vishalache a/p Balakrishnan*

1. Ceritakan cara anda mengamalkan sikap kerjasama dalam masyarakat majmuk.
2. Apakah kebaikan anda menjalin perpaduan dalam masyarakat majmuk?

- B** Secara berkumpulan, rakan persembahan anda dan muat naik rakaman tersebut di laman sesawang sekolah.

**C Baca dan fahami cerita tentang usaha pengekalan tradisi di bawah. Secara berkumpulan, lakukan simulasi tarian tradisi tersebut.**

Pada minggu lepas, Alyn Robert telah mengikut kawannya, Aliesha pulang ke kampung. Aliesha pulang ke kampungnya untuk meraikan upacara penerokaan kawasan baharu yang akan dijadikan kawasan pertanian oleh masyarakat Orang Asli di kampungnya.

Salah satu acara penting dalam upacara tersebut ialah tarian Sewang. Tarian Sewang pada asalnya bukanlah satu tarian tetapi upacara perubatan yang diamalkan oleh masyarakat Orang Asli. Tarian ini menggabungkan unsur muzik dan nyanyian. Tarian Sewang diiringi dengan alat muzik Orang Asli yang dibuat daripada buluh dan kayu. Penari-penari akan bergerak dalam satu bulatan besar sambil bernyanyi.



Tarian Sewang.

(Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli [JAKOA])



Alat muzik yang mengiringi tarian Sewang.

1. Apakah keistimewaan mengekalkan tradisi tarian Sewang dalam kalangan masyarakat majmuk?
2. Tunjukkan tarian tradisi yang diamalkan oleh kaum anda. Galakkan rakan daripada pelbagai kaum untuk turut serta dalam tarian tersebut. Anda boleh melayari laman sesawang yang sesuai untuk menonton contoh tarian tersebut.



Ceritakan perasaan anda apabila terlibat dalam tarian kaum lain.



Jabatan  
Kemajuan  
Orang Asli  
(Laman sesawang)  
Dicapai pada  
Ogos 2018

**D** Cari gambar dan kumpulkan maklumat tentang perayaan tradisi masyarakat Sabah dan Sarawak. Adakan aktiviti jelajah ilmu berdasarkan maklumat yang anda peroleh.



Upacara *miring* dan upacara *Niti Daun* merupakan antara aktiviti yang diadakan dalam perayaan pelbagai jenis *Gawai Amat* (Ritual Festival) dalam masyarakat Iban.

(Sumber: Majlis Adat Istiadat Sarawak)



Tarian Mongigol oleh suku kaum Tindal dalam perayaan Pesta Kaamatan.

(Sumber: Kadazandusun Cultural Association)



Pesta Regatta Lepa.

(Sumber: Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah)





**A** Fahami tradisi yang diamalkan di bawah dan jawab soalan yang berikut.



1. Nyatakan tradisi yang diamalkan berdasarkan dua gambar ini.
2. Apakah kepentingan mengekalkan tradisi tersebut?
3. Jelaskan perasaan anda apabila tradisi dalam masyarakat majmuk dikekalkan.
4. Huraikan nilai yang diamalkan apabila tradisi dalam masyarakat majmuk dipelihara.
5. Terangkan kesan sekiranya tradisi ini diabaikan dalam masyarakat majmuk.

**B** Tulis esei tentang cara mengekalkan tradisi dalam masyarakat majmuk demi menjamin perpaduan negara.



## Aktiviti Progresif

Anjurkan satu jamuan muhibah di dalam kelas berteraskan tradisi masyarakat majmuk.



### Panduan Penyediaan Makanan:

- Makanan bersih.
- Makanan tradisi yang boleh dimakan dan diterima oleh murid pelbagai kaum.

### Panduan Pelaksanaan Aktiviti:

- Mengundang semua kawan dan guru daripada pelbagai kaum.
- Konsep rumah terbuka.

### Panduan “Amalan Hijau”:

- Memastikan kebersihan ruang jamuan dijaga.

## KEMANUSIAAN ASAS KEMORALAN

### Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- Peraturan-peraturan asas dalam undang-undang kemanusiaan antarabangsa.
- Kepentingan pengkalan undang-undang kemanusiaan antarabangsa bagi keamanan dan keharmonian sesebuah negara.
- Contoh pencabulan undang-undang kemanusiaan antarabangsa di negara berkonflik.
- Kesan pengabaian undang-undang kemanusiaan antarabangsa.
- Perasaan apabila undang-undang kemanusiaan antarabangsa diguna pakai.
- Amalan menyuarakan pendapat berkaitan konflik kemanusiaan antarabangsa melalui saluran yang betul.

## CADANGAN NILAI

- Hormat
- Rasional
- Kebebasan
- Bertanggungjawab
- Keberanian

Peperangan juga ada batasannya.  
Bersetujukah anda?



## KONSEP

Undang-undang kemanusiaan antarabangsa digubal untuk melindungi mereka yang tidak atau tidak lagi terlibat dalam pertempuran serta mengehadkan penggunaan senjata dan kaedah peperangan. Undang-undang ini dapat melindungi maruah manusia dan mengurangkan penderitaan dalam konflik bersenjata. Undang-undang ini juga dikenali sebagai undang-undang peperangan atau undang-undang konflik bersenjata.

### PERATURAN ASAS DALAM UNDANG-UNDANG KEMANUSIAAN ANTARABANGSA

1



Dilarang membuat sebarang serangan atau menggunakan senjata yang boleh memusnahkan orang awam atau harta benda awam dan mengakibatkan kecederaan atau penderitaan berpanjangan.

Dilarang membunuh orang awam, kombatan yang cedera dan sakit serta tawanan perang. Mereka perlu diberi perlindungan dan dilayan secara berperikemanusiaan.

2



### Info

Kombatan ialah sesiapa yang mengambil bahagian secara langsung dalam pertempuran.

3



Melindungi, menghormati dan memberikan bantuan kepada petugas dan kemudahan perubatan tentera dan awam seperti hospital, klinik dan ambulans.

4



Sebarang serangan hendaklah terhad kepada kombatan dan tentera sahaja.

(Sumber: Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah [ICRC])

Undang-undang kemanusiaan antarabangsa perlu dikekalkan demi keamanan dan keharmonian sesebuah negara. Semua negara perlu menyebarkan peraturan dan undang-undang ini kepada angkatan bersenjata dan masyarakat awam. Terdapat banyak kepentingan pengekalan undang-undang kemanusiaan antarabangsa.



#### **Masyarakat berasa selamat**

- Nyawa manusia dilindungi.
- Rakyat bebas bergerak ke mana-mana sahaja dengan aman.



#### **Kanak-kanak dapat membesar dalam suasana gembira**

- Mendapat perlindungan sewajarnya.
- Mendapat pendidikan yang terbaik.



#### **Hubungan dengan negara lain terus kukuh**

- Hubungan diplomatik dengan negara lain diteruskan.
- Mendapat sokongan moral dan kebendaan dari negara lain.

**KEPENTINGAN  
PENGEKALAN  
UNDANG-UNDANG  
KEMANUSIAAN  
ANTARABANGSA**



### **Mengekalkan ketamadunan dan warisan bangsa**

- Peninggalan sejarah dapat dikekalkan.
- Ilmu dan ketamadunan dapat diwarisi.



### **Flora dan fauna terpelihara**

- Melestarikan alam semula jadi.
- Mengelak berlakunya kepupusan.



### **Kerajaan dapat membangunkan negara**


- Kemakmuran dapat dikecapi.
- Khazanah negara dapat dikekalkan.



Jawatankuasa  
Antarabangsa  
Palang Merah  
(ICRC)  
(Laman sesawang)  
Dicapai pada  
Februari 2018




Sekiranya undang-undang kemanusiaan antarabangsa tidak dikekalkan, pelbagai kesengsaraan semasa konflik akan berlaku. Contoh pencabulan undang-undang kemanusiaan antarabangsa di negara yang berkonflik adalah seperti yang berikut.



Bantuan kemanusiaan kepada mangsa peperangan.

Suasana aman dan damai dapat dikecapi jika undang-undang kemanusiaan antarabangsa dipatuhi oleh negara yang sedang berkonflik. Sebaliknya, jika undang-undang ini dicabul, kesan buruk yang berpanjangan perlu ditanggung oleh negara terlibat dan negara sekitarnya.

## KESAN PENGABAIAN UNDANG-UNDANG KEMANUSIAAN ANTARABANGSA



Krisis kemanusiaan antarabangsa timbul apabila berlakunya peperangan di suatu tempat atau antara negara dengan negara lain. Oleh itu, setiap individu berperanan untuk menyuarakan pendapat tentang konflik yang berlaku melalui saluran yang betul.

### Contoh saluran menyuarakan pendapat:

- Membuat laporan kepada pihak berkuasa.
- Membuat bantahan secara rasmi kepada pihak yang berkenaan.

Kesimpulannya, undang-undang kemanusiaan antarabangsa berperanan penting untuk menjamin kehidupan masyarakat antarabangsa yang lebih harmoni. Hidup pasti aman apabila setiap konflik kemanusiaan antarabangsa dapat diatasi tanpa mengabaikan undang-undang kemanusiaan antarabangsa.

- ▶ Nilai bertanggungjawab dan hormat perlu dipraktikkan oleh setiap rakyat dengan mematuhi undang-undang kemanusiaan antarabangsa yang ditetapkan.
- ▶ Nilai keberanian dan nilai kebebasan perlu diamalkan dalam membuat laporan kes pencabulan undang-undang kemanusiaan antarabangsa di negara yang berkonflik.
- ▶ Nilai rasional yang diamalkan dapat menangani konflik yang berlaku melalui bukti dan alasan yang kukuh.



## Pengukuhan

**A** Rajah di bawah menunjukkan tindakan negara X dalam konfliknya dengan negara jiran.



UNIT 14

1. Apakah perasaan anda tentang tindakan negara X? Jelaskan.
2. Tindakan negara X menyerang negara jirannya adalah tidak wajar. Mengapa?
3. Jelaskan kesan pengabaian undang-undang kemanusiaan antarabangsa dalam konflik di atas.



Sejauh manakah undang-undang kemanusiaan antarabangsa dapat mengatasi masalah ini?

**B** Teliti peristiwa di bawah. Secara berkumpulan, bincangkan dan analisis peristiwa tersebut dan lengkapkan jadual yang diberikan.

**Peristiwa 1**

Pasukan tentera membenarkan kami membawa salah seorang tentera musuh yang cedera. Konvoi perubatan dan makanan telah diiringi dengan selamat ke sebuah kem kemanusiaan yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah.

(Sukarelawan bantuan kemanusiaan)

**Peristiwa 2**

Kami berjaya menakluk sebuah bandar. Tentera musuh didapati telah menukar pakaian tentera kepada pakaian orang awam. Walaupun berbahaya, kami tidak boleh menyasarkan serangan yang boleh mengancam orang awam lain, terutamanya kanak-kanak dan orang tua.

(Askar)

**Peristiwa 3**

Beberapa orang askar musuh telah cedera semasa peperangan. Mereka tidak berdaya untuk bergerak. Kami memberikan bantuan dengan membawa mereka berjumpa dengan doktor dan menjaga mereka. Mereka diberi makanan dan minuman walaupun sedar mereka telah mengebom kediaman kami.









(Orang awam)

**Peristiwa 4**

Askar-askar yang tewas telah melalui bandar kami. Walaupun mereka pihak musuh, penduduk tidak bertindak terhadap mereka. Kami memberikan bantuan yang sebaik-baiknya. Mereka diberi laluan selamat sehingga sampai di sempadan.

(Penduduk bandar)

**ANALISIS PERISTIWA**

Peristiwa	Peraturan Asas dalam Undang-undang Kemanusiaan yang Dipatuhi	Kepentingan Pengekalan Undang-undang
Peristiwa 1		
Peristiwa 2		
Peristiwa 3		
Peristiwa 4		

**C** Kongsi analisis peristiwa yang anda peroleh dengan rakan-rakan di dalam kelas.

**D Dengan melayari Internet, dapatkan maklumat tentang perkara yang berikut.**

- Peraturan asas dalam undang-undang kemanusiaan antarabangsa.
- Kepentingan pengkekan undang-undang kemanusiaan antarabangsa.
- Contoh pencabulan undang-undang kemanusiaan antarabangsa.
- Kesan pengabaian undang-undang kemanusiaan antarabangsa.

**Bentangkan maklumat tersebut secara kreatif.**



(Sumber: BH Online)



**E Berdasarkan maklumat yang diperolehi, hasilkan satu risalah dan edarkannya kepada warga sekolah.**



## Pengayaan

- A** Baca dan fahami cara membantu mangsa pencabulan undang-undang kemanusiaan antarabangsa. Kemudian, pilih satu cara yang sesuai dan anjurkan projek berpandukan kertas projek di bawah.

### CARA MEMBANTU MANGSA PEPERANGAN

- Memberikan bantuan kewangan seperti derma.
- Memberikan sumbangan seperti khemah, pakaian, minuman, makanan dan ubatan.
- Memberikan khidmat sebagai sukarelawan.
- Menganjurkan pameran tentang kesan peperangan.
- Memberikan sokongan moral melalui laman sosial.

#### KERTAS PROJEK

Tajuk projek: Hari Amal Keusahawanan  
 Objektif: Mengumpulkan dana untuk membantu mangsa peperangan  
 Pelaksanaan: Tarikh:  
 Masa:  
 Tempat: kawasan sekolah  
 Anjuran: Sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)

Kumpulan 1	Mencuci kereta dan motosikal.
Kumpulan 2	Menjual barangan seni kraf tangan.
Kumpulan 3	Menjual makanan dan minuman.
Kumpulan 4	Menjual buku dan alat tulis.

Bantuan disampaikan kepada Bulan Sabit Merah Malaysia cawangan berdekatan atau tabung mangsa peperangan.

- B** Bentangkan laporan projek secara kreatif di dalam kelas.



### Refleksi

Ceritakan perasaan anda apabila dapat membantu mangsa peperangan.

- C** Secara berkumpulan, tunjukkan cara anda membantu mangsa peperangan dengan menggunakan kaedah main peranan dalam situasi di bawah.



### Situasi

1

Sekumpulan murid sedang melakukan kutipan derma untuk membantu mangsa peperangan. Anda memujuk ayah anda untuk menderma apabila melihat kumpulan tersebut.



### Situasi

2

Mangsa peperangan ditempatkan di sebuah hospital. Anda sebagai doktor sukarelawan yang mewakili Bulan Sabit Merah Malaysia sedang memberikan rawatan. Anda menasihati mangsa supaya menjaga diri dengan sebaik-baiknya.



### Situasi

3

Anda sedang mendapatkan tandatangan warga sekolah bagi membantah serangan bersenjata terhadap orang awam di sebuah negara. Anda cuba meyakinkan warga sekolah untuk menandatangani petisyen tersebut dalam usaha membantu mangsa peperangan.

- D** Jelaskan kesan pengabaian undang-undang kemanusiaan antarabangsa kepada generasi akan datang dengan menggunakan peta pemikiran secara kreatif. Bentangkannya dengan bantuan pelbagai media.



## Pemulihan

- A** Hasilkan satu poster berkaitan dengan pengekalan undang-undang kemanusiaan antarabangsa berpandukan contoh di bawah. Kemudian, cetak dan tampilkan poster tersebut di kawasan sekolah untuk memberikan kesedaran kepada warga sekolah.



### Cadangan slogan poster:

- Selamatkan Dunia
- Lindungilah Nyawa Kami
- Kami Cinta akan Keamanan
- Perang Bukan Penyelesaian



## Refleksi

Apakah perasaan anda apabila dapat memberikan kesedaran kepada warga sekolah tentang undang-undang kemanusiaan antarabangsa melalui poster yang dihasilkan? Jelaskan.




**B** Lengkapkan teka silang kata berkaitan dengan bantuan kemanusiaan di bawah.

**MELINTANG**





2. Kain yang dicari oleh mangsa peperangan semasa musim sejuk.
4. Pemberian bantuan ini mampu mengurangkan kesusahan mangsa peperangan.
5. Mangsa peperangan memerlukan cecair ini untuk hidup.
7. Cara orang awam menyokong mangsa peperangan melalui tandatangan.
8. Kecederaan yang dialami oleh mangsa peperangan.
9. Sumbangan ini akan membantu memulihkan kehidupan harian mangsa peperangan.

**MENEGAK**

1. Salah satu organisasi sukarelawan yang bersedia untuk membantu mangsa peperangan.
2. Isu peperangan ialah isu masyarakat sejagat.
3. Penggunaan senjata kimia jenis ini dilarang dalam peperangan.
6. Sifat pemurah dan suka memberikan bantuan kepada mangsa peperangan.



**C** Berdasarkan contoh di bawah, secara berpasangan, layari Internet dan buat catatan tentang pihak yang dilindungi mengikut Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa (UUKA). Kemudian, bentangkannya secara kreatif di dalam kelas.

UNDANG-UNDANG KEMANUSIAAN ANTARABANGSA	
Siapakah yang dilindungi oleh Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa?	
• Orang awam	• 
•	• 
•	• 
•	• 

- A** Baca petikan tentang mangsa peperangan di bawah dan jawab soalan yang diberikan.

Khoi Yu merupakan mangsa peperangan di negaranya. Dia dihantar ke negara X dan tinggal di sebuah kem pelarian sementara selama dua tahun sebelum berhijrah ke negara Y.

Di negaranya, Khoi Yu mengalami pelbagai pengalaman buruk akibat peperangan. Ibu dan ayahnya telah ditembak oleh pihak pengganas. Bantuan ubat-ubatan dan makanan tidak sampai di kampungnya dan banyak rakannya yang telah mati kebuluran. Banyak kanak-kanak dan wanita terkorban dalam peperangan tersebut.

1. Apakah nilai yang patut diamalkan semasa berlakunya peperangan?
2. Senaraikan empat peraturan asas undang-undang kemanusiaan antarabangsa yang perlu dipatuhi dalam situasi di atas.
3. Mengapakah undang-undang kemanusiaan antarabangsa perlu dikekalkan?
4. Ceritakan perasaan anda apabila dapat menyumbang dalam menegakkan undang-undang kemanusiaan antarabangsa.
5. Bagaimanakah anda menyuarakan pendapat berkaitan dengan pengkalan undang-undang kemanusiaan antarabangsa?

**B** Soalan Esei

Huraikan kesan pengabaian undang-undang kemanusiaan antarabangsa terhadap orang awam.



## Aktiviti Progressif

**A** Adakan satu pameran tentang undang-undang kemanusiaan antarabangsa di sekolah anda.



### UNDANG-UNDANG KEMANUSIAAN ANTARABANGSA (UUKA)


- Satu badan peraturan yang mengehadkan penderitaan semasa peperangan dengan melindungi maruah manusia.

Bagaimanakah UUKA memberikan perlindungan?

- Mengehadkan penggunaan senjata dan kaedah peperangan yang mengakibatkan kecederaan yang tidak wajar, kecederaan yang melampau atau yang dilakukan secara rambang.
- Melindungi mereka yang tidak atau tidak lagi mengambil bahagian dalam pertempuran.
  1. Wanita.
  2. Kanak-kanak.
  3. Warga emas.
  4. Pelarian.
  5. Kombatant yang cedera atau sakit.

UUKA juga dikenali sebagai:

1. Undang-undang peperangan.
2. Undang-undang konflik bersenjata.



### UNDANG-UNDANG KEMANUSIAAN ANTARABANGSA (UUKA)



#### Apakah itu UUKA?

Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa (UUKA) ialah satu badan peraturan yang mengenakan had terhadap penggunaan senjata dan kaedah peperangan serta melindungi mereka yang tidak, atau tidak lagi mengambil bahagian dalam pertempuran. UUKA bertujuan untuk melindungi maruah manusia dan mengehadkan penderitaan semasa peperangan. UUKA juga dikenali sebagai undang-undang peperangan atau undang-undang konflik bersenjata.

### CADANGAN MAKLUMAT DALAM PAMERAN:

- Maklumat peraturan asas dalam undang-undang kemanusiaan antarabangsa.
- Kepentingan pematuan undang-undang kemanusiaan antarabangsa.
- Contoh pencabulan undang-undang kemanusiaan antarabangsa.
- Kesan pengabaian undang-undang kemanusiaan antarabangsa.
- Koleksi gambar pencabulan undang-undang kemanusiaan antarabangsa.
- Cadangan pendapat berkaitan dengan konflik kemanusiaan antarabangsa.

**B** Promosikan pameran yang akan diadakan melalui pelbagai sumber media.

## GLOSARI

*bom kimia* bom yang membebaskan asap yang mengandungi bahan yang boleh melumpuhkan sistem saraf.

*budaya kuning* budaya barat yang dianggap mempunyai unsur-unsur barat atau negatif.

*dilema* keadaan yang menyebabkan sukarnya membuat pilihan antara dua alternatif.

*demokrasi berparlimen* demokrasi yang menurut aturan parlimen.

*ekosistem* sistem lingkungan hidup semula jadi yang terbentuk hasil daripada tindakan yang menyaling antara benda hidup dengan persekitarannya.

*fauna* keseluruhan haiwan yang hidup di sesuatu daerah atau habitat.

*flora* keseluruhan tumbuhan yang terdapat di sesuatu daerah atau habitat.

*fosforus* unsur bukan logam yang berwarna kekuning-kuningan dan mudah terbakar serta kelihatan berkilat-kilat dalam gelap.

*globalisasi* menyebarkan atau meluaskan sesuatu aktiviti ekonomi, kebudayaan dan lain-lain ke peringkat antarabangsa atau ke seluruh dunia.

*hujan asid* air hujan yang dicemari asid yang dibebaskan ke udara daripada kilang, asap kereta dan lain-lain.

*identiti* aspek tertentu yang dapat menunjukkan sifat diri seseorang; keperibadian.

*implikasi* kesan kemungkinan sesuatu yang berlaku.

*individualistik* bersifat individu.

*inisiatif* daya usaha yang mula-mula.

*inovasi* sesuatu yang baru diperkenalkan seperti sistem, kaedah dan lain-lain.

*inovatif* sesuatu yang bersifat perubahan secara kreatif.

*integriti* kejujuran atau ketulusan.

*jenayah narkotik* perbuatan yang salah dari segi undang-undang berkaitan dengan najis dadah yang melemahkan deria, melalikan, melegakan kesakitan, ketagihan dan sebagainya.

*jenayah siber* perbuatan yang salah dari segi undang-undang berkaitan dengan komputer atau Internet.

*kebahasaan* hal yang berkaitan dengan bahasa.

*kelestarian* keadaan (hutan, persekitaran dan lain-lain) yang tidak berubah atau terpelihara seperti asal.

*kepuasan* hilang lenyap; hapus sama sekali.

*kerohanian* sifat dalaman, jiwa.

*ketamadunan* perihal cara hidup yang serba maju.

*kondusif* sesuai, baik dan sebagainya untuk membantu mencapai atau mendorong menghasilkan sesuatu.

*konflik* perselisihan atau pertentangan antara individu, idea, kepentingan dan lain-lain.

*kurniaan* sesuatu pemberian.

*martabat* kedudukan pada mata masyarakat.

*memoir* biografi yang berasaskan kenang-kenangan seseorang tentang pengalaman dan peristiwa.

*musibah* bencana atau malapetaka.

*norma* peraturan atau ketentuan yang telah menjadi kebiasaan yang dijangka akan dipatuhi oleh setiap anggota masyarakat.

*pelupusan* perihal melupuskan sesuatu barangan.

*penaakulan* perbuatan membuat pertimbangan dan penilaian dengan menggunakan akal.

*pencabulan undang-undang kemanusiaan* perbuatan yang melanggar undang-undang kemanusiaan.

*petisyen* surat permohonan atau rayuan yang biasanya ditandatangani oleh sekumpulan orang kepada pihak berkuasa untuk meminta sesuatu pertimbangan.

*polisi* rancangan tindakan yang dipersetujui, yang menjadi dasar sesebuah pergerakan, pertubuhan dan lain-lain dalam melaksanakan sesuatu keputusan.

*populasi* kumpulan haiwan atau tumbuh-tumbuhan yang terdapat di sesuatu kawasan atau habitat tertentu.

*provokasi* perbuatan atau kata-kata yang membangkitkan kemarahan.

*rangoli* sejenis hiasan yang dibuat di atas lantai dengan menggunakan beras berwarna, tepung kering, pasir berwarna atau ranggi bunga.

*sabit* terbukti melakukan sesuatu kesalahan.

*silambam* seni mempertahankan diri dengan menggunakan kayu, tongkat dan lain-lain dalam kalangan masyarakat India.

*silat* sejenis seni atau kepandaian berjuang dengan menggunakan ketangkasan menyerang dan mempertahankan diri.

*silaturahim* hubungan persaudaraan atau persahabatan.

*sketsa* karangan atau lakonan pendek.

*statistik* keterangan tentang sesuatu yang ditunjukkan dengan angka.

*sumbang saran* perbincangan intensif untuk menyelesaikan masalah tertentu, mendapatkan idea baharu dan lain-lain.

*takziah* pernyataan turut bersedih atau turut berdukacita kerana kematian dan lain-lain.

*toksin* bahan beracun yang dihasilkan oleh bakteria dalam organisma hidup atau mati yang boleh menyebabkan penyakit tertentu.

*transformasi* perubahan beransur-ansur sehingga mencapai perubahan yang disasarkan

*tular* sesuatu keadaan yang merebak atau diedarkan dengan cepat dan meluas menerusi alam maya.

*uranium* sejenis logam yang radioaktif, berwarna kelabu keperakan. Uranium digunakan untuk menghasilkan tenaga nuklear yang berbahaya, senjata nuklear dan sebagainya.

*Vaisakhi* hari pertama bulan Vaisakh bersamaan dengan 14 April bagi kaum Sikh.

*wusyu* seni mempertahankan diri kaum Cina.

## SENARAI RUJUKAN

- Abdul Rahman Abdul Aziz, 2000. *Kemahiran Sosialisasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Ali Seman, Warti Kimi, 2013. *Hubungan Etnik*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.
- Ainamardia Nazarudin dan Lutifah Natrah Abbas@Ahmad, 2017. *Asas Kelestarian Tingkatan 5*. Kajang: Aras Mega (M) Sdn. Bhd.
- Ajien Nyigor, 2015. *Pengirih Budaya Muafakat Etnik Bidayuh*. Kuching: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.
- Anita Abdul Rahim, 2012. *Jenayah Kanak-kanak & Undang-undang Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Had Salleh, 1980. *Pendidikan ke Arah Perpaduan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Aziz Deraman, 1995. *Adat dan Pantang Larang Orang Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Balakrishnan, V., 2009. *Pendidikan Moral untuk Universiti dan Kolej*. Subang Jaya: Arah Pendidikan.
- Balakrishnan, V., 2014. *Aplikasi I-Think dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasnah bt Ghani dan Mat Saat Abd. Rahman, 1995. *Jenayah Remaja: Permasalahan dan Penyelesaian*. Shah Alam: HIZB.
- Hasnah Hussin dan Mardiana Nordin, 2007. *Pengajian Malaysia*. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Lena Abdullah, 2007. *The Earth's Flora (First Edition)*. Seri Kembangan: Shamalis Enterprise, Percetakan Sermaju Sdn. Bhd.
- Rajantharan M & S. Manimaran, 1994 *Adat dan Pantang Larang Orang India*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Rozmi Ismail, 2011. *Psikologi Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tesaurus Bahasa Melayu Dewan*, 1998. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Sang Ann, 1994. *Adat dan Pantang Larang Orang Cina*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Yeong Pak Foo, 2005. *Hidupan Unik*. Kuala Lumpur: Edu Quest Publisher, Percetakan Advanco Sdn. Bhd.
- Zainal Abidin Abdul Wahid, 1971. *Konsep Negara Bangsa*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Zulhilmi Paidi dan Rohani Ab Ghani, 2003. *Masyarakat di Malaysia*. Petaling Jaya: PTS Publications Sdn. Bhd.

### LAMAN SESAWANG

- <http://www.teknikhidup.com/hubungan/ciri-ciri-sahabat-yang-baik> (dicapai pada 9 September 2017).
- <http://bebasplastik.my/> (dicapai pada 12 Disember 2017).
- <http://bicaramentari.blogspot.my/2017/06/ppk.html>. (dicapai pada 12 Disember 2017).
- <http://dwnkosmik.dbp.my/wordpress/?p=706>. (dicapai pada 1 Oktober 2017).
- [http://journalarticle.ukm.my/4741/1/V17\\_2.pdf](http://journalarticle.ukm.my/4741/1/V17_2.pdf) (dicapai pada 8 Oktober 2017).
- <http://jpspn.kpkt.gov.my/24/1/2018> (dicapai pada 1 Februari 2018).
- <http://jpspn.kpkt.gov.my/index.php/pages/view/134/> (dicapai pada 1 Oktober 2017).
- <http://jpspn.kpkt.gov.my/index.php/pages/view/134>. (dicapai pada 12 Disember 2017).
- <http://pissal.blogspot.my/2011/08/program-3r-di-sek-men-convent.html> (dicapai pada 20 Januari 2017).
- <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/alam-sekitar/6612-hari-tanpa-beg-plastik.html> (dicapai pada 1 Oktober 2017).
- <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/component/content/article/445-kolumnis/15970-perpaduan> (dicapai pada 15 September 2017).
- <http://purpleturtle-impianinsan.blogspot.com/2010/08/tanggungjawab-sosial-korporat.html> (dicapai pada 5 Oktober 2017).
- <http://qeh.moh.gov.my/v8/index.php/en/profil-hospital/piagam-pelanggan> (dicapai pada 20 September 2017).
- [http://www.academia.edu/5404932/HAK\\_KEBEBASAN\\_BERSUARA](http://www.academia.edu/5404932/HAK_KEBEBASAN_BERSUARA) (dicapai pada 8 Oktober 2017).
- <http://www.bomba.gov.my/> (dicapai pada 2 Oktober 2017).
- <http://www.dmpm.nre.gov.my/index.php> (dicapai pada 4 Februari 2018).
- <http://www.forest.sabah.gov.my/my/> (dicapai pada 2 Oktober 2017).
- <http://www.hersays.com/category/Relationship/Friendzone/1101/Cara-Menyelesaikan-Konflik-dengan->

Sahabat (dicapai pada 23 November 2017).  
<http://www.jpm.gov.my/> (dicapai pada 28 September 2017).  
<http://www.kptg.gov.my/sites/default/files/article/perlembagaanpersekutuan.pdf>  
(dicapai pada 5 Oktober 2017).  
<http://www.mampu.gov.my/ms/penerbitan-mampu/send/2-buku/44-tinta-inovasi-perkhidmatan-awam>  
(dicapai pada 20 September 2017).  
<http://www.mot.gov.my/my/darat/pengangkutan-jalan/perkhidmatan-ditawar-oleh-pengangkutan>  
(dicapai pada 28 September 2017).  
<http://www.norcalcompactors.net/safeguard-environment-three-rs-reduce-reuse-recycle/23/11/2017>(dicapai pada 11 November 2017).  
<http://www.nutp.org/new/ms/> (dicapai pada 12 Disember 2017).  
<http://www.pcb.gov.my/bm/aduan/sistem-pengurusan-aduan-awam-sispaa> (dicapai pada 22 September 2017).  
<http://www.pcb.gov.my/bm/kategori-blog/item/337-saluran-aduan-di-300-pejabat-pos-dan-pos-mini>  
(dicapai pada 28 September 2017).  
[http://www.ppj.gov.my/portal/page?\\_pageid=311,1&\\_dad=portal&\\_schema=PORTAL#1582](http://www.ppj.gov.my/portal/page?_pageid=311,1&_dad=portal&_schema=PORTAL#1582)  
(dicapai pada 1 Februari 2018).  
<http://www.prison.gov.my/> (dicapai pada 10 November 2017).  
<http://www.sinarharian.com.my/kolumnis/syahredzan-johan/kebebasan-bersuara-amalan-demokrasi>  
(dicapai pada 8 Oktober 2017).  
<http://www.sinarharian.com.my/rencana/mengubah-imej-kuala-lumpur-menjadi-bandar-hijau-1.126608>  
(dicapai pada 19 November 2017).  
[http://www.townplan.gov.my/download/Laporan\\_Draf\\_Garis\\_Panduan.pdf](http://www.townplan.gov.my/download/Laporan_Draf_Garis_Panduan.pdf). (dicapai pada 12 Disember 2017).  
<http://www.utusan.com.my/rencana/utama/ancaman-serius-terhadap-tenggiling-1.453663#ixzz4qmEiCSPu> (dicapai pada 11 Disember 2017).  
<http://www.wildlife.gov.my/> (dicapai pada 20 Disember 2017).  
<http://www.adk.gov.my/> (dicapai pada 1 Februari 2018).  
<http://www.bharian.com.my/node/146556> (dicapai pada 11 Februari 2018).  
<http://www.bharian.com.my/node/247261> (dicapai pada 5 Oktober 2017).  
<http://www.bharian.com.my/node/33302> (dicapai pada 8 Oktober 2017).  
<http://www.doe.gov.my/portalv1/> (dicapai pada 12 Disember 2017).  
<http://www.forestry.gov.my/index.php/my/> (dicapai pada 12 Disember 2017).  
<http://www.hmetro.com.my/node/166466> (dicapai pada 11 Februari 2018).  
<http://www.redcrescent.org.my/> (dicapai pada 10 Oktober 2017).  
[http://www.researchgate.net/publication/258383935\\_MEMUPUK\\_KESEDARAN\\_TANGGUNGJAWAB](http://www.researchgate.net/publication/258383935_MEMUPUK_KESEDARAN_TANGGUNGJAWAB)  
(dicapai pada 5 Oktober 2017).  
<http://www.rmc.edu.my/>(dicapai pada 12 September 2017).  
<http://www.mstar.com.my/kolumnis/2013/03/13/negara-akan-terus-maju-jika-perpaduan-kaum>  
(dicapai pada 12 September 2017).  
<https://sediaberkorban.wordpress.com/2013/05/02/undang-undang-kemanusiaan-antarabangsa/>  
(dicapai pada 10 Oktober 2017).  
<https://www.rmp.gov.my/infor-korporate/g-piagam-pelanggan> (dicapai pada 15 September 2017).  
<https://www.scribd.com/document/21962638/Apa-Itu-5r-Complete> (dicapai pada 12 Disember 2017)  
<https://www.sistemguruonline.my/2014/11/cabaran-hubungan-etnik-di-malaysia.html> (dicapai pada 15  
September 2017).  
<https://www.slideshare.net/puteraeyone/undangundang-kebangsaan-dan-antarabangsa-palang-merah>  
(dicapai pada 10 Oktober 2017).  
<https://www.slideshare.net/rosdiranli80/pencemaran-alam-sekitar-23511948> (dicapai pada 12 Disember 2017).  
<https://www.lamankerjaya.com/kerjaya-jururawat-di-kementerian-kesihatan/> (dicapai pada 9 September  
2017).  
[https://www.rmp.gov.my/program-pdrm/volunteer-smartphone-patrol-\(vsp\)/pelaksanaannya-vsp](https://www.rmp.gov.my/program-pdrm/volunteer-smartphone-patrol-(vsp)/pelaksanaannya-vsp) (dicapai  
pada 16 Julai 2018).

# INDEKS

- agama 4, 69, 70, 77, 82, 84-87, 92, 96, 165, 167, 173, 196  
akhlak 38  
akta 164-165, 174, 183-185, 191, 193  
amalan 24, 39, 52-54, 69-70, 84-87, 151, 165, 167, 199  
amalan 5R 114  
anjaj 100  
anugerah 20, 22-28, 30-32, 36  
aspirasi 103
- bahasa 68, 71, 82, 84-86, 89, 96, 188, 196  
bangga 199  
bangsa 84-87, 196, 199, 215  
batasan 181, 184, 187, 189-191  
bebas 7, 149, 167, 214  
berinteraksi 37  
berkomunikasi 41, 70-71, 183  
brosur 113  
budaya 69-70, 84-87, 196, 198  
bumi hijau 116-126, 128
- cabaran hidup 39, 87  
cabaran 179  
ciptaan 20, 22-24  
cogan kata 95
- demokrasi berparlimen 180  
derma organ 132, 142  
dilema 6-7, 11  
diplomati 214  
disiplin diri 39, 150
- ekosistem 23, 120  
fitnah 181, 184, 189  
forum 60, 188
- globalisasi 87, 103  
harta karun 190
- identiti 52, 54, 56, 148-149, 196, 198-199  
ikon 136  
inovatif 36, 45, 100, 106, 119  
integriti 45, 69
- jati diri 52, 87  
jenayah 164-167  
jururawat 12, 111  
jurusan 11-12
- kampung harmoni 137  
kanak-kanak 162-168, 170-171, 173-174, 176, 197, 214, 219, 225-226  
keamanan 84, 96, 145, 182, 188, 193, 198, 201, 214, 223  
kebahasaan 84  
kebanggaan 199  
kebebasan bersuara 180-193  
kental 38  
keperluan 5, 10, 12, 15-16, 22, 34, 38, 46, 48, 61, 70, 101, 119, 125, 178, 181, 183, 188, 191, 218  
kerjasama 5, 51, 56, 86, 88, 95, 115, 120, 131, 134, 136, 139, 195, 199-200, 202, 205  
kerjaya 4, 12, 16, 43  
keseimbangan 23, 120  
keselamatan 132, 134, 137-138, 166, 183, 218  
kesenian 52, 55, 93  
kesukarelawanan 135, 141  
ketamadunan 215  
kewajipan 132  
khazanah 21, 196, 199, 215  
kombatan 212-213  
komuniti 87-88, 90, 132, 165-166  
konflik 6, 17, 66-73, 75-80, 86-87, 94, 182, 198, 216-217  
konsisten 4, 15  
kotak misteri 94  
kualiti 101-103
- maklumat palsu 87, 184, 192  
masyarakat 6, 24, 39, 43, 64, 81, 83-88, 90-91, 94, 96, 102-104, 112, 116, 119, 128, 130-132, 134-136, 138, 141-143, 145, 154-155, 162, 166-167, 176-178, 183, 187, 192, 194-209, 214, 217, 224  
memelihara dan memulihara 133  
memoir 75, 142  
menziarahi 58-59, 64, 196, 204



mesra pelanggan 101, 107  
musibah 133, 138, 140

norma 52, 145, 198

pameran 12, 16, 29, 221, 226

pelarian 225

penarafan 119

pencabulan 216-217, 220-221, 226

penyelesaian 13, 33, 45, 70-73, 75, 77-79, 91,  
112, 170

peraturan dan undang-undang 4, 7, 36, 145,  
167, 214

peribadi 148

perkhidmatan awam 101-106, 109-113

perlembagaan Malaysia 180, 193

perpaduan 5, 84-90, 92, 94-96, 181, 187, 198,  
199, 201-202, 205, 208

persahabatan 14-15, 68-69, 72-80, 197

persefahaman 85, 197, 202

piagam pelanggan 101, 104, 112-113

pidato 187, 202

pilihan bermoral 4-7, 9-11, 13, 15-16

proaktif 37, 106, 118, 172  
provokasi 181, 189

risalah 142, 171, 220  
Rukun Negara 85

saluran 111, 170, 181-183, 187, 217  
sebati 52  
sumbang saran 139, 188

takziah 152

tanggungjawab sosial 132, 134-138, 140-141,  
143, 165

tradisi 52-65, 86, 196, 198-204, 206-209

transformasi 100, 106

undang-undang kemanusiaan antarabangsa  
212, 214, 216-218, 220-226

vegetarian 186

warisan 21, 53, 93, 215



Cadangan  
Jawapan

Dengan ini, **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baiknya dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

**Skim Pinjaman Buku Teks**

**Sekolah** \_\_\_\_\_

Tahun	Tingkatan	Nama Penerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: \_\_\_\_\_

Tarikh Penerimaan: \_\_\_\_\_

**BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL**